



هَسِيْدَعْرَبْ حَفَاظُو فِلْسِيُوْنِكُمْ فِرْعِيْكَتِ اِنْتَا هِ اِجْتِسَا

PERSIDANGAN HUFFAZ PROFESIONAL PERINGKAT ANTARABANGSA InFAZ 2023

" Sustainability of Professional Huffaz Towards IR 5.0 "
09 FEBRUARI 2023 | 18 REJAB 1444H

E-PROSIDING

Rakan Kerjasama:



Jawatankuasa Hal Ehwal Islam
Institut Pengajian Tinggi Malaysia



UNIVERSITI
TENAGA
NASIONAL
The Energy University

هَسِيْدَعْرَبْ حَفَاظُو فِلْسِيُوْنِكُمْ فِرْعِيْكَتِ اِنْتَا هِ اِجْتِسَا
PUSAT ISLAM UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
MASJID | TABUNG AMANAH ZAKAT | DANA WAKAF ILMU | PENSIJILAN TAHFIZ

E-PROSIDING
INTERNATIONAL CONFERENCE ON
PROFESSIONAL HUFFAZ 2023 (InFAZ)
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)

“Sustainability of Professional Huffaz Towards IR 5.0”

Editor:

Abdul Aziz Mat Isa

Siti Salma Mohamad Shokri

Muhammad Hafizan Abd Hamid

Syafawati Salihan

Amaluddin Arshad

Mohd Taufik Abu Hasan

Diterbitkan oleh:

Pusat Islam UNITEN

Aras Bawah Masjid UNITEN

Jalan Ikram-Uniten

43000 Kajang

Selangor

Cetakan pertama, 2023

© Unit Tahfiz, Pusat Islam UNITEN, Penulis-Penulis InFAZ

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada secara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Pusat Islam UNITEN (UIC) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

e-ISBN: 978-629-97894-0-6

Rekacipta:

Amira Ya'akob

Editor:

Abdul Aziz Mat Isa

Siti Salma Mohamad Shokri

Muhammad Hafizan Abd Hamid

Syafawati Salihan

Amaluddin Arshad

Mohd Taufik Abu Hasan

Diterbitkan oleh:

Pusat Islam UNITEN

Aras Bawah Masjid UNITEN

Jalan Ikram-Uniten

43000 Kajang

Selangor

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam dilafazkan kepada Nabi Muhammad SAW, insan mulia yang menjadi model kehidupan muslim seluruhnya, seterusnya kepada seluruh ahli keluarga baginda dan para sahabat. Atas komitmen yang jitu dari semua pihak, buku e-Prosiding *International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ)* berjaya dihasilkan.

Program yang julung kali diadakan ini merupakan kerjasama bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) hasil kesinambungan Konvensyen Huffaz Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada tahun 2019. Program ini merupakan platform yang baik bagi semua penyelidik dalam bertukar idea dan pandangan dalam memastikan pendidikan tahfiz di angkat setaraf dengan pendidikan arus perdana yang lain.

Kelestarian Huffaz Profesional Dalam Mendepani Revolusi Industri 5.0 merupakan tema yang tepat bagi membincangkan perubahan suasana dunia dalam mempersiapkan huffaz profesional yang holistik, pemimpin masa hadapan. Hasil cetusan idea dan pandangan para akademik dan pakar dalam persidangan ini mampu untuk membentuk para huffaz yang bersikap proaktif terhadap isu-isu semasa dalam pendidikan tahfiz agar dapat terus memperkasakan kemenjadian dan kebolehpasaran para huffaz secara lebih terancang, sistematik dan menyeluruh.

Akhir kata, terima kasih kepada semua urusetia dan jawatankuasa, serta para editor yang bertungkus lumus dalam menjayakan persidangan ini dan menghasilkan eprosiding yang baik ini.

PROF. MADYA DR. ABDUL AZIZ BIN MAT ISA
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

ISI KANDUNGAN

1. Ucaptama InFAZ: Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff, Profesor Jabatan al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 1 - 21
2. Fahrul Irfan Ishak, Azman Yusof, Mohd. Muslim Salleh & Syafawati Salihan, *Pengalaman dan Cabaran Universiti Kuala Lumpur Dalam Melaksanakan Program Huffaz Profesional*, (Universiti Kuala Lumpur & Universiti Tenaga Nasional) 22 - 35
3. Nur Masitah Mohamad Shawal & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, *Pecutan Hafazan Melalui Kaedah Karantina: Isu dan Cadangan*, (Universiti Pendidikan Sultan Idris) 36 - 52
4. Ezatul Marini Mohd Ghazali, Norhamizah Tamat & Nurul Ain Othman, *Motivating Factors & Challenges: Unveiling Students' Experiences Undergoing Certificate in Tahfiz* (Quran Memorization), (Politeknik Sultan Azlan Shah Behrang, Perak) 53 - 59
5. Nur Atiqah Mohd Razin & Wan Nasyarudin Wan Abdullah, *Penerapan Elemen Tadabbur al-Quran Melalui Aktiviti Fiqh al-Ayat Dalam Pelaksanaan Program Tahfiz Module Ulul Albab (TMUA) di SMKA Maahad Muar, Johor* (Universiti Kebangsaan Malaysia) 60 - 81
6. Mohd Hasdi Mohamed & Rashidi Abbas, *Persepsi Peserta Program Tahfiz al-Quran Terhadap Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran)*, (Universiti Malaysia Pahang) 82 - 90
7. Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, *Pelaksanaan Student Learning Time (SLT) Bagi Subjek Hifz al-Quran: Satu Pemerhatian di Universiti Tenaga Nasional*, (Universiti Tenaga Nasional & Universiti Pendidikan Sultan Idris) 91 - 102
8. Muhammad Hafizan Abd Hamid & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, *Faktor Keciciran Pelajar Tahfiz al-Quran di Malaysia*, (Universiti Tenaga Nasional & Universiti Pendidikan Sultan Idris) 103 - 116

9. Mohd Nazir Kadir, Siti Nurjanah Mastor Mustafa & Siti Aisyah Johan, *Pendekatan Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz al-Quran di Institut Pengajian Tinggi*, (Kolej Pengajian Islam Johor & Universiti Teknologi Malaysia, Skudai) 117 - 128
10. Nor Sazwana Sumairi, Raudhah Nurdin Muhammad & Nurul Amilin Wajihah Mohammad Shamsudin, *Daya Tahan Pelajar Sains Perubatan Dalam Pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran: Kajian di University of Cyberjaya (UOC)*, (University of Cyberjaya) 129 - 140
11. Khadijah Riddzwan & Izuli Dzul kifli, *Pelaksanaan TVET Tahfiz di Malaysia: Satu Pengenalan*, (Universiti Kebangsaan Malaysia) 141 - 155
12. Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid, Amaluddin Arshad & Mohd Taufik Abu Hassan, *Halatuju Program Huffaz Profesional di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Pemerhatian di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)*, (Universiti Tenaga Nasional) 156 - 170
13. Ainoor Mahfuzah Ahmad & Haslina Abdullah@Mohamed, *Konsep Pemakanan Pintar Holistik dalam al-Quran: Sorotan Menurut Pandangan Ibn Sina*, (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) 171 - 185

Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa¹

Zulkifli Haji Mohd Yusoff²

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Pendahuluan:

Percaya atau tidak, pengajian tahfiz al-Quran apabila ia diperkenalkan di mana-mana tempat ia tidak akan mati kecuali dengan kehendak pemiliknya sendiri. Jika dengan desakan dan tekanan, kami percaya ia tidak akan mati meskipun sekolah tahfiz tersebut adalah miskin umpama kais pagi makan pagi.

Sesiapa yang melibatkan diri dengan tahfiz, mereka telah membulatkan diri dengan satu pengorbanan yang bukan ganjaran dunia dicari, sebaliknya ganjaran akhirat yang dikejar. Orang yang telah meletakkan diri di atas landasan itu sukar digugat pegangan mereka. Justeru pengajian tahfiz ini tidak akan terkubur.

Apa yang terbaik ialah, segala kelemahan yang terdapat pada pengajian ini perlu dibantu dan disokong dengan memberi kepada pengusaha garis panduan pembaikan contohnya seperti aspek keselamatan peserta dan pengurusan dana, agar setanding dengan madrasah-madrasah yang lain; duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Perkara ini telah acap kali dibincang dalam beberapa siri seminar yang berkaitan dengan tahfiz.

¹ Kertas ini dibentang sebagai Penyampai Ucaptama dalam *International Conference on Professional Huffaz (INFAZ) 2023* bertempat di Dewan Seri Sarjana, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kajang, Selangor pada 9hb Februari 2023

² Kertas kerja ini disiapkan hasil kerjasama dari para penyelidik geran tahfiz UM terdiri dari Prof Datin Dr Noor Naemah Abdul Rahman, Dr Nor 'Azzah Kamri, Dr Nor Aini Ali, Dr Norhayati Haji Hamzah dan Prof Madya Dr Sedek Ariffin. Ia dibantu oleh Puan Syarifah Khairiyah Binti Syed Abu Bakar dari JAKIM, Ustazah Rosliza Binti Abdul Latif dan Ustaz Mohd Nazri Bin Abdullah dari Darul Quran, Kuala Kubu. Maklumat IIQ diperolehi dari temubual dengan Ibu Istiqamah dan Ustaz Ar Rasyid, sementara berkaitan PTIQ dari alumninya iaitu Abuya Faris Asyari Munir. Saya juga dibantu oleh calon PhD saya Ustaz Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad.

Kali ini, kertas ini cuba mengorak satu lagi langkah kedepan dengan membuka perbincangan ke arah mengemudi atau memandu masa depan Pendidikan Tahfiz Malaysia menuju piawai perspektif antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, rujukan perbincangan adalah berdasarkan input dari 20 buah institusi tahfiz yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Ia terdiri daripada 11 buah institusi tahfiz yang di bawah pentadbiran kerajaan sama ada kerajaan Persekutuan atau kerajaan Negeri. Manakala bakinya sebanyak sembilan buah merupakan institusi tahfiz swasta. Peringkat pendidikan bagi institusi tahfiz yang terpilih hanya dihadkan kepada peringkat menengah yang menawarkan pelbagai aliran iaitu tahfiz Turath, tahfiz Dini, tahfiz Sains, tahfiz Kemahiran atau gabungan antara aliran-aliran ini yang dikenali sebagai tahfiz Hibrid.

Realiti Tahfiz

Penghafaz al-Quran dianggap sebagai termasuk dalam kategori yang difirmankan oleh Allah SWT bermaksud:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

[Surah al-Hijr: 9]

Ia bermaksud, Allah menjaga al-Quran ini daripada hilang adalah dengan wujudnya golongan-golongan penanggung al-Quran ini. Mereka bekerja dan menjalankan berbagai aktiviti bagi memastikan semua orang yang mengaku muslim tahu membaca al-Quran, mereka yang telah mampu membaca dapat pula menghafaz ayat-ayatnya dan yang telah menghafaz dapat pula memahami makna-makna yang terkandung di dalamnya untuk dihayati dengan mendalam. Apabila berlaku penghayatan maka di samping bertambahnya keimanan maka bertambah pula nilai diri seseorang muslim selari dengan firman Allah bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.”

[Surah al-Anfal: 2]

Dalam surah ini Allah menyebut pertambahan iman berlaku apabila seseorang itu berinteraksi dengan al-Quran. Situasi sebegini didoakan semoga refleksi al-Quran seperti yang digambarkan oleh Aisyah RA akan menjadi jati diri para pendokong al-Quran terutama penghafaz al-Quran:

“Daripada Abu Darda, Dia berkata, aku bertanyakan Aisyah mengenai akhlak Rasulullah SAW, beliau menjawab; akhlak Baginda adalah al-Quran. Beliau marah sesuatu yang menyebabkan kemarahan al-Quran, beliau gembira dengan apa yang diredhai oleh al-Quran”.

[Mu'jam al-Awsat 1/30, Al-Tabrani]

Menghafaz al-Quran adalah satu ibadah dan merupakan satu bentuk pemeliharaan terhadap ayat-ayat al-Quran. Ulama secara umum menyebut bahawa menghafaz al-Quran hukumnya adalah fardu kifayah, manakala menghafaz sebahagian ayat-ayat adalah fardu ain seperti Surah al-Fatihah.

Perkembangan budaya menghafaz al-Quran semakin mendapat tempat dalam kalangan umat Islam. Sebagai contoh di Makkah dan Madinah, menghafaz al-Quran merupakan satu amalan biasa bagi umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat sehingga kini. Selain itu, di Universiti al-Azhar Mesir, para pelajar universiti tersebut dikehendaki menghafaz al-Quran sebelum menamatkan pengajian. Antara pusat pengajian al-Quran yang terkemuka juga adalah di Syubra dan India sehingga metode penghafalan al-Quran yang digunapakai di sana turut diaplikasikan di Malaysia (Khairul Anuar, 2016).

Realiti Tahfiz di Malaysia

Sejarah awal pengumpulan al-Quran, penulisan, penyalinan dan penyebaran memaparkan bagaimana umat Islam bergerak cergas menjaga hafazan al-Quran agar ia sampai kepada generasi kini. Tidak terkecuali usaha sedemikian disambung mata rantainya oleh para pendidik tahfiz di Malaysia. Mereka cecal berusaha membangunkan madrasah tahfiz meskipun berbagai liku dan kepayahan dihadapi. Demikian juga gelagat ibu bapa yang memberikan sambutan agak luar biasa sehinggakan pertumbuhan madrasah tahfiz bagai tidak dapat disekat sekalipun sebahagian darinya dipertikaikan mutunya.

Sejarah pendidikan tahfiz di Malaysia bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Namun, pendidikan tersebut yang dikenali sebagai pengajian “*alif ba ta*” atau sekolah al-Quran masih belum dijalankan secara formal dan hanya dilakukan di rumah guru sahaja (Solahuddin Ismail, 2016). Selain pengajian al-Quran, kemahiran membaca dan menulis jawi serta ilmu asas Islam seperti fardu ain, rukun Islam dan rukun iman turut diberikan perhatian. Dari masa ke semasa, pusat pengajian semakin bertambah dengan menjadikan masjid, surau dan istana sebagai tempat pengajian, sehinggalah tertubuhnya institusi pondok yang dibina di atas tanah milik tuan guru atau tanah wakaf. Pengajian pondok adalah lebih mendalam dengan memberi penekanan kepada ilmu Tafsir, Fikah dan Hadis yang disampaikan dalam bentuk syarahan kepada kumpulan pelajar mahupun individu sehingga menjadi asas kepada penubuhan Sekolah Agama Rakyat di seluruh Malaysia (Masitah Ramli & Aizan Mat Zin, 2015). Proses menghafaz juga dijalankan sekurang-kurangnya Surah al-Fatihah kerana ianya asas dalam mengerjakan solat. Namun, hafazan bukanlah pendidikan teras dan hanya dijalankan secara individu dan tidak formal dengan bersandarkan pengalaman guru al-Quran semata-mata (Muriyah Abdullah et al., 2015).

Pada tahun 1966, pengajian tahfiz mula dijalankan secara formal di Malaysia dengan penubuhan Kelas Pengajian al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara. Ia merupakan hasrat Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan disertai lapan orang pelajar perintis. Kelas pengajian ini dijalankan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dari tahun 1966 hingga 1978. Kelas pengajian ini kemudiannya telah dinaiktaraf menjadi Unit Pengajian Menghafaz al-Quran Masjid Negara dan telah diperluas menjadi salah satu jabatan di bawah pengendalian Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1984 yang dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MTQ). Nama MTQ ditukar kepada Institut Pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat (IPTQ) dan kemudiannya kepada Darul Quran yang ditempatkan di Kuala Kubu Bharu, Selangor pada tahun 1997 (Nordin Ahmad, 2015).

Rentetan daripada penubuhan institusi tahfiz secara formal, seluruh negeri di Malaysia turut mewujudkan institusi tahfiz negeri masing-masing bermula di Terengganu pada tahun 1984 dengan nama Institut al-Quran Terengganu, yang turut menggunakan sukatan kurikulum Darul Quran (Sedek Ariffin, 2012).

Seiring dengan itu, institusi tahfiz swasta juga mula menapak di Malaysia dan tumbuh umpama cendawan selepas hujan. Raudhatul Tahfiz al-Quran di Jeram merupakan institusi tahfiz persendirian yang pertama di Malaysia. Kebanyakan institusi tahfiz swasta mengambil sukatan dari India dan Pakistan serta pembelajarannya adalah secara tradisional yang disesuaikan dengan keperluan tempatan. Matlamatnya adalah untuk menyampaikan ilmu Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran semata-mata serta menyempurnakan hafazan sebelum tamat pengajian. Sistem pembelajarannya juga adalah secara menadah kitab turath atau di Malaysia dikenali sebagai kitab kuning dan para pelajar perlu duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan yang disebut halaqah tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar (Masitah Ramli & Aizan Mat Zin, 2015). Sebelum pelajar tamat pengajian di institusi tahfiz berkenaan, mereka perlu menjalani peperiksaan khas untuk melayakkan pelajar menerima Sijil Akuan Tahfiz. Namun, kebanyakan sijil ini tidak mendapat pengiktirafan daripada universiti tempatan atau luar negara. Antara lain ianya disebabkan oleh kurikulum yang ditawarkan tidak melibatkan subjek Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menyukarkan pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan juga mendapatkan pekerjaan.

Melihat senario perkembangan tersebut, pihak Kerajaan Persekutuan mula mengambil inisiatif seiring dengan sambutan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz iaitu dengan mewujudkan institusi tahfiz di peringkat sekolah menengah yang lebih sistematik dan moden. Pelbagai aliran juga diwujudkan dengan melaksanakan integrasi antara ilmu naqli dan aqli atau paling tepat integrasi antara ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Ilmu fardu ain berkaitan dengan ilmu agama seperti tafsir, takwil dan *hadīth* yang disepadukan dengan ilmu fardu kifayah seperti sains, perubatan dan matematik (Mukhlas Nugraha, 2016). Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MTAQ) di Kelantan merupakan institusi tahfiz terawal yang menggunakan aliran integrasi ini. Kerajaan Negeri juga mula mengikuti langkah ini, malah pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut tidak ketinggalan mewujudkan aliran tahfiz moden yang dikenali sebagai program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) terpilih di bawah kelolaannya (Noor Hisham et al., 2014).

Walaupun kerajaan menyediakan secara formal pengajian tahfiz peringkat diploma di DQ, namun kebanyakan sekolah tahfiz swasta peringkat menengah dikendalikan oleh individu perseorangan atau pertubuhan berstatus masih belum tersusun rapi.

Kurikulum tahfiz yang dilaksanakan di sekolah tahfiz tidak seragam antara negeri dan dibangunkan mengikut visi dan misi pengasas sekolah tersebut. Situasi ini telah menimbulkan kesukaran dalam menyelaraskan aspek pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sumber manusia. Malah ada dalam kalangan pengusaha sekolah tahfiz hanya memberi fokus kepada hafazan semata-mata tanpa akademik. Justeru, situasi ini telah menyebabkan faktor utama murid tahfiz swasta tersekat untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi dan tidak memiliki syarat kelayakan untuk berkhidmat di sektor awam.

Walaupun negara telah mencapai kemerdekaan lebih 60 tahun, namun kebajikan dan pembangunan pendidikan murid tahfiz swasta dari segi akses dan ekuiti masih ditahap belum memuaskan. Situasi ini amat merugikan masa depan negara dari segi sumber manusia dan tenaga kerja.

Mengikut statistik, sehingga 17 Oktober 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bahawa terdapat 1238 buah institusi tahfiz di Malaysia iaitu sebanyak 910 buah jumlah pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri ataupun JAKIM yang membawa kepada 73.5 peratus dan institusi tahfiz yang tidak berdaftar pula adalah sebanyak 328 buah iaitu 26.5 peratus (Portal Rasmi Parlimen Malaysia, 2018a).

Perkembangan yang begini pantas bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan perlu dipantau bukan dengan pengertian untuk disekat tetapi dengan semangat untuk diperbaiki segala kelemahan yang ada agar ia dapat dimartabatkan. Ini kerana pelbagai pihak berlumba-lumba untuk melahirkan golongan penghafaz al-Quran, tidak kira sama ada pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan, pihak swasta, malah pihak individu juga turut terlibat (Sedek Ariffin, 2012). Perkembangan ini dikatakan semakin meningkat kerana ingin memenuhi permintaan ibu bapa yang begitu berminat dan ingin terus menghantar anak-anak mereka belajar di institusi tahfiz walaupun terdapat banyak isu negatif yang melibatkan institusi ini seperti kes kebakaran, kes liwat, yuran pengajian yang tinggi dan sebagainya. Namun, perkara itu tetap tidak mematahkan semangat ibu bapa menghantar anak mereka ke institusi berkenaan. Sebaliknya mereka berharap lebih banyak institusi tahfiz diwujudkan di negara ini dalam memenuhi gagasan satu keluarga satu hafiz.

Pendidikan Tahfiz Perspektif Malaysia

Antara program yang dikenalpasti telah dan akan dapat membantu memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia adalah seperti berikut:

i. Penubuhan Majlis Tahfiz Negara

Hasrat kerajaan untuk mengambil tanggungjawab terhadap aktiviti tahfiz dalam negara telah dipersetujui oleh MKI dalam mesyuarat kali ke-61 pada 28 Jun 2016. Dasar yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Tahfiz Negara telah dipersetujui dalam mesyuarat ini dan disebarkan maklum kepada Majlis Raja-Raja kali ke-247 pada 11 Oktober 2017. Teras 5 dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara adalah mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) kali ke 50 pada 27 Mac 2019 telah bersetuju dengan peluasan fungsi LEPAI sebagai badan pengiktirafan persijilan dan mengambil tanggungjawab tersebut. Satu jawatankuasa pakar perlu ada bagi melaksanakan tanggungjawab ini. Maka Persidangan LEPAI kali ke 51 pada 4 September 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Tahfiz Negara (MTN) dan Mesyuarat MKI kali ke 67 pada 12 September 2019 memperaku penubuhannya.

Majlis Tahfiz ini ditubuhkan bagi melihat isu yang berkaitan dengan tahfiz di seluruh negeri. Berbagai isu telah dibangkitkan berkaitan tahfiz. Antaranya ialah prasarana dan keselamatan premis, guru tahfiz yang kurang mahir, pengurusan yang lemah, kurikulum tahfiz yang tidak selaras, keciciran pelajar tahfiz daripada arus pendidikan kebangsaan, hala tuju pendidikan tinggi yang kabur kepada lepasan tahfiz, kekurangan nilai tambah dalam aspek kemahiran kepada lepasan tahfiz dan sebagainya. Perkara-perkara ini telah mendapat perhatian kerajaan dan dibincangkan dalam mesyuarat kabinet.

Dasar ini berperanan sebagai dokumen rujukan dalam memandu institusi pendidikan tahfiz di seluruh negara bagi menentukan hala tuju dan kualiti pendidikan tahfiz agar selari

dengan pendidikan arus perdana. Natiyahnya pendidikan tahfiz yang berkualiti akan melahirkan modal insan dan generasi al-Quran dengan masa depan yang cerah melalui model pendidikan tahfiz yang sesuai mengikut acuan Malaysia.

ii. **Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz (JAT)**

Seperti yang disebutkan di atas, teras ke-5 Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) ialah mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz. Bagi melaksanakan inisiatif ini, LEPAI telah menubuhkan satu jawatankuasa baru yang dinamakan Majlis Tahfiz Negara.

Walaubagaimanapun penggunaan nama Majlis Tahfiz Negara bagi jawatankuasa tersebut telah memberikan persepsi bahawa ia bertanggungjawab terhadap semua isu berkaitan dengan tahfiz, sedangkan Jawatankuasa Induk DPTN yang dipengerusikan oleh YB Menteri telah sedia diwujudkan bagi menyelaras isu-isu tahfiz secara keseluruhan.

Justeru, bagi mengelak persepsi tersebut, MTN telah dijenamakan semula sebagai Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz (JAT). YBM setuju MTN dijenamakan semula sebagai Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz (JAT) pada 9 September 2020 dengan fungsi, objektif dan keanggotaan jawatankuasa ini masih kekal seperti MTN.

Selain JAT, tiga jawatankuasa sedia ada di bawah LEPAI turut berperanan dalam merealisasikan inisiatif-inisiatif di bawah teras-teras lain dalam DPTN iaitu:

- i. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum
- ii. Jawatankuasa Buku Teks
- iii. Jawatankuasa Peperiksaan dan Pensijilan

Kecenderungan ramai pihak selepas serangan Covid-19, menganjurkan program secara tahfiz *online*, memberi cabaran kepada JAT dalam mengawal selia mutu, persijilan, pemantauan dan audit. Dibimbangi terdapat pihak tertentu yang mengambil kesempatan atas platform tersebut.

iii. **Pembangunan SIMPENI**

SIMPENI bermaksud sistem maklumat Pendidikan Islam. Sistem ini menyimpan data terkini yang merekodkan jumlah maahad tahfiz yang berdaftar dengan pihak berkuasa negeri. Berdasarkan data yang diperolehi dari SIMPENI, berlaku pertambahan bilangan maahad tahfiz swasta berdaftar sebanyak 64 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2016. Bilangan maahad tahfiz swasta pada tahun 2016 ialah 581 buah manakala bagi tahun 2019 sebanyak 936 maahad tahfiz swasta yang telah berdaftar. Data sehingga September 2022 bilangan premis Maahad tahfiz swasta berdaftar berjumlah 1193.

iv. **Pewujudan Model Institusi Tahfiz Dan Kurikulum Yang Selari Dengan Pendidikan Arus Perdana**

Model 1: Kurikulum Bersepadu Tahfiz

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) menggabungkan dua komponen mata pelajaran tahfiz al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Integrasi kurikulum ini dijangka akan dapat melahirkan pelajar yang menghafaz al-Quran dan menguasai ilmu-ilmu lain. Kurikulum Bersepadu Tahfiz akan memastikan pelajar dapat menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam masa lima tahun pengajian di peringkat sekolah menengah.

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz ini di 19 buah sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), di 15 buah sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah Menengah Agama (SMKA) di seluruh negara.

Model 2: Tahfiz Turath

Tahfiz Turath merujuk kepada aliran yang mewajibkan hafazan 30 juzuk al-Quran dan pengajian kitab turath. Kurikulum ini dijangka akan dapat melahirkan pelajar yang menghafaz al-Quran dan menguasai ilmu warisan Islam.

Model ini biasanya digunakan di kebanyakan institusi tahfiz swasta.

Model 3: Tahfiz Kemahiran/TVET

Tahfiz Kemahiran/TVET adalah aliran baru yang perlu diberikan perhatian. Pelajar bukan sahaja perlu menghafaz 30 juzuk al-Quran malah mesti menguasai ilmu kemahiran lain sebagai nilai tambah yang boleh memberi menafaat untuk masa hadapan.

Antara bentuk kursus kemahiran yang dilaksanakan oleh institusi tahfiz ialah kursus kulinari, jahitan, automatif, motorsikal, pengkomputeran dan IT sama ada secara sendirian atau dengan kerjasama kolej komuniti.

v. Pembaikan Prasarana dan Premis Tahfiz

Pada tahun 2017, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak 30 juta bagi membantu institusi tahfiz. Peruntukan tersebut diagihkan kepada perkara seperti menambahbaik institusi tahfiz dari aspek prasarana, bahan pembelajaran, insentif pendaftaran institusi tahfiz swasta dan lain-lain. Manakala pada tahun 2018 kerajaan telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM50 juta kepada GiatMara bagi kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara sistem pendawaian di semua institusi tahfiz yang berdaftar di seluruh negara. Seterusnya bagi tahun 2019, kerajaan menyalurkan bantuan kepada institusi tahfiz berdaftar dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

vi. Pemerkasaan Tadbir Urus Institusi Tahfiz

Bagi memperkasakan aspek tadbir urus institusi tahfiz, program latihan telah dilaksanakan kepada mudir atau pentadbir institusi tahfiz. JAKIM telah mendapat peruntukan berjumlah RM4 juta secara *one off* untuk keperluan latihan perguruan kepada pentadbir dan guru-guru dari KAFA, SAR, SAN, pondok dan tahfiz bagi tahun 2019.

JAKIM melaksanakan latihan ini dengan kerjasama empat agensi pelaksana latihan iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

vii. Pelaksanaan Pendidikan Tahfiz Di Peringkat Pengajian Tinggi

Usaha mewujudkan pendidikan tahfiz di peringkat pengajian tinggi telah dilakukan oleh Darul Quran JAKIM. Sehingga kini sebanyak 18 institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dan maahad tahfiz negeri-negeri telah bekerjasama dengan Darul Quran JAKIM bagi melaksanakan program tahfiz sama ada di peringkat pensijilan atau diploma.

viii. Penawaran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Sukatan pelajaran peperiksaan ini digunakan mulai sesi 2019/2020 bagi kemasukan ke universiti-universiti tempatan dan ia dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Di samping mengendalikan peperiksaan, MPM turut bertanggungjawab untuk menyediakan sukatan pelajaran peperiksaan bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan pada peringkat STPM.

Sukatan Pelajaran Peperiksaan Tahfiz al-Quran STPM ini digubal untuk membuka ruang kepada calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran pada peringkat STPM. Sukatan pelajaran peperiksaan ini pertama kali diperkenalkan bagi peperiksaan STPM dan mula digunakan pada tahun 2019.

Sukatan Pelajaran Peperiksaan Tahfiz al-Quran STPM ini adalah kesinambungan di antara sukatan pelajaran peringkat SPM dan peringkat Ijazah Sarjana Muda. Melalui sistem pentaksiran yang baharu ini, pengajian tingkatan enam dibahagikan kepada tiga semester dan calon akan menduduki peperiksaan pada akhir setiap semester. Tujuan utama MPM memperkenalkan sistem pentaksiran baharu ini adalah untuk menambah baik orientasi pengajaran dan pembelajaran di Pusat Tingkatan Enam agar selari dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan di universiti.

Sukatan pelajaran peperiksaan ini memberikan pendedahan kepada calon tentang ilmu Tahfiz al-Quran. Sukatan ini mengandungi komponen kerja kursus yang wajib dilaksanakan oleh calon. Aspek kerja kursus penting kerana melaluinya, calon bukan sahaja belajar untuk menguasai ilmu tertentu, malah calon juga akan dapat menerapkan kemahiran insaniah dalam diri mereka melalui pengalaman yang diperoleh semasa melaksanakan kerja kursus tersebut. Pengalaman ini akan membantu calon dalam melaksanakan kerja kursus pada peringkat yang lebih tinggi kelak. Sukatan pelajaran peperiksaan ini dijangka dapat menghasilkan calon yang berfikiran matang, berpengetahuan luas, dan berupaya untuk menyampaikan idea dengan berkesan melalui pelbagai bentuk komunikasi.

ix. Sijil Tahfiz Malaysia (STM)

Sijil Tahfiz Malaysia mula dilaksanakan oleh Darul Quran JAKIM pada bulan November 2011. Bermula tahun tersebut sehingga tahun 2018 seramai 2146 orang calon telah mengikuti ujian penilaian STM dan seramai 788 orang telah lulus dan berjaya memperolehi Sijil Tahfiz Malaysia (36.7%). Sehingga Jun 2022, jumlah keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan ini ialah seramai 2356 dan jumlah bilangan calon lulus keseluruhannya adalah 865.

Kelebihan sijil ini ialah kerana ia mendapat sokongan untuk memohon skim pembiayaan hafiz (SPH) tajaan JAKIM bagi menyambung pengajian ke peringkat ijazah dan ke atas. Pada masa yang sama, ia mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memohon jawatan Guru Tahfiz Kementerian.

Pendek kata, pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia dijangka akan terus subur berkembang. Fakta sejarah yang menunjukkan maahad tahfiz sentiasa bertambah pada setiap tahun menyakinkan kita kepada perkara tersebut. Pada masa yang sama, wahyu memberi nilai tambah keyakinan kepada perkara tersebut apabila Baginda SAW bersabda bahawa para penghafaz al-Quran adalah merupakan Ahli Allah. Sabda Baginda SAW bermaksud:

“Sesungguhnya Allah memiliki orang khusus (Ahliyyin) dari kalangan manusia. Mereka (para sahabat) bertanya, “Wahai Rasulullah siapakah mereka?” Beliau menjawab, “Mereka adalah Ahlu Al-Qur’an, Ahlullah dan orang khusus-Nya.”

[Albani, Sahih al-Targhib 1432]

Perspektif Antarabangsa Pendidikan Tahfiz Malaysia

Program tahfiz yang mula diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1966 telah membawa bau harum ke beberapa negara jiran yang mempamirkan ciri-ciri antarabangsa Pendidikan Tahfiz Malaysia. Sebagai contoh, jaringan yang baik berlaku antara Darul Quran JAKIM dengan beberapa pihak atau negara secara rasmi dan tidak rasmi.

i. Pendekatan rasmi

Darul Quran mula membuat pengambilan pelajar luar negara tahun 1977 dengan menawarkan pengajian peringkat diploma. Ia melibatkan negara-negara Thailand, Brunei, Singapura dan Indonesia. Darul Quran juga pernah menawarkan pengajian kepada pelajar dari Negara Maldives pada tahun 1984 dan pelajar dari Negara Ghana pada tahun 1994. Sehingga tahun 2020, seramai 230 orang pelajar luar negara telah ditawarkan mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM.

Mesyuarat Lembaga Darul Quran ke-29 telah membincangkan kembali dasar pengambilan pelajar luar negara. Ia bagi tujuan penambahbaikan. Maka pada pengambilan bulan Oktober 2016, kuota pengambilan luar negara telah dipraktiskan pada 5% dengan bilangan pelajar luar negara yang ditawarkan adalah tidak melebihi 3 orang bagi setiap negara. Penetapan ini adalah selari dengan Pelan Strategik JAKIM 2015-2019.

Para pelajar luar negara ini bukan diterima masuk secara rambang, sebaliknya berasaskan syarat-syarat tertentu, yang berdasarkan persetaraan yang diperakui oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Beberapa syarat telah ditetapkan oleh Darul Quran, JAKIM bagi kemasukan ke program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, mengikut kelayakan akademik yang dikira setara dengan SPM sebagaimana di bawah:

BIL	NEGARA	NAMA KELAYAKAN MQA	KEMASUKAN KE PERINGKAT	SYAHADAH DEENIYAH
1	Brunei Darussalam	Cambridge GCE O Level	Tahap 4 MQF (Diploma)	Sijil Pengajian Ugama Brunei daripada Institut Tahfiz al-Quran, Sultan Haji Hassanal Bolkiah atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Brunei.
2	Cambodia	Diploma of Upper Secondary Education (Grade 12)	Tahap 6 MQF (Ijazah Sarjana Muda)	Syahadah Sanawiah daripada Cambodian Islamic Center atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Cambodia.
3	Indonesia	Ijazah Sekolah Menengah Umum (SMU) 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas & Kejuruan	Tahap 4 MQF (Diploma)	Ijazah Madrasah Aliyah dengan gred purata 5 – 65 atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Indonesia.
4	Laos	Baccalauréat (Upper Secondary School Leaving Certificate)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Laos.
5	Myanmar	Basic Education High School Examination (also known as Matriculation Examination)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Myanmar.
6	Philippines	High School Diploma (10-year curriculum)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Philippines.
7	Singapore	Singapore / Cambridge GCE O level	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah Al-Junied atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Singapura.
8	Thailand	Certificate of Vocational Education (Paw Waw Chaw)	Tahap 4 MQF (Diploma)	Syahadah Sanawiah daripada At-Tarkiah Islamiah Institute, Narathiwat atau Madrasah-Madrasah Islamiyah di Thailand.
9	Vietnam	Bằng Tốt Nghiệp Phổ Thông Trung Học (Upper Secondary School Graduation Diploma)	Tahap 6 MQF (Ijazah Sarjana Muda)	Syahadah Sanawiah Deeniyah daripada Madrasah-Madrasah Islamiyah di Vietnam.

Pelajar luar ini akan menjalani temuduga terlebih dahulu sebelum mereka diterima masuk. Antara amalan yang dilaksanakan dalam proses pengambilan pelajar luar negara ialah:

1. Menjalankan proses temuduga secara bersemuka dengan berada di negara tersebut dengan kelulusan peruntukan atau pelajar tersebut datang ke Darul Quran;
2. Menjalankan proses temuduga secara *online*;
3. Melantik panel temuduga yang berkelayakan di negara berkaitan untuk mengendalikan proses temuduga.

ii. Pendekatan tidak rasmi:

Tidak terhenti di situ, kerana terdapat pula inisiatif di luar pejabat bagi membantu negara-negara yang memerlukan khidmat penubuhan madrasah tahfiz di luar negara. Umpamanya di Vietnam. Persatuan Kebajikan Darul Quran JAKIM melakukan inisiatif sendiri bagi membantu menjayakan


penubuhan Madrasah Darul Salam, Vietnam. Negara ini yang anggaran komuniti Muslim adalah seramai 80,000 orang Muslim (iaitu 0.08% daripada 100 juta rakyat Vietnam), tiada satu pun madrasah tahfiz.

Pada awal abad ke-20, ketika Vietnam menjadi jajahan Perancis, bangsa Melayu Islam mulai memiliki pengaruh kuat terhadap orang Cham, dan masjid-masjid serta madrasah banyak didirikan di daerah Selatan Vietnam. Sejak masa itu, para ulama Melayu mulai memberi khutbah di masjid-masjid dalam Bahasa Melayu, dan mulai banyak orang belajar ke madrasah-madrasah yang didirikan oleh orang Melayu Cham. Salah satu darinya ialah Madrasah Darussalam terletak di Tan Chau-Xa Tan iaitu sebuah perkampungan di Wilayah Tai Ninh-Vietnam yang mendapat keizinan operasi oleh Kerajaan Vietnam. Para murid yang belajar di madrasah ini mempelajari Pendidikan Islam terutama mendalami pengajian al Quran dan menggunakan kurikulum yang telah digubal oleh Darul Quran, JAKIM. Setakat Julai 2022, madrasah tersebut telah menampung seramai 165 pelajar.

Oleh kerana permintaan semakin meningkat, Persatuan Kebajikan Darul Quran, JAKIM telah mengambil inisiatif bagi membantu kutipan dana bagi membolehkan madrasah menampung seramai 350 orang pelajar dalam suatu masa di mana sasaran tempoh untuk menyiapkan bangunan madrasah adalah pada awal tahun 2023.

Dengan terbinanya madrasah ini, hubungan pengantarabangsaan antara Negara Malaysia dengan Negara Vietnam akan terjalin erat dan program Pendidikan Islam dan Tahfiz di Vietnam akan tercapai.

Di samping usaha persatuan, saya percaya bahawa ada juga beberapa usaha peribadi yang dilakukan secara individu sama ada menerima masuk pelajar antarabangsa atau menghantar pelajar dari maahad tahfiz dalam negeri ke Turki, Syria, Yemen, Africa Selatan dan lain-lain tanpa pengetahuan kerajaan. Contoh, Sekolah Menengah IQKL menjalinkan hubungan persendirian dengan Universiti WISE di Jordan hasil lawatan Profesor Shahadah ke IQKL.



Pendidikan Tahfiz Malaysia Perspektif Antarabangsa

Dalam kerangka memandang ke hadapan di mana tahfiz Malaysia di persada antarabangsa, pendidikan tahfiz Malaysia masih ketinggalan berbanding negara jiran, Indonesia. Meskipun pendidikan tahfiz Malaysia memiliki aktiviti antarabangsa seperti yang telah disebutkan di atas, namun masih ketinggalan apabila dilihat dari aspek tidak memiliki “payung besar” yang menaungi Pendidikan ini.

Pelajar tahfiz memiliki peluang menyambung pengajian di universiti-universiti tempatan dengan nisbah yang terhad melalui MoU atau kuota yang dihadkan. Kemasukan mereka ini lazimnya melalui program diploma dan ada sedikit melalui program SPM. Kemasukan mereka ini ke universiti tempatan kebanyakannya akan memberikan kesan penukaran wajah. Di mana mereka bukan lagi *pure* dalam bidang tahfiz seperti *qiraat*, *rasm*, *nagham* dan *maqamat* sebaliknya menjadi cair dengan aliran yang ditawarkan oleh kebanyakan universiti tahap sarjana muda.

Para pelajar tahfiz dari aliran persendirian kurang mengambil peluang untuk menyambung pengajian lebih tinggi di arus perdana dalam negara meskipun kerajaan membuka peluang kemasukan melalui program (*Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL)). Laluan ini membuka peluang kepada para pelajar tahfiz persendirian tanpa sijil SPM memasuki universiti tempatan dengan syarat mereka lulus sijil MQA APEL berkaitan umur.

1. Kemasukan ke program Sijil (APEL T-3) (umur minimum 19 tahun)
2. Kemasukan ke program Diploma (APEL T-4) (umur minimum 20 tahun)
3. Kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) (umur minimum 21 tahun); dan
4. Kemasukan ke program Ijazah Sarjana (APEL T-7) (umur minimum 30 tahun).

Ini merupakan peluang terbuka atau laluan alternatif bagi para pelajar *home school tahfiz* yang tidak memiliki sijil SPM kerana sekolah tahfiz mereka memberi fokus 100 peratus pada hafazan al-Quran. Mereka tidak perlu membuang masa untuk kembali mengambil SPM selepas selesai menghafaz 30 juzuk.

Menurut MQA, APEL adalah Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu. Ia didefinisikan sebagai satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu. APEL memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Secara umumnya, penilaian APEL melibatkan penilaian terhadap ilmu yang diperoleh oleh seseorang itu menerusi pendidikan formal mahupun menerusi pengalamannya terdahulu.

“Payung besar” yang dimaksudkan di atas ialah Pendidikan Tinggi Tahfiz yang berorientasi secara khusus dalam bidang kepakaran al-Quran. Jurusan seumpama ini tidak ada dalam arus perdana Pendidikan Malaysia. Ia ada terdapat melalui pecahan-pecahan kecil di universiti tempatan yang tertentu sahaja dalam bidang kepakaran yang terhad kepada ulum al-Quran berbanding Indonesia yang memiliki dua institusi pengajian tinggi yang dikenali IIQ dan PTIQ.

i. Info ringkas (Institut Ilmu Al-Quran, Jakarta (IIQ))

IIQ berjaya ditubuhkan pada 1hb April 1977. Peringkat awal penubuhannya ia menawarkan program khusus kepada pelajar wanita sahaja peringkat Sarjana Muda, bertujuan mendalami kajian dan pengembangan ilmu-ilmu al-Quran serta bidang keilmuan lain yang sesuai. Pada tahun 2016, IIQ berkembang lagi dengan menawarkan program ijazah tinggi, iaitu Sarjana Hukum

Ekonomi Syariah, Sarjana Ilmu Al-Quran dan Sarjana Tafsir dan Pendidikan Agama Islam. Peringkat Phd pula bertajuk Studi Ilmu Al-Quran dan Tafsir.

IIQ Jakarta ini merupakan Lembaga Pendidikan Tinggi yang menggabungkan sistem pendidikan pesantren dan sistem pendidikan tinggi arus perdana yang bertujuan menghasilkan ulama dan sarjana wanita yang menghafaz al-Quran, berjiwa intelek, berwawasan luas serta berkeahlian dalam bidang Ulum al-Quran. Graduan ini nantinya menyumbang kepada kefahaman Islam yang syumul berteraskan al-Quran.

Sumbangan besar IIQ adalah melahirkan para qariah, hafizah dan mufassirah yang mampu tampil berbicara di pentas Musabaqah Tilawah al-Quran Nasional dan Antarabangsa serta sering memenangi berbagai anugerah. Mahasiswa yang menuntut di sini diwajibkan mengambil *takhasus* tahfiz, tilawah/*nagham*, tafsir, *qiraat* dan ilmu *rasm uthmani* di samping beberapa matapelajaran yang berkaitan bidang al-Quran.

Terdapat beberapa buah fakulti di IIQ, seperti berikut:

Fakultas Syariah dan Ekonomi Islam

1. S-1 Hukum Ekonomi Syariah
2. S-1 Manajemen Zakat dan Wakaf

Fakultas Ushuluddin dan Dakwah

1. S-1 Al Quran dan Tafsir
2. S-1 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Fakultas Tarbiyah

1. S-1 Pendidikan Agama Islam
2. S-1 Pendidikan Islam Anak Usia Dini

Program Pascasarjana

1. S-2 Hukum Ekonomi Syariah
2. S-2 Pendidikan Agama Islam

3. S-2 Al Quran dan Tafsir
4. S-3 Al Quran dan Tafsir

ii. Info ringkas PTIQ

Institut PTIQ (Pendidikan Tinggi al-Qur'an) dikatakan adalah universiti pertama di dunia yang memberikan tumpuan khusus kepada menghafaz dan mempelajari al-Quran. Dua tahun selepas penubuhan PTIQ, barulah Universiti Islam Madinah, Arab Saudi, membuka fakulti khusus pengajian al-Quran.

PTIQ telah ditubuhkan pada 1 April 1971. Pengasasnya ialah Yayasan Ihya Ulumudin yang diuruskan oleh KH. Mohammad Dahlan (Menteri Agama 1967-1971), Prof. KH. Ibrahim Hosen, LML, dan KH. Ahmad Zaini Miftach (Imam Besar Masjid Istiqlal). Namun pada 12 Mei 1973 pengurusan Institut ini telah diserahkan kepada Yayasan Pendidikan al-Qur'an yang diasaskan oleh Lt. Jeneral (Purn.) DR. H. Ibnu Sutowo. Kini, yayasan itu diteruskan oleh salah seorang anak Ibnu Sutowo iaitu H. Ponco Susilo Nugroho.

Latar belakang berdirinya PTIQ adalah atas asas kesedaran akan meningkatnya keperluan ahli al-Quran (khususnya hafiz), sedangkan kehendak masyarakat Indonesia terhadap ahli al-Quran sangat mendesak. Lebih-lebih lagi sejak Musabaqah Tilawah al-Qur'an (MTQ) Nasional I di Makassar telah menjadi acara tetap tahunan sejak tahun 1968.

Keperluan kepada para ulama ahli al-Quran sangat terasa sehingga Presiden Republik Indonesia, Soeharto dalam amanatnya pada MTQ Nasional III di Banjarmasin mengingatkan betapa pentingnya meningkatkan keupayaan menghayati dan memahami kitab suci al-Quran sebagai pedoman hidup masyarakat.

Fakulti-fakulti pengajian yang terdapat di sini ialah seperti berikut:

Fakultas Ushuluddin

1. Studi Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir

Fakultas Tarbiyah

1. Studi Pendidikan Islam Anak Usia Dini
2. Studi Pendidikan Agama Islam

Fakultas Dakwah

1. Studi Manajemen Dakwah
2. Studi Komunikasi Penyiaran Islam

Fakultas Syariah

1. Studi Ekonomi Syariah
2. Studi Hukum Keluarga Islam

Fakultas Pascasarjana yang menawarkan bidang penyelidikan seperti:

1. Phd Ilmu Al-Quran Dan Tafsir
2. Magister Ekonomi Syariah
3. Magister Ilmu Al-Quran Dan Tafsir
4. Magister Manajemen Pendidikan Islam

Penutup:

Minat dan hasrat menjadi huffaz, kemampuan kewangan, prospek masa hadapan merupakan faktor dalaman yang mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke pendidikan tahfiz. Di samping itu, terdapat juga segelintir ibu bapa yang menjadikan pendidikan tahfiz sebagai alternatif kepada anak-anak yang menghadapi masalah pelajaran, sosial dan disiplin. Manakala di pihak institusi tahfiz pula, faktor kemudahan, keselamatan, kurikulum dan kokurikulum, lokasi dan persekitaran serta promosi dan reputasi sudah pasti dilihat sebagai faktor luaran yang menarik ibu bapa untuk mendapatkan pendidikan tahfiz di institusi berkenaan.

Kesemua faktor dalaman dan luaran yang telah dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa kedua-dua faktor tersebut saling memainkan peranan dalam memperkasakan pendidikan tahfiz di Malaysia. Walau apapun faktor dan alasannya, masyarakat sewajarnya bijak membuat pilihan institusi tahfiz yang terbaik sesuai dengan hasrat yang dicita-citakan. Pihak institusi tahfiz pula seharusnya melihat para pelajar yang hadir ke institusi mereka sebagai satu amanah besar yang

perlu digalas dengan sebaiknya dan juga peluang untuk mendidik generasi Qurani yang menjanjikan pelbagai rahmat daripada Allah SWT.

Meskipun sudah jauh ditinggalkan oleh perkembangan penubuhan Universiti al-Quran negara seberang, tetapi negara Malaysia masih berpeluang melakukannya dengan naratif yang berbeza bagi menjadi payung kepada institusi Pendidikan tahfiz negara.

Sekian. Terima kasih. Wassalam.

PENGALAMAN DAN CABARAN UNIVERSITI KUALA LUMPUR DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL

Fahrul Irfan bin Ishak
Azman Yusof
Mohd. Muslim Salleh
Universiti Kuala Lumpur

Syafawati Salihan
Universiti Tenaga Nasional

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan menghuraikan pengalaman dan cabaran UniKL MITEC dalam melaksanakan program Huffaz Profesional (HP) sejak tahun 2015. Pengalaman dan cabaran ini amat bernilai bagi UniKL memperhalusi segala aspek dalam pembangunan program HP bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Analisis SWOT (Strength: Kekuatan, Weaknesses: Kelemahan, Opportunities: Peluang, Threaten: Ancaman), dilakukan berdasarkan hasil temubual dengan instruktur dan kordinator HP. Beberapa aspek pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh UniKL berkisar pada peserta HP, pengurusan dan pentadbiran HP, pembangunan dan program penambahbaikan HP. Program ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelajar, namun usaha-usaha yang lebih padu perlu digarap agar kualiti dan keberkesanannya dapat memberi pulangan yang baik kepada pelajar dan universiti.

Kata kunci: *Huffaz profesional, Ulul Albab, UniKL, Tahfiz.*

PENDAHULUAN

Program Ulul Albab adalah suatu program menghafal dan menghayati al-Quran yang dilaksanakan di UniKL berdasarkan kelulusan Mesyuarat Senat UniKL kali ke-65 pada Disember 2015. Program ini secara rasminya dilaksanakan secara berperingkat, dimulakan dengan empat buah kampus iaitu UniKL MIAT, UniKL MFI, UniKL MICET dan UniKL MITEC pada 2016; UniKL BMI, UniKL MIMET, UniKL RCMP dan UniKL MSI pada 2017; dan diikuti UniKL MIDI, UniKL MESTEC, UniKL BIS dan UniKL MIIT yang akan dilaksanakan pada tahun 2023 pasca pandemic Covid-19 yang melanda dunia. Dalam tempoh beberapa tahun pelaksanaan, UniKL mendepani pengalaman dan cabaran dalam melaksanakan program ini dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang akademik dan syakhsyah yang berbeza. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang dijalankan bagi memastikan program ini lestari dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Program Ulul Albab telah dijenamakan semula sebagai program Huffaz Profesional (HP) pada tahun 2019.

Secara umumnya, program HP merupakan salah satu agenda *Holistic Islamic Programme* (HIF) yang menjadi pelan induk program Islamik di UniKL sama ada berbentuk akademik atau bukan akademik. Program berbentuk Islamik ini penting bagi memastikan UniKL dapat mengeluarkan graduan yang mempunyai ramuan yang secukupnya menjadi jurutera teknologi yang mampu mengendong nilai-nilai syakhsyah murni seperti yang dituntut dalam al-Quran. Selain itu, program ini juga memberi peluang khususnya kepada pelajar-pelajar lepasan Ulul Albab di peringkat menengah dan sekolah-sekolah tahfiz untuk menyambung hafazan al-Quran, mengulang atau memantapkan bacaan dan hafazan yang sedia ada.

Lantaran program HP ini adalah bersifat '*volunteery*' (secara sukarela), maka terdapat cabaran dan kekangan dalam melaksanakan program ini secara sempurna. Kertas kerja ini memperihalkan pengalaman dan cabaran yang telah dilalui UniKL dan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam pelaksanaan program HP di kampus-kampusnya.

OBJEKTIF

1. Menghuraikan pengalaman dan cabaran UniKL dalam melaksanakan program Huffaz Profesional.
2. Menghuraikan analisis SWOT pelaksanaan program Huffaz Profesional di UniKL.
3. Menjelaskan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh UniKL dalam memperkukuh dan memajukan program Huffaz Profesional.

KAJIAN TERDAHULU

Sejarah perkembangan tahfiz al-Quran di Malaysia telah bermula seiring dengan perkembangan dan pengajian al-Quran di Tanah Melayu. Sistem pendidikan Tanah Melayu satu ketika dahulu adalah berdasarkan sistem pengajian pondok yang lebih banyak menumpukan pengajian dalam bidang agama seperti Tafsir, Tauhid, Fiqh, Hadis dan sebagainya. Sistem Pendidikan al-Quran terus berkembang dengan penubuhan sistem madrasah yang menggabungkan pendidikan sistem kebangsaan. Kemudian sistem Sekolah Agama Rakyat (SAR) juga berkembang di seluruh negara bagi memenuhi permintaan perkembangan pendidikan Islam yang semakin meningkat pasca merdeka. Pada tahun 1966, akhirnya pendidikan Tahfiz secara rasminya dilaksanakan dengan penubuhan Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara Kuala Lumpur. Seterusnya hal ini berkembang penubuhan Pengajian Tahfiz al-Quran pada tahun 1979 di Kelantan; Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Selangor pada tahun 1980-an; Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah pada tahun 1990-an; Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1996.

Perkembangan terus berlaku apabila terdapat usaha yang lebih khusus apabila Program Tahfiz al-Quran di Masjid Negara dipertingkatkan pengurusannya menjadi Maahad Tahfiz wal Qiraat pada tahun 1979, Institut Pengajian Tahfiz al-Quran (1983) dan Kompleks Darul Quran Kuala Kubu Bharu (1998).

Perkembangan pengajian Tahfiz al-Quran terus diperluas di peringkat sekolah-sekolah berasrama penuh seperti MRSM Ulul Albab dan SBP (Integrasi) di bawah KPM. Hasil daripada keluaran pelajar-pelajar tahfiz di peringkat menengah menyebabkan muncul IPTA dan IPTS yang

mengambil inisiatif menganjurkan program Tahfiz al-Quran di peringkat pengajian tinggi. UniKL telah mengambil inisiatif pada tahun 2015 dengan membuat persediaan-persediaan tertentu dan mula menawarkan program Ulul Albab di empat kampus cawangan UniKL pada tahun 2016. Pada tahun 2017, 8 buah cawangan kampus UniKL telah melaksanakan program Tahfiz al-Quran yang kini dikenali sebagai program Huffaz Profesional.

SEJARAH PEMBANGUNAN ULUL ALBAB (UA) DI UNIKL

Pembangunan program Ulul Albab (UA) di UniKL bermula apabila tiga pensyarah diminta untuk menghadiri satu program Simposium Ulul Albab di Hotel Royal Chulan Damansara pada 27-29 April 2015. Pada masa yang sama, UniKL sedang membangunkan Holistic Islamic Framework (HIF) iaitu suatu pelan induk program berbentuk Islamik yang dilaksanakan di UniKL dalam bentuk kurikulum atau bukan ko-kurikulum. Walaupun begitu, lantaran Ulul Albab dirancang untuk dilaksanakan pada September 2016, maka gerak kerja terfokus untuk menjayakan program tersebut. Berikut itu, suatu lawatan telah diatur ke Darul Quran pada 10 Julai 2015 dan mesyuarat susulan pada 20 November pada tahun yang sama. Selain itu, lawatan tanda aras telah dilakukan dengan lawatan ke UNITEN dan ke *Cyberjaya University College of Medicine and Science* pada 3 Ogos 2015.


Pada 26 dan 27 Jun 2016, beberapa panel daripada Darul Quran telah membuat lawatan ke UniKL MITEC dan MICET bagi membuat penilaian dan cadangan penambahbaikan bagi penganjuran Ulul Albab peringkat pertama iaitu di UniKL MITEC, MICET, MFI dan MIAT. Setelah beberapa penambahbaikan seperti instruktur, fasiliti, urusan pentadbiran, asrama dan penyusunan jadual kelas Ulul Albab, maka pada semester September 2016, pengambilan pertama telah dilaksanakan di keempat-empat buah kampus tersebut. Jumlah peserta adalah sekitar 156 orang (berdasarkan jumlah ICD 2.0)

PROGRAM HOLISTIK ISLAMIC FRAMEWORK (HIF)

Program HIF merupakan sebuah pelan induk yang merangka dasar program berunsur keagamaan dan spiritual dalam kalangan warga UniKL khususnya para pelajar. Pada peringkat awal, para pelajar akan diberikan ujian persediaan al-Quran bertujuan menilai tahap penguasaan bacaan al-Quran dan

Fardhu Ain. Selepas penilaian dibuat, para pelajar yang lulus akan melalui pengajian akademik seperti biasa. Bagi pelajar yang tidak lulus, akan diambil pendekatan untuk membantu para pelajar tersebut menerusi program akademik atau non-akademik.

Bagi program akademik, terdapat kursus-kursus yang membantu para pelajar HP dalam memperkukuh sekurang-kurangnya empat semester. Terdapat kursus Falsafah dan Isu Semasa, Penghayatan Etika dan Peradaban, Isu-isu Kontemporari Muslim di Malaysia, Bahasa Arab 1 dan 2, Amalan Islam di Malaysia, Ko-kurikulum Rakan Masjid dan Ko-kurikulum Huffaz Profesional. Adapun Non-akademik adalah berbentuk program berkala dan program khusus. Program berkala adalah seperti kuliah ilmu, program hari kebesaran Islam, solat berjemaah dan aktiviti rutin surau. Program khusus pula adalah program yang disusun secara khusus iaitu ICD, FESFAZ, kursus-kursus bersijil dan tidak bersijil. Selain itu, terdapat platform seperti kelab-kelab Islamik yang menganjurkan aktiviti-aktiviti sokongan. Pusat Islam pula memainkan peranan menganjurkan program-program yang boleh digabungkan antara pelajar dan seluruh staf dalam kalangan warga UniKL. Rajah 1 adalah carta alir HIF UniKL:




Rajah 1: Holistik Islamic Framework (HIF) Pelan Induk Islam Holistik UniKL


PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL DI UNIKL

Program Huffaz Profesional di UniKL agak unik kerana mempunyai beberapa serampang objektif yang memenuhi keperluan pelajar dan matlamat universiti. Keunikan ini berlaku sesuai dengan situasi UniKL yang menekankan matlamat aspek kejuruteraan teknologi dan keusahawanan selain kedudukan kampus-kampus yang terpecah kepada 12 cawangan.

Pada peringkat awal, program Ulul Albab hanya menyediakan jalan kepada pelajar yang mempunyai latar belakang tahfiz untuk mengambil STM selepas menghabiskan hafazan 30 juzuk. Perkembangan yang berlaku setelah program Ulul Albab dikembangkan ke seluruh kampus, maka terdapat permintaan daripada mereka yang tiada latarbelakang tahfiz untuk menyertai program ini. Pada tahun 2018, Program Ulul Albab dijenamakan sebagai Huffaz Profesional. Program Mini Tahfiz diperkenalkan bagi memberi peluang kepada pelajar menyertai program al-Quran dengan menghafal surah-surah pilihan. Bagi pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan bacaan al-Quran mereka di galakkan menyertai Kelab HP. Bagi kategori STM dan Mini Tahfiz, para pelajar akan melalui sesi temubual sebelum diputuskan kelayakan pelajar untuk menyertai kategori yang sesuai. Bagi Kelab HP, wadah ini terbuka kepada semua pelajar Islam yang berminat menyertai aktiviti dan program anjuran kelab.




Rajah 2: Kategori penyertaan Program Huffaz Profesional UniKL



Rajah 3: Kategori Sijil Tahfiz Malaysia (STM) Huffaz Profesional UniKL

Kelas hafazan dilaksanakan selama 6 semester iaitu pengulangan sebanyak 5 juzuk bagi setiap semester hingga habis pada semester keenam. Adapun persediaan STM dibuat pada semester tujuh dan kelapan. Bagi Mini Tahfiz, para pelajar akan menghafal surah-surah pilihan iaitu Surah Yasin, Surah al-Sajadah, Surah al-Mulk, Surah Luqman, Surah al-Saff, Surah al-Hujurat, Surah al-Waqiah, Surah al-Rahman, Surah al-Insan dan Surah al-Kahfi. Bagi mereka yang berjaya menghafal surah-surah tersebut, boleh pergi ke Juzuk 30, Juzuk 29, Juzuk 1 hingga Juzuk 3.



Rajah 4: Surah-surah pilihan Mini Tahfiz HP UniKL.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan analisis SWOT dalam menilai dan mengenalpasti pengalaman dan cabaran dalam pelaksanaan program HP di UniKL. Kaedah temubual adalah melibatkan tenaga pengajar HP dan kordinator HP di kampus-kampus yang telah menjalankan program HP. Terdapat 10 orang instruktur HP di 8 buah kampus cawangan termasuk BMI dan MIAT yang mempunyai 2 orang instruktur. Adapun kordinator HP adalah dilantik dalam kalangan pensyarah Pengajian Islam di kampus-kampus HP. Temubual telah dilakukan dan menghasilkan dapatan-dapatan dan dianalisis dengan kaedah SWOT iaitu *Strength* (kekuatan), *Weaknesses* (kelemahan), *Opportunities* (peluang) dan *Threaten* (ancaman). Penggunaan analisis SWOT sangat penting bagi menilai prestasi sesuatu perancangan yang sedang dijalankan bagi mengatasi segala aspek kelemahan dan mencari segala peluang untuk memperkukuh program agar mencapai objektif yang telah ditetapkan. Analisis SWOT ini berkisar pada peserta HP, pengurusan dan pentadbiran HP, pembangunan dan penambahbaikan program HP. Analisis SWOT membantu pihak UniKL memajukan program ini sesuai dengan perancangan di peringkat komiti pusat HP dan pihak pengurusan Cansellori UniKL dengan pelaksanaannya di peringkat kampus-kampus UniKL.

HASIL TEMUBUAL DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Berdasarkan temubual dengan instruktur-instruktur (10 orang) dan kordinator HP (8 orang) UniKL, analisis SWOT dan beberapa cabaran dalam pelaksanaan HP telah dikenalpasti:

***Strength* (Kekuatan)**

1. Instruktur dan kordinator yang berkeelayakan dan komited.
2. Terdapat 3 bentuk penyertaan HP iaitu Sijil Tahfiz Malaysia (STM), Mini Tahfiz (MT) dan Kelab HP.
3. Penawaran Kursus Ko-Kurikulum Huffaz Profesional MPU 34112 sebanyak 2 jam kredit bagi Diploma dan Ijazah.
4. Terdapat Surau Jumaat dan surau kampus yang memberi peluang kepada pelajar mempraktiskan bacaan pada solat berjemaah dan solat Tarawih bulan Ramadan.

5. Program HP yang dibiayai oleh UniKL sepenuhnya tanpa bayaran yuran tambahan ke atas pelajar yang menyertainya.

Weaknesses (Kelemahan)

1. Kehadiran pelajar ke kelas HP yang tidak konsisten ada kurang memuaskan.
2. Instruktur HP dilantik secara separuh masa yang menyebabkan kurang pengawasan dan kebersamaan bersama pelajar.
3. Pelajar-pelajar yang layak memasuki program STM kurang dan tidak konsisten menyebabkan program HP dibuka untuk Mini Tahfiz dan Kelab HP.

Opportunities (Peluang)

1. Waktu Tasmik Hafazan yang fleksibel seperti waktu petang dan malam selain jadual HP yang ditetapkan dalam jadual akademik.
2. Program HP mempunyai kapasiti di peringkat Canseleri dan peringkat kampus daripada sudut kewangan dan keutamaan.
3. Program *Intensive Course of Da'ie* (ICD) dan Festival Huffaz sebagai program bersiri pengukuhan hafazan dan jati diri peserta HP.
4. Program pensijilan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri seperti Kursus Sembelihan Halal, Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Perkahwinan, Kursus Pengurusan Masjid, Kursus Fiqh Wanita dan Kursus Pengurusan Haji dan Umrah.

Threaten (Ancaman)

1. Kelas secara *online* yang kurang efektif disebabkan faktor liputan internet yang kurang meluas dan interaksi guru dan pelajar yang terhad.
2. Pelajar yang mempunyai latar belakang tahfiz yang tertumpu kepada kampus-kampus tertentu.
3. Program HP bersifat '*volunteery*' (suka rela) memberi ruang untuk peserta terkandas di pertengahan jalan dan tidak dapat meneruskan program hingga ke semester keempat bagi pelajar Diploma dan semester keenam bagi pelajar Ijazah.

4. Cawangan kampus yang banyak dengan program akademik yang pelbagai menghadkan kepada para pelajar untuk mengikuti program HP secara konsisten.

CABARAN DAN PENGALAMAN UNIKL DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM HP

Berdasarkan temubual dan analisis SWOT, beberapa cabaran dan pengalaman dapat disimpulkan. Cadangan-cadangan penambahbaikan juga diutarakan sesuai dengan perkembangan program HP di UniKL. Cabaran dan pengalaman tersebut adalah seperti di bawah:

Kehadiran pelajar ke kelas HP yang perlu diperbaiki khususnya kelas yang dijalankan dengan mod dalam talian

Sebagai tindakan susulan yang boleh diusahakan ialah dengan mendedahkan instruktur HP kepada khalayak kampus dengan menyediakan platform untuk mereka melibatkan diri dalam pelbagai program di kampus seperti pengisian, felo, imam Surau Jumaat, perlantikan sebagai instruktur bagi kursus Ko-kurikulum HP dan lain-lain aktiviti yang sesuai. Perkara ini perlu untuk memastikan keberadaan ‘guru Tahfiz’ dirasai khususnya kepada para pelajar untuk menjadi tempat rujukan seterusnya menarik minat para pelajar untuk hadir ke kelas.

Selain itu, hubungan di antara instruktur HP dengan pelajar perlu diperkukuhkan melalui pelaksanaan kelas secara bersemuka atau *hybrid*, aktiviti luar kelas seperti usrah, rehlah, bengkel dan lain-lain aktiviti yang sesuai.

Seterusnya, kelas-kelas HP boleh melaksanakan silibus berbentuk pengisian yang diselenggarakan dengan kelas tasmik dan *murajaah* melibatkan perbincangan dan soal jawab mengenai isu berkaitan aqidah, fiqh, hadith, sirah dan akhlak. Perkara ini bertujuan untuk meningkatkan minat pelajar bagi menyelami silibus di luar bidang masing-masing. Selain itu juga, sesi ini juga turut memberikan peluang kepada pelajar bukan HP untuk turut memeriahkan pembudayaan ilmu-ilmu Islam.

Komitmen pelajar dengan aktiviti dan program HP

Dalam mencapai keberkesanan program HP, hubungan pelajar dan instruktur perlu rapat dan sentiasa bersama dengan peserta HP. UniKL mengambil pendekatan dengan mewujudkan jawatankuasa atau kelab HP untuk merancang pelbagai program sebagai mekanisme untuk mereka memberikan komitmen kepada HP walaupun pelajar daripada Jawatankuasa atau Kelab HP tersebut tidak berapa konsisten dalam proses tasmik dan *murajaah*.

Terdapat juga usaha sesetengah kampus yang menawarkan sejumlah insentif bagi pelajar-pelajar yang memberikan komitmen yang memuaskan terhadap kelas di samping terdorong untuk terus bersemangat dalam program HP. Pihak penaja juga ada menaja dalam bentuk makanan tambahan atau bantuan kewangan kepada pelajar HP.

Selain itu, UniKL mengadakan pertemuan berkala di luar kelas tasmik melalui pelaksanaan usrah, rehlah, sesi bersama murabbi untuk menyediakan pelajar HP sebagai naqib kepada usrah berkelompok yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pusat Islam, surau atau Kelab-kelab Islamik kampus masing-masing.

Minat dan kuantiti pelajar HP yang perlu dipertingkatkan

Sebahagian peserta HP adalah merupakan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Tahfiz. Para pelajar diberi peluang menyertai program HP dalam bentuk STM, Mini Tahfiz dan Kelab HP. Dalam melaksanakan program Mini Tahfiz, kebanyakan pelajar tidak mempunyai pengalaman dalam menghafaz al-Quran. Dalam hal ini, para pelajar diberikan motivasi untuk menghafal surah pilihan selain menggalakkan pelajar-pelajar tersebut mengambil kursus Ko-kurikulum Huffaz Profesional bagi mengekalkan momentum program HP dalam proses pengajian pelajar.

Selain itu, para pelajar diberikan alternatif program '*Tahsin al-Quran*' kepada pelajar yang sudah khatam hafazan 30 juzuk di sekolah, tetapi tidak berkemampuan untuk meneruskan tasmik secara hafazan di UniKL. Alternatif ini juga dapat menarik minat pelajar yang sudah khatam 30 juzuk

di sekolah tetapi keberatan untuk menyertai program HP kerana bimbang bebanan tambahan terhadap program akademik yang diikuti.

Program HP perlu membuat persediaan menghantar pelajar mengambil STM

Pada peringkat awal, hala tuju program HP adalah untuk menghantar pelajar-pelajar HP yang layak untuk mengambil peperiksaan STM. Namun begitu, sasaran ini agak sukar dicapai kerana pelajar yang menghafal 30 juzuk berada di banyak kampus UniKL dan kesukaran menyediakan program penyediaan pra-STM. Lantaran itu, UniKL melihat kembali objektif asal penubuhan program HP iaitu membina golongan profesional berdasarkan penghayatan terhadap al-Quran.

Bagi memastikan para peserta konsisten mengikuti program HP, UniKL menganjurkan program-program berimpak tinggi agar Program HP dilihat ‘*visible*’ dalam kalangan warga UniKL. Antara program yang dilaksanakan ialah *Intensive Course of Da’ie* (ICD) dan Festival Huffaz (Fesfaz). Setakat ini, ICD telah dilaksanakan sebanyak 4 kali dan Fesfaz sebanyak sekali.

Komitmen dan kemahiran dalam kalangan instruktur HP yang perlu dipertingkatkan

UniKL merupakan sebuah universiti berteraskan pendidikan teknikal dan keusahawanan sesuai dengan matlamat induk UniKL iaitu MARA. Program HP adalah sebuah program UniKL bersifat ‘*volunteer*’, maka program pembangunan dan latihan kepada instruktur HP agak kurang ditekankan. Justeru, terdapat cadangan agar diwujudkan unit pemantauan untuk mengawalselia para instruktur HP. Hal ini boleh dicapai dengan menganjurkan bengkel dan latihan agar instruktur HP lebih memahami objektif program.

Latihan dan bengkel boleh dianjurkan bertujuan bagi menyelaraskan kaedah pelaksanaan kelas Tasmik dan *Murajaah*, cara pendekatan kepada pelajar, pengisian-pengisian, dan *softskill* instruktur di dalam mewujudkan ikatan pelajar dan guru di dalam kelas. Selain itu, adalah disarankan agar instruktur HP dilantik sebagai pensyarah atau tutor dengan kontrak yang sesuai dan mempunyai skop kerja yang jelas berdasarkan keperluan kampus-kampus.

Dana yang belum kukuh dan selaras di peringkat kampus.

Secara dasarnya, program HP yang dilaksanakan di UniKL tidak mengenakan apa-apa yuran tambahan. Ini beerti, kos pengurusan, program pelajar dan bayaran instruktur ditanggung sepenuhnya oleh UniKL. Namun perkara ini tidaklah berlangsung tanpa ada usaha tertentu bagi menampung kos-kos tertentu yang sentiasa meningkat dari masa ke masa. Lantaran itu, bagi menjayakan program ini dengan lebih berkesan, dana-dana perlu diusahakan khususnya bagi kampus-kampus yang tidak mempunyai sumber seperti Surau Jumaat.

Namun begitu, terdapat usaha-usaha daripada kampus tertentu yang membuka sumbangan melalui Pusat Zakat Kampus atau memohon dana daripada Baitul Mal Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Manakala Pusat Zakat UniKL yang telah ditubuhkan adalah di kampus BMI, MFI, MESTECH dan MIAT. Selain itu, terdapat juga usaha kampus yang cuba berhubung dengan syarikat-syarikat besar yang dengan menawarkan sumbangan wakaf tunai yang boleh mendapatkan pelepasan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Di samping itu, sumbangan dalam kalangan pensyarah dan warga UniKL apabila Terdapat program-program khusus yang dianjurkan melibatkan peserta HP di kampus-kampus UniKL.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis temubual yang telah dilakukan ke atas kampus-kampus UniKL yang melaksanakan program HP, jelaslah bahawa cabaran program hafazan al-Quran di peringkat universiti bukanlah suatu yang mudah untuk dilaksanakan dengan berkesan. Namun begitu, tujuan, komitmen dan usaha berterusan perlu digarap bagi memastikan para peserta program HP bukan hanya sekadar menghafal surah-surah al-Quran, tetapi penghayatan dan hasil ilmu yang digunakan daripada al-Quran itu juga amatlah penting bagi memastikan golongan Profesional yang dilahirkan oleh UniKL mempunyai ramuan-ramuan istimewa sentuhan al-Quran apabila berkhidmat di mana-mana industri dan perkhidmatan.

RUJUKAN

- Muhammad Toriq et.al. (2020). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia*: Edisi ke-3, Darul Quran JAKIM, Selangor.
- Yusri bin Chek, (2021). Melestarikan Elemen Tadabbur dalam Hafalan al-Quran, *Jurnal Darul Quran* Bil. 25, m.s. 1-27.
- Rashidi Abbas, Syafrimen, Nova Erlina, (2018). Strengthening Of Ump Core Values in Engineer Huffaz Programs and The Challenges of the 4th Industrial Revolution: An Analysis in The University Malaysia Pahang, *Journal of Humanities, Languages, Culture and Business (HLCB)* Vol. 2: No. 8 (May 2018), page 63-71.
- Sinar Bestari Sinar Harian, Pendidikan Ulul Albab UniKL, diakses pada 10 September 2022, (<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/gen-z/pendidikan-ulul-albab-unikl/>)

PECUTAN HAFAZAN MELALUI KAEDAH KARANTINA: ISU DAN CADANGAN

**Nur Masitah Mohamad Shawal
Mohamad Marzuqi Abdul Rahim**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENDAHULUAN

Kaedah karantina dipelopori oleh Ustaz Ma'mun Qurthubi al-Hafiz dan Ustaz Yadi Iryadi al-Hafiz pada tahun 2014 di Indonesia (Dudung Abdul Karimet.al, 2020). Pelaksanaan kaedah karantina ini seawal 35 hari untuk pelajar menghabiskan keseluruhan 30 juzuk al-Quran. Program ini diuruskan oleh ARTAB Sdn Bhd merupakan singkatan kepada Abdul Rahman Talib Anak Beranak telah menjalinkan Memorandum Persefahaman sebagai rakan kongsi kepada Yayasan Karantina Tahfiz Al-Quran Nasional Indonesia untuk menubuhkan Program Karantina Tahfiz al-Quran di Malaysia (Abdul Rahman Talib, 2019).

Pelaksanaan Karantina Tahfiz menggunakan metode *yadain* yang diguna pakai sepanjang program ini dijalankan. Kaedah menghafal al-Quran menggunakan teknik Karantina ialah membahagikan satu muka surat kepada 3 bahagian, tidak memaksa pelajar untuk menghafal al-Quran, mengenal pasti kalimah ayat yang pertama, membayangkan ayat di dalam ingatan, menyebut sambil menutup mata dan memulakan ayat baru dengan menggunakan teknik yang pertama (Syaukani et.al, 2019).

Program Karantina Tahfiz memfokuskan beberapa kumpulan masyarakat yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang sedang bercuti untuk memberi aktiviti yang bermanfaat kepada pelajar, pelajar lepasan SPM/STPM yang menunggu kemasukan universiti, mahasiswa universiti yang telah menamatkan pengajian, pesara dan imam atau bilal yang ingin memantapkan hafazan mereka (Abdul Rahman Talib, 2019). Kaedah ini menyasarkan masyarakat yang mempunyai masa lapang yang agak panjang kerana program ini memerlukan komitmen yang tinggi dan beberapa

peraturan yang perlu diikuti oleh peserta. Faktor kejayaan bagi peserta untuk menghafal keseluruhan 30 juzuk al-Quran dalam masa yang singkat bergantung kepada garis panduan Karantina Tahfiz, tahap dan kelancaran hafazan, kesihatan mental dan fizikal serta kaedah *yadain* yang digunakan.

MAKSUD KARANTINA

Karantina berasal daripada Bahasa Indonesia yang bermaksud kuarantin. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kuarantin bermaksud tempoh masa seseorang di tempat pengasingan khas untuk mencegah penyakit itu daripada merebak bagi memastikan ia bebas daripada sebarang penyakit berjangkit. Karantina Tahfiz berkonsepkan pengasingan, iaitu meninggalkan perkara-perkara keduniaan yang boleh mengganggu emosi dan fikiran sepanjang perjalanan program ini berlangsung (Aeileen Damiri, 2020). Hidayatul Fitriyah (2020) menyatakan apabila dikaitkan dengan Karantina Tahfiz membawa pengertian kepada peserta akan diasingkan untuk menghafal keseluruhan juzuk al-Quran.

MAKSUD TAHFIZ AL-QURAN

Tahfiz berasal daripada perkataan *حفظ* yang bermaksud menghafal. Menurut istilah, penghafal ialah orang yang menghafal dengan baik dan tergolong dalam kalangan orang-orang yang menghafal. Istilah hafiz diberikan kepada mereka yang menghafal keseluruhan al-Quran di samping memelihara dan menjaga kesucian al-Quran manakala al-Quran bermaksud kalam Allah yang bermukjizat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan malaikat Jibril dalam Bahasa Arab dan membacanya adalah ibadah (Mustaffa Muhaidi, 2010). Allah SWT berfirman di dalam Surah Sad yang bermaksud:

Bermaksud: “(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

[Surah al-Sad 38:29]

MAKSUD METODE *YADAIN*

Perkataan *yadain* berasal daripada perkataan يَد، iaitu tangan manakala يَدَيْنِ bermaksud dua tangan. Perkataan ini dijadikan sebagai nama metode yang diasaskan oleh Ustaz Ma'mun Qurthubi dan Ustaz Yadi Iryadi yang merupakan pelopor kaedah Karantina Tahfiz di Indonesia (Mochammad Ashabul Yamin & Anita Puji Astutik, 2021). Menurut Abu Hasan Mubarak (2020), metode ini memberi kemudahan kepada peserta untuk berinteraksi dengan al-Quran terutamanya ketika menghafal al-Quran. Cara menggunakan metode ini ialah mengetahui cara membaca ayat al-Quran dan pergerakan tangan dengan menggunakan visualisasi *tadabbur* al-Quran dengan tangan kiri dan kanan. Tangan kiri akan menunjukkan perkara yang negatif dan ancaman manakala tangan kanan menerangkan tentang perkara yang positif dan kebahagiaan (Mochammad Ashabul Yamin & Anita Puji Astutik, 2021). Metode *Yadain* terdiri daripada 2 bahagian, iaitu visualisasi *tadabbur* dan al-Quran Virtual. Visualisasi *tadabbur* ini merupakan kaedah menghafal al-Quran diikuti dengan pemahaman ayat-ayat al-Quran manakala al-Quran visual menggambarkan ayat di dalam fikiran setelah membaca berulang kali (Abdul Rahman Talib, 2019).

ISU-ISU KARANTINA TAHFIZ

Terdapat beberapa perkara-perkara yang menjadi isu dalam program Karantina Tahfiz. Isu-isu ini melibatkan pelbagai pihak seperti peserta, pengurusan, persekitaran dan lain-lain dalam menjalankan program Karantina Tahfiz.

Kesukaran Menyesuaikan Diri

Program Karantina Tahfiz merupakan suatu program yang mengasingkan diri dari perkara-perkara duniawi, iaitu meninggalkan perkara-perkara yang mengganggu fokus untuk menghafal al-Quran seperti media sosial, televisyen dan lain-lain (Abdul Rahman Talib, 2019). Antara isu yang timbul dalam program Karantina Tahfiz ialah peserta mengalami kesukaran untuk menghafal al-Quran. Dudung Abdul Karim et al. (2020) mengutarakan peserta yang sukar untuk menghafal al-Quran akan mendorong mereka menjadi tekanan, trauma, malas, mengantuk dan sedih.

Selain itu, faktor utama yang mempengaruhi peserta kurang menyesuaikan diri ialah penggunaan metode *yadain*. Peserta sukar untuk mengikut metode yang telah ditetapkan kerana belum terbiasa dengan kaedah yang digunakan. Teknik ini memupuk peserta untuk mengetahui bunyi ayat al-Quran, terjemahan, nama surah, nombor surah, ayat, juzuk dan halaman, berada di bahagian kiri atau kanan serta nombor urutan surah (Novida Balqis, 2018). Peserta perlu menyesuaikan diri dengan kaedah yang diperkenalkan dengan mengikuti aktiviti harian yang telah ditetapkan oleh pihak institusi agar dapat menghafal al-Quran dengan baik dan berkesan.

Persekitaran Yang Kurang Kondusif

Suasana tahfiz yang khusus sangat diperlukan dalam proses menghafal al-Quran. Persekitaran pembelajaran tahfiz yang sesuai hendaklah disediakan dengan persekitaran yang sesuai dengan keperluan pembelajaran tersebut. Menurut Muhammad Hafizan et.al (2021), faktor sekeliling memberi kesan kepada kejayaan atau kegagalan pelajar tahfiz seperti kemudahan penginapan yang berdekatan dengan masjid memudahkan pelajar hadir ke kelas.

Jadual yang padat akan menyebabkan peserta berusaha sebaik mungkin untuk menyesuaikan diri namun mengambil masa yang agak lama dalam waktu program yang singkat. Berikut adalah contoh jadual harian bagi peserta Karantina Tahfiz di Malaysia.

WAKTU	AKTIVITI
4.15 pagi	<i>Wake up call</i> (Hotel)
4.15 – 4.45 pagi	Bangun Dan Qiamullail
4.45 – 5.45 pagi	Sesi 1 – Dewan
5.45 – 6.15 pagi	Solat Subhi Berjemaah (Surau)
6.15 – 8.00 pagi	Sesi 2 - Dewan
8.00 – 9.00 pagi	Sarapan & Mandi
9.00 – 12.00 tengah hari	Sesi 3 - Dewan
12.00 – 1.00 tengah hari	Tidur Tengah Hari

1.00 tengah hari	Wake Up Call (Hotel)
1.15 – 2.15 petang	Solat Zohor Berjemaah Dan Makan Tengah Hari
2.15 – 4.15 petang	Sesi 4 - Dewan
4.15 – 4.45 petang	Solat Asar Berjemaah (Surau)
4.45 – 6.15 petang	Sesi 5 - Dewan
6.15 – 7.15 petang	Makan Malam/Mandi
7.15 – 7.45 petang	Solat Maghrib Berjemaah
7.45 – 8.20 malam	Sesi 6 - Dewan
8.20 – 8.50 malam	Solat Isyak
8.50 – 10.00 malam	Sesi 7 – Dewan Teratai
10.00 malam	Tidur Malam

Jadual 1: Aktiviti harian peserta Karantina Tahfiz (Abdul Rahman Talib, 2019)

Peserta akan berasa terbeban dengan jadual yang telah disediakan menyebabkan berlakunya sedikit sebanyak gangguan emosi dan fizikal peserta kerana tidak terbiasa dengan aktiviti yang telah ditetapkan. Metode *Yadain* yang digunakan memerlukan penjagaan kesihatan mental dan fizikal yang sihat. Hal ini demikian kerana metode ini menggunakan seluruh pancaindera untuk menghafal al-Quran dengan lebih berkesan (Dudung Abdul Karim et al, 2020). Selain itu, jadual yang ditetapkan tidak mengandungi amalan-amalan *Biah Solehah* menyebabkan peserta tidak dapat melatih diri untuk menunaikan ibadah-ibadah sunat dalam menjalani kehidupan seharian. Pengamalan *Biah Solehah* akan mempengaruhi akhlak seseorang ke arah yang lebih baik (Norhisham Muhamad & Azmil Hashim, 2017).

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kerabat, dan Dia melarang (melakukan) perbuatan keji, kemungkaran, dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.”

[Surah an-Nahl 16:90]

Kos Pengajian yang Tinggi

Program Karantina Tahfiz sedikit berbeza jika dibandingkan dengan program-program tahfiz di luar, iaitu tempoh pengajian seawal 30 hari, terhad kepada pelajar berumur 10 tahun ke atas, penggunaan metode *yadain*, penginapan di hotel dan jadual yang sudah ditetapkan (Muhammad Iqbal Ansari, 2017). Yuran pengajian Karantina Tahfiz Malaysia yang dikendalikan oleh ARTAB ialah berjumlah RM5,800 untuk 35 hari. Yuran ini termasuk makan minum, penginapan di Tabung Haji Hotel Kelana Jaya dan khidmat dobi.

Tidak semua orang boleh menyertai program ini kerana kos pengajian yang agak mahal menyukarkan pelajar yang kurang berkemampuan menyertai program Karantina Tahfiz. Hanya mereka yang berkemampuan dan memenuhi syarat sahaja yang mampu menyertai program Karantina Tahfiz. Menurut Maziatusima Ishak et.al (2019), kewangan sangat penting bagi sesebuah institusi untuk mengurus Pendidikan yang terbaik kepada pelajar. Kebanyakan sekolah swasta tidak mendapat bantuan tetap untuk menambah baik institusi yang menyebabkan berlakunya kekangan yang timbul.

Karantina Tahfiz Malaysia mengenakan yuran pengajian yang agak tinggi untuk memberi keselesaan kepada peserta agar tidak perlu memikirkan perkara lain selain fokus menghafal al-Quran sahaja. Penginapan yang disediakan juga berbeza setiap tahun mengikut tempat yang telah diputuskan. Ustaz Ma'mun al-Qurthubi yang merupakan pengasas Karantina Tahfiz berkata dalam seminar Taaruf Karantina Tahfiz, beliau ingin melahirkan masyarakat Muslim, iaitu setiap keluarga muslim adanya hafiz atau hafizah sehingga tahun 2030. Perkara ini akan menjadi kenyataan apabila majoriti masyarakat Malaysia berkemampuan untuk mengikuti program ini.

Kekurangan Guru Mahir

Guru merupakan aset yang memainkan peranan penting dalam mendidik anak bangsa dan kesediaan guru yang mampu melakukan perubahan akan menentukan kejayaan atau kegagalan ke atas diri pelajar (Maimun Aqsha Lubis et.al, 2017). Tenaga pengajar di Karantina Tahfiz Malaysia terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri yang telah diberikan latihan tentang metode yang digunakan dan dipraktikkan di Yayasan Karantina al-Quran Nasional di Indonesia. Tenaga pengajar ini merupakan

hafiz dan hafizah yang mempunyai kelulusan dari luar dan dalam negara. Terdapat juga alumni Yayasan Karantina Tahfiz Indonesia merupakan tenaga pengajar di Malaysia (Portal Rasmi Karantina Tahfiz Malaysia).

Apabila ambilan peserta yang ramai, akan berlakunya kekurangan tenaga pengajar yang mahir untuk mengendalikan peserta dalam tempoh 30 hari. Seorang guru akan mengendalikan satu kumpulan yang terdiri daripada 10 orang peserta untuk membimbing hafazan dan mendedahkan metode yadain untuk memudahkan peserta mula menghafal al-Quran. Guru tahfiz perlu menggunakan kaedah dan teknik hafazan agar dapat mengajarkan teknik yang lebih sempurna (Abdul Hafiz Abdullah et.al, 2005).

Perkara yang menjadi isu ialah apabila kekurangan tenaga pengajar akan menyukarkan peserta untuk menghafal al-Quran menggunakan kaedah ini dengan betul tanpa bimbingan yang khusus daripada orang yang berkemahiran. Menurut Augustine Ngali (2019), guru perlu mahir dalam pedagogi untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam suatu bidang. Dengan pengetahuan yang sedia ada dapat membantu peserta untuk lebih memahami dan mempraktikkan sambil dibimbing oleh guru. Guru berperanan penting dalam membina dan mengembangkan potensi pelajar agar lebih mudah memahami teknik yadain yang digunakan sepenuhnya untuk menghafal keseluruhan al-Quran. Terdapat satu hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

“Barangsiapa menjadi pelopor suatu amalan kebaikan lalu diamalkan oleh orang sesudahnya, maka akan dicatat baginya ganjaran semisal ganjaran orang yang mengikutinya dan sedikitpun tidak akan mengurangi ganjaran yang mereka peroleh. Sebaliknya, barangsiapa menjadi pelopor suatu amalan keburukan lalu diamalkan oleh orang sesudahnya, maka akan dicatat baginya dosa semisal dosa orang yang mengikutinya, tanpa mengurangi dosanya sedikit pun.”

[Riwayat Muslim (1017)]

Cadangan Penambahbaikan

Penambahbaikan sedikit sebanyak membantu institusi tahfiz menangani kekurangan yang dihadapi agar dapat memastikan perjalanan program berjalan dengan baik dan lancar. Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi menangani isu yang telah dinyatakan di atas.

Penjagaan Kesihatan (Mental dan Fizikal)

Al-Quran mendidik umat Islam agar sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan serta mengamalkan gaya hidup yang sihat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai manusia! Makanlah dari sumber yang (halal) lagi baik (thoyyib) dari apa yang terdapat di bumi, dan jangan mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

[Surah al-Baqarah 1:168]

Menurut tafsir Ibnu Kathir, ayat di atas menjelaskan bahawa Allah memberi segala rezeki yang ada di bumi untuk dimakan, iaitu makanan yang halal, baik dan memberi manfaat kepada diri serta tidak membahayakan tubuh dan akal fikiran. Manusia berperanan penting untuk menjaga kesihatan terutamanya kepada penghafal al-Quran agar tidak mengganggu dan menjejaskan proses menghafal. Hal ini demikian kerana orang yang menghafal al-Quran pasti akan mengamalkan segala yang telah diperintahkan Allah kepada mereka.

Menurut kajian Nazmus Saquib et.al (2017) dalam kajian *Health benefits of Quran memorization for older men*, mereka yang telah menghafal sebahagian besar al-Quran kurang berisiko mempunyai salah satu daripada penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, diabetes dan kemurungan. Perkara ini membuktikan bahawa amalan mereka terhadap hafalan al-Quran sedikit sebanyak mendorong mereka menjaga kesihatan diri melalui penjagaan makanan dan elakkan daripada melakukan perkara yang boleh memudaratkan kesihatan.

Berdasarkan jadual aktiviti harian Karantina Tahfiz menunjukkan sebahagian masa peserta fokus untuk menghafal al-Quran. Menurut Abdul Rahman Talib (2019), kelas hafazan mengambil masa selama 10 hingga 13 jam sehari untuk peserta menghafal al-Quran dengan menggunakan teknik yang telah didedahkan dan diajar kepada peserta. Masa yang berbaki digunakan untuk solat, makan, rehat dan lain-lain. Penjagaan kesihatan mental dan fizikal amat penting bagi seseorang untuk meningkatkan kualiti hafalan al-Quran. Hal ini bertujuan untuk melatih peserta menjaga kesihatan mental dan fizikal ketika menghafal al-Quran.

Persekitaran: *Biah Solehah*

Menurut Abd Rashid et.al (t.t), kewujudan persekitaran yang soleh atau baik dan takwa akan mempengaruhi pembentukan jiwa dan akhlak penghuni yang berada dalamnya. Akhlak manusia dibentuk melalui faktor persekitaran di mana seseorang itu menjalani kehidupan seharian sama ada membawa kepada kebaikan atau sebaliknya (Azmil Hashim, Norhisham Muhamad & Mohd Marzuqi Abdul Rahim, 2016).

Antara amalan *biah solehah* yang boleh diamalkan ialah ibadah harian, menjaga batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, pakaian yang mengikut syariat Islam, pendidikan yang berfokuskan keimanan, membudayakan amar makruf nahi mungkar dan istiqamah dengan amalan zahir dan rohani (Abd Rashid Zainal, Sumaiyah Sulaiman dan Siti Nor Jaffar). Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Barangsiapa mengerjakan kebajikan, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka pasti akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan akan Kami beri balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.”

[Surah an-Nahl 16:97]

Institusi tahfiz memainkan peranan yang amat penting untuk merancang strategi aktiviti untuk mewujudkan iklim dini agar matlamat untuk menghasilkan keputusan yang baik ke atas pelajar dalam

membentuk akhlak yang mulia (Raihan Mohd Arifin et.al, 2019). Faktor persekitaran mempengaruhi minat pelajar untuk menghafal al-Quran dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana berada bersama-sama dengan rakan-rakan dan keselesaan suasana sekeliling mendorong pelajar untuk lebih fokus menghafal (Sharifah Noorhidayah et.al, 2020). Di samping itu, lokasi yang jauh daripada bandar yang sibuk serta persekitaran yang senyap dan mendamaikan memberi peluang kepada pelajar tahfiz untuk memberi tumpuan yang penuh dalam mendalami agama, menghafal al-Quran dan mendisiplinkan diri dengan peraturan yang ditetapkan. Persekitaran Islam amat penting untuk mendidik pelajar mengamalkan kepercayaan Islam mereka. (Ahmed Ghazala, 2013).

Mengurangkan Kos Pengajian

Faktor kewangan merupakan elemen yang penting untuk memastikan sebuah sekolah berfungsi dengan baik dan berkesan. Karantina Tahfiz Malaysia beroperasi di sebuah hotel syariah untuk memberi keselesaan kepada peserta agar mudah fokus untuk menghafal al-Quran (Portal Rasmi Karantina Tahfiz Malaysia, 2021). Beban yuran yang tinggi menyukarkan pelajar yang berminat untuk menyertai program Karantina Tahfiz pada waktu yang singkat. Menurut Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor 'Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah dan Naeimah Ramlan (2018), yuran pengajian institusi tahfiz bergantung kepada kemampuan institusi tahfiz tersebut membiayai kos pengurusan.

Peserta yang ditempatkan di hotel sebagai tempat penginapan merasakan diri mereka berada dalam keadaan yang selesa sehingga menyebabkan kurang fokus untuk melaksanakan tujuan utama, iaitu menghafal al-Quran (Dudung Abdul Karim et.al, 2019). Perkara ini memberi kesukaran untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak institusi, iaitu menghafal keseluruhan 30 juzuk al-Quran selama 35 hari. Seterusnya, pengurangan kos pengajian dapat membuka peluang yang luas kepada masyarakat di luar sana untuk menyertai program Karantina Tahfiz sekaligus dapat meningkatkan lagi keluaran hafiz dan hafizah di Malaysia.

Daripada Aisyah R.Anha, Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ حَافِظٌ لَهُ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَمَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ وَهُوَ يَتَعَاهَدُهُ وَهُوَ عَلَيْهِ شَدِيدٌ
فَلَهُ أَجْرَانِ


Maksudnya: “Perumpamaan orang membaca al-Quran sedangkan dia menghafalnya, maka ia akan bersama para Malaikat mulia. Sedangkan perumpamaan seorang yang membaca al-Quran dengan tekun, dan dia mengalami kesulitan atasnya, maka dia akan mendapat dua ganjaran pahala.”

[Riwayat al-Bukhari (4937)]

Hadis di atas menerangkan tentang kemuliaan dan kelebihan orang yang menghafal al-Quran. Islam amat mengalu-alukan umatnya untuk sentiasa membaca dan menghafal ayat-ayat al-Quran (Jabaran Kemajuan Islam, 2019).

Latihan Khusus untuk Guru Tahfiz

Kekurangan guru yang berkemahiran sedikit sebanyak memberi kesan kepada kualiti hafazan pelajar. Pengajar merupakan sumber yang membina daya pemikiran yang analitikal, kritikal dan kreatif dalam membentuk individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka selaras dengan hala tuju sistem pendidikan (Nordin Ahmad, 2015). Kejayaan pelajar bergantung kepada keberkesanan guru membimbing dan mengajar ilmu pengetahuan.



Rajah 1 : Kaedah Karantina dan Pelaksanaan di Malaysia

Kajian yang dijalankan oleh Maziahtusima Ishak et al., (2019) dalam Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia menunjukkan terdapat segelintir pelajar mengakui para guru berkemampuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan mereka selain menguasai ilmu yang diajar. Selain itu, pelajar mudah menerima ilmu daripada guru yang mampu menyampaikan dengan cara yang mudah untuk difahami dan mampu menangani tingkah laku pelajar.

Tenaga pengajar di Karantina Tahfiz Malaysia terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri yang telah diberikan latihan tentang metode yang digunakan dan dipraktikkan di Yayasan Karantina al-Quran Nasional di Indonesia. Terdapat juga alumni Yayasan Karantina Tahfiz Indonesia merupakan tenaga pengajar di Malaysia (Portal Rasmi Karantina Tahfiz Malaysia). Teknik yadain memerlukan

latihan dan pengetahuan yang khusus untuk dikuasai. Justeru itu, pentingnya latihan dan bengkel yang khusus diberikan kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan kemahiran mengajar, iaitu menguasai metode yadain yang diguna pakai dalam Karantina Tahfiz Malaysia.

Kekurangan tenaga pengajar akan mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang menyebabkan mereka hanya mengajar berdasarkan kemahiran sedia ada dan tidak didedahkan oleh mana-mana pihak yang boleh meningkatkan kemahiran pengajaran (Siti Rashidah Abd Razak, 2020). Menurut Azmil Hashim (2013), latihan khusus yang diberikan kepada guru merupakan satu keperluan dalam membangunkan profesionalisme guru tahfiz agar proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran lebih efektif untuk mencapai objektif. Guru tahfiz yang mahir dalam pelbagai bidang terutamanya menguasai teknik pengajaran mampu melahirkan generasi yang cemerlang dunia dan akhirat.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Karantina Tahfiz Malaysia merupakan salah satu institusi yang membuka peluang kepada masyarakat di luar sana yang ingin mengisi masa lapang atau menunggu untuk memasuki institusi pengajian tinggi untuk menghafal 30 juzuk al-Quran seawal 35 hari. Terdapat pelbagai kelebihan yang ditawarkan oleh Karantina Tahfiz Malaysia kepada mereka yang menyertai program ini seperti menghafal 30 juzuk al-Quran selama 35 hari, penginapan yang selesa, pengaplikasian metode yadain dan dibimbing oleh guru yang berkemahiran. Namun terdapat isu-isu yang dikenal pasti dalam Karantina Tahfiz seperti kesukaran menyesuaikan diri dengan metode yadain, persekitaran yang kurang kondusif, kos pengajian yang tinggi dan guru mahir yang tidak mencukupi.

Cabaran-cabaran yang dihadapi ini sedikit sebanyak menimbulkan kesukaran kepada masyarakat yang menyertai program Karantina Tahfiz dengan efisien dan berkesan. Terdapat cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk mengatasi isu-isu yang timbul seperti penjagaan kesihatan mental dan fizikal, pengamalan *biah solehah*, mengurangkan kos pengajian dan mengadakan latihan khusus untuk guru tahfiz bagi mengatasi masalah kekurangan guru mahir. Pihak-

pihak tertentu perlu berganding bahu demi menjayakan program Karantina Tahfiz di Malaysia agar berjalan dengan lancar dan berkesan demi melahirkan generasi huffaz yang profesional. Tujuan utama program Karantina Tahfiz ini diwujudkan adalah untuk memudahkan masyarakat menghafal keseluruhan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh yang agak singkat dengan menggunakan teknik hafazan yang khusus. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qamar ayat 22:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maksudnya: “Dan sungguh, telah Kami mudahkan Al-Quran untuk peringatan, maka adakah orang yang mau mengambil pelajaran.”

[Surah an-Qamar 54:22]

Ayat ini memberi isyarat bahawa al-Quran telah dipermudahkan oleh Allah SWT samada untuk membacanya, memahaminya, mengamalkannya mahupun menghafaznya. Sifat mudah ini datang dalam pelbagai bentuk dan medium termasuk kaedah-kaedah pembelajaran terkini. Apakah masih ada alasan kepada umat ini untuk mendekati dan meneliti al-Quran?

RUJUKAN

Al-Quran

Abd Razak, S. R. (2020). *Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor*. *Islamiyyat*, 42, 101-106.

Abd Rashid Zainal, Sumaiyah Sulaiman dan Siti Nor Jaffar. Biah Solehah Pemangkin Kecemerlangan Sahsiah Pelajar. Diperoleh daripada <https://dokumen.tips/reader/f/5-biah-solehah-pemangkin-kecemerlangan-sahsiah-pelajar>.

Abdul Rahman Talib. (2019). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafalan al-Quran yang Efektif: Perkongsian Pengalaman Karantina Tahfiz Malaysia*. Konvensyen Huffaz Peringkat Kebangsaan JAKIM-UNITEN 2019. Diperoleh daripada [file:///Users/ctonmashie/Downloads/Karantina%20Tahfiz%20Malaysia%20\(2\).pdf](file:///Users/ctonmashie/Downloads/Karantina%20Tahfiz%20Malaysia%20(2).pdf).

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah*

- Hafazan al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Diperoleh daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/2844/1/75184.pdf>.
- Mubarok, Abu Hasan, Sonhaji Sonhaji, Emma Nur Aini, and Suratman Suratman. (2020). Implementasi Program Tahfiz Al Quran di SDN 013 Penajam, Penajam Paser Utara. *Jurnal Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Borneo 1*, no. 1 : 63-75.
- Aeileen Damiri. (2020). Kaedah Hafazan Berkesan: Adaptasi Program Karantina di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Simposium Kecemerlangan KBD dan KBT Zon Borneo Tahun 2020. Diperoleh daripada <https://anyflip.com/kgudh/ghhz/basic>.
- Azmil Hashim, Norhisham Muhamad & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2016). Qudwah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3). 28-35.
- Abu Hasan Mubarok, Sonhaji, Emma Nur Aini & Suratman. (2019). Implementasi Program Tahfiz al-Quran di SDN 013 Penajam, Penajam Paser Utara. *Jurnal Tarbiyah & Ilmu Keguruan (JTIK) Borneo*. 1(1). 63-75.
- Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz Di Malaysia*.
- Dudung Abdul Karim, Hafid Nur Muhammad & Ali Zaenal Arifin, (2020). Metode Yadain Li Tahfiz Al-Qur'an (Implementasi Program Karantina Sebulan Hafal Al-Qur'an di Desa Maniskidul Kuningan Jawa Barat). *Studia Quranika*. 4. 181. 10.21111/studiquran.v4i2.3546.
- Ghazala Ahmed. (2013). Muslim Parent at Crossroads: *Choosing the Right School for Their Children*. *Canadian and International Education/Education et Internationale*, 42(2). Diperoleh daripada <https://ojs.lib.uwo.ca/index.php/cie-eci/article/view/9229/7415>.
- Hashim, Azmil. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1. 28-39.
- Hidayatul Fitriyah. (2020). *Implementasi Metode Yadain dalam Program Karantina Hafalan al-Quran 2 Pekan 10 Juz di Yayasan Alam Qur'an Ponogoro (Tesis Sarjana)*. Diperoleh daripada http://etheses.iainponorogo.ac.id/10246/1/SKRIPSI_210316416_HIDAYATUL%20FITRIYAH_%283%29.pdf.
- Huslan, M. H. M., & bin Mohd Noh, M. S. *Faktor Pengukuhan Pengurusan Kewangan Di Sekolah Tahfiz Swasta: Satu Kajian Di SMI IQKL*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 83. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3593-bayan-linnas-siri-ke-202-guru-dan-kemuliaanya>. Diakses pada 26 Mac 2022.
- <https://karantinahafizmalaysia.com/soalan-lazim/>. Diakses pada 25 Mac 2022.

- <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2509-bayan-linnas-siri-ke-140-islah-dan-perkasakan-ma-had-tahfiz-al-qur-an>. Diakses pada 25 Mac 2022.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). *Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran*. Kuala Kubu Baharu: Darul Quran JAKIM.
- Lubis, M. A., Hassan, W. N. S. W., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 1-13.
- Maziahtusima Ishak, Siti Rugayah Tibek, Zulkiple Abd Ghani, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Amir Husin Mohd Nor, Hayati Ismail. (2019). Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31). 384-393.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Abdul Aziz Mat Isa & Hamdi Ishak. (2021). Faktor Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Journal Al-Irsyad*, 6(1), 596-605. Diperoleh daripada <file:///Users/ctonmashie/Downloads/142-Article%20Text-1735-1-10-20210615.pdf>.
- Mustaffa, M. (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007 / Muhaidi Hj. Mustaffa*.
- Muhammad Iqbal Ansari. (2017). Pelaksanaan Karantina Tahfidzh al-Quran 30 Hari untuk Siswa Sekolah Dasar dan Madrasah Ibtidaiyah di Banjarmasin. *Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, 2(2). 1-18.
- Mochammad Ashabul Yamin & Anita Puji Astutik. (2021). *Akulturasasi Panca Indra Metode Yadain Li Tahfizil Qur'an. Tajdid*, 20(2), 336-372. Diperoleh daripada <https://tajdid.uinjambi.ac.id/index.php/tajdid/article/view/169/139>.
- Nazmus Saquib, Juliann Saquib, Abdulrahman Alhadlag, Mohamad Anas Albakour, Bader Aljumah, Mohammed Sughayyir, Ziad Alhomidan, Omar Alminderej, Mohamed Aljaser, Ahmed Mohammed Al-Dhlawiy dan Abdulrahman Al-Mazrou. (2017). *Health Benefits Of Quran Memorization For Older Men*. SAGE Open Medicine. 5. 205031211774099. 10.1177/2050312117740990.
- Ngali, Augustine. (2019). *Kepentingan Pedagogi Untuk Guru*. 10.13140/RG.2.2.22868.55686.
- Novida Balqis Fitria Alfiani. (2018). *Strategi Menghafal al-Quran Juz 30 Bagi Anak Usia Dini di Taman Kanak-Kanak Islam Terpadu (TKIT) An-Nahl Kec. Taman KAB. Sidoarjo (Tesis Sarjana)*. Diperoleh daripada <http://etheses.uin-malang.ac.id/14137/1/14160005.pdf>.

- Raihan Mohd Arifin, Kamarul Shukri Mat Teh & Norfazila Ghazali. (2019). Konseptualisasi Strategi dan Pelaksanaan Iklim Dini di Sekolah Menengah Agama. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 2(1). Diperoleh daripada https://static.s123-cdn-static-d.com/uploads/1759562/normal_5d7c427d93472.pdf.
- Sharifah Noor Hidayah Syed Aziz, Mastor, K.A & Izuli Dzulkifli. (2020). *Faktor Yang Mendorong Minat Menghafal al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz*. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan. Diperoleh daripada http://conference.kuis.edu.my/ispem/wp-content/uploads/2020/12/ISPEN20_05.pdf.
- Syaukani, Neliwati & Muhammad Ruslan. (2019). *Quarantine Tahfiz Al-Quran Program (Study Analysis in Inlight Qur'anic Center, Baitul Qur'an and Tahfiz Qur'an Foundation Al-Fawwaz Medan)*. *Edu-Riligia*, 3(4), 523-535. Diperoleh daripada <file:///Users/ctonmashie/Downloads/6873-14311-1-SM.pdf>.
- Yusoff, Z. M., Rahman, N. N. A., Kamri, N. A., Ali, N. A., Hamzah, N. H., & Ramlan, N. *Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz*. Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia, 38.

MOTIVATING FACTORS AND CHALLENGES: EXPLORING STUDENTS' EXPERIENCES UNDERGOING CERTIFICATE IN TAHFIZ (QURAN MEMORIZATION)

Ezatul Marini binti Mohd Ghazali³

Norhamizah binti Tamat⁴

Nurul Ain binti Othman⁵

Politeknik Sultan Azlan Shah Behrang Perak

Abstract

An increasing number of Tahfiz programs and classes have emerged in Malaysia recently. The opening of many Tahfiz institutions, programs, and classes makes it much easier for people in the Muslim community to learn to memorize the Qur'an because it is not strictly for children. In memorizing the Qur'an, it is important to pay attention to two elements, understanding and motivation, so that memorization can become a meaningful effort. This study involves three students enrolled in the Certificate Tahfiz program in Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Perak. The program is a collaboration between the institution with Darul Quran, a public educational institution under the supervision of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). This study has shown how much motivation has influenced the student's memorization of the Qur'an. Several challenges are also faced by students while memorizing, including time constraints, lack of motivation, failure to recall, emotional challenges, as well as external noises. This study will be valuable for other researchers to draw upon and pursue further in-depth the field of Qur'anic memorization about motivation.

Keywords: *Tahfiz, motivation, challenges, memorization*

³ Principal lecturer, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah

⁴ Senior lecturer, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah

⁵ Lecturer, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah

RESEARCH BACKGROUND

The story of the history of tahfiz education began in the time of the Prophet (Peace Be Upon Him). History records that the Messenger of Allah was the first human being to memorize the Quran, beginning with the sentence Iqra' delivered by Gabriel during the descent of the first revelation.

The Prophet often encouraged his companions to memorize the Quran. This is because, at that time, none of His Majesty's companions could read or write, so the best and most appropriate way to convey the verses of the Quran was through memorization. Through memorization, the teachings of the Quran can be developed, compiled, and subsequently written down.

In one of the hadith Prophet Muhammad (Peace Be Upon Him) shared with his companions the experience, he went through when the revelation was sent to him (Mariam Adawiah Dzulkifli et.al, 2016).

Narrated by Said bin Jubair:

“It is for us to collect it and to give you (O Muhammad) the ability to recite it (the Qur'an) (75.16-17) which means that Allah will make him (the Prophet) remember the portion of the Qur'an which was revealed at that time by heart and recite it. Afterward, the Messenger used to listen to Gabriel whenever he came and after his departure, he used to recite it as Gabriel had recited it.”

[Sahih Bukhari Volume 1, Book 1 No. 4]

In their study, Mariam Adawiah et.al (2016) stated that research on the memorization of the Quran in Malaysia has revolved mainly around the various techniques used at different centers of tahfiz and the effectiveness of these methods (Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff, 2014; Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Mohd Aderi Che Noh, 2013; Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri, 2012; Mohamad Marzuqi Abd Rahim, 2008; Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda, 2003).

According to their study, Malaysia recorded 13,000 huffaz in 2011 (*Penyelaras Pembangunan Al-Quran JPAQ*, 2011). There are also 158 tahfiz (Quranic memorization centers) registered with JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014). Over the years, many more informal centers have been formed too.

THE CONCEPT OF QURAN MEMORIZATION

Quran memorization has been something that has been emphasized since time immemorial. The establishment of so many tahfiz institutions proves that society is beginning to realize the importance of remembering and understanding the Quran. The objective of tahfiz education is to produce huffaz who are pious, understand religious matters and practice the entire Quranic teachings. According to An Najihat (2002), tahfiz education aims to make the huffaz al-Quran understand Islamic knowledge, which comprises three main core elements namely aqidah (Islamic doctrine), shariah (Islamic law), and akhlak (Islamic code of conduct).

Based on a study by Fatimah Zaharah et.al (2019), tahfiz al-Quran education teaches man to devote oneself to Allah and always strive to make this world prosperous. It is also hoped that the huffaz could contribute dynamically to various social and national development aspects to create a balanced society.

TAHFIZ PROGRAM OF POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Background Of the Program

This program is the brainchild of the former director of Sultan Azlan Shah Polytechnic, Tuan Haji Zairon bin Mustafa 2017. The desire was expressed to the Head of the General Studies Department at that time, Puan Rokisah Muda. Through the discussion held, the team from the Department of General Studies has been in contact with Darul Quran Kuala Kubu Bharu. After the final discussion, with approval from JAKIM, PSAS and Darul Quran have signed the notes of understanding (NOU) at Darul Quran, Kuala Kubu Bahru, Selangor.

The Format of Implementation

This program offers memorization certificates given to students who successfully memorize 10 juzu' of the al-Quran. The program commenced in 2017 and the total number of participants is 24 with 12 students per group. The duration of the program is 5 semesters and currently, 2 students have graduated from the program.

Challenges Of Implementation

3.3.1 Implementation of programs outside of lecture hours - student commitment to completing assignments as polytechnic students.

3.3.2 Darul Quran places 12 students for the continuation of this program. Challenges in terms of promotion and response among students who do not encourage.

3.3.3 The program is not included as part of the co-curriculum.

Advantages Of the Program

1. The certificate is issued by Darul Quran
2. The program requires free admission
3. Students are provided with free accommodation until the end of the semester of study at the polytechnic.

METHODOLOGY AND FINDINGS

This study aims to answer these questions:

1. What are the factors that explain Tahfiz students' motivation to memorize the Qur'an?
2. What are the challenges that hamper their motivation to memorize the Qur'an?

This study was conducted on two graduates who had completed tahfiz studies for 5 semesters at Politeknik Sultan Azlan Shah. This study encompassed a qualitative case study design to explore the factors behind students' motivation in Qur'anic memorization in Politeknik Sultan Azlan Shah.

One thing that needs to be considered is that these students follow this program as an elective course taken in addition to the core program in the technical or commercial field. This means that these students must follow tahfiz certificate studies in addition to the diploma program they are currently following.

Semi-structured interviews were used to investigate participants' views about their learning motivation. This allowed them to share their experiences with learning and what motivated them to

choose Quran memorization. We used an open-ended interview structure that included specific questions, followed by probing questions to investigate the phenomenon in-depth.

FINDINGS AND CONCLUSION

Participant demographics

Since only two participants have completed tahfiz studies, the information and findings of this study were obtained from both of them. The participants of this study consisted of one male student and one female student.

One of the participants is an Electrical Engineering Diploma graduate and the other is a Civil Engineering Diploma graduate. This gives an interesting picture because as researchers, we want to know more deeply how they can decide to follow this tahfiz certificate study. Both have completed their diploma studies and have also completed the memorization of the 10 juzu' in their tahfiz program.'

Motivation

Both respondents chose to follow the tahfiz program because of their interests. One of the participants chose to follow tahfiz studies at the request of the parents. The parents were the ones who admitted the respondent to the program.

When asked what motivated them to follow the tahfiz program, one of the respondents stated that he/ she chose to follow this program because he/ she wanted to change him/ herself into a better individual. While the second respondent stated that he/ she chose to follow this tahfiz program because he/ she had studied memorization and wanted to complete what had been learned and to ensure that the knowledge and skills will not decay.

Based on the study, the researcher found that three main factors influence the motivation of students—the family, and the students themselves. The study carried out by Norkhairilizah (2005) found that parents played a major role in developing children's minds and academic goals.

Challenges in Quran memorization

Both respondents went through various challenges throughout completing their hafazan. Among the challenges they go through are:

- i. Lack of motivation
- ii. Distraction from other commitments
- iii. Not able to memorize
- iv. External challenges
- v. Emotional challenges

The first respondent stated that the main challenge comes from external distractions consisting of a noisy atmosphere and commitment to the core program they are following.

The second respondent stated that the main challenge he/she faced while completing hafazan was the lack of support from friends who did not have the same vision and aspirations. Friends who do not choose to follow tahfiz studies lack understanding of his needs from the aspect of time distribution and the need for space to facilitate memorization.

From the finding above, the researcher concluded that lack of motivation, a distraction from other commitments, inability to recall, emotional challenges, as well as external noises, were the challenges that impeded participants' motivation in memorizing.

In conclusion, both respondents agreed that this program is very suitable to be continued and they are ready to recommend this program to friends. Among the reasons they put forward are:

- i. Students should motivate themselves to memorize the Al Quran because it is part of the religious demand that the Quran should be read with an understanding of its meaning.
- ii. Students should also challenge their abilities. If they can memorize the Al-Quran, this gives an indicator that in addition to being skilled individuals in academics, they are also capable of being skilled in other fields.

REFERENCE

- H. Abdullah et al, “Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu”, Universiti Teknologi Malaysia, 2005. [2]
- Hashim, *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz di Institusi Tahfiz di Malaysia*. PhD Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Najihat, *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari’ah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd, 2002.
- S. Fauzan and S. Mohamad, “Kesan Hafazan Al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar,” *J. al-Turath*, 2(2), 2017, pp. 54-59. [3]
- Nik Abdullah, N. M. S. A. (2019). Challenges and Difficulties in Memorizing the Qur’an in the Tahfiz Classes Among Secondary Learners. *AL-BURHĀN International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur*, 3(2), 1-14. e-ISSN 2600-83863
- Nik Abdullah, Nik Md Saiful Azizi & Sabbri, Fathiyah & Muhammad Isa, Rabi’atul. (2021). Tahfiz Students’ Experiences in Memorizing the Qur’an: Unveiling Their Motivating Factors and Challenges. *IIUM Journal of Educational Studies*. 9. 42-63. 10.31436/ijes.v9i2.248.
- Mohamad, A. Hashim and H. Ishak, “Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah Dalam Membina Kurikulum Tahfiz Al-Quran,” in book, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM, 2016. [4]
- Sedek Ariffin, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman, Khadher Ahmad, Munirah Abd Razak, Faisal Ahmad Shah, Norhidayah binti Yusoff. (2014). *Modul Penghafalan Al-Quran Berdasarkan Tempoh 30 Minit Sehari* (The Module to memorize the Quran based on 30 minutes daily). Malaysia: APIUM
- Sedek Ariffin, Zulkifli Mohd Yusoff. (2015). *Metodologi Hafazan Al-Quran* (Methods of memorization of Al Quran). Malaysia: UM Press

**PENERAPAN ELEMEN *TADABBUR* AL-QURAN MELALUI
AKTIVITI *FIQH AL-AYAT* DALAM PELAKSANAAN PROGRAM
TAHFIZ MODULE ULUL ALBAB (TMUA) DI SMKA MAAHAD
MUAR, JOHOR**

**Nur Atiqah Mohd Razin⁶
Wan Nasyrudin Bin Wan Abdullah⁷**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap pelaksanaan aktiviti Fiqh al-Ayat dalam mentadabbur ayat al-Quran di SMKA Maahad Muar dan mengenalpasti kaedah pelaksanaan aktiviti Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru TMUA. Kajian ini mengaplikasikan metod penyelidikan kualitatif yang menggunakan analisis kajian berdasarkan sumber artikel, tesis, jurnal ilmiah dan data-data daripada pihak sekolah. Selain itu, sesi temu bual juga telah dijalankan kepada informan yang terpilih iaitu daripada kalangan guru TMUA di SMKA Maahad Muar, Johor. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pelaksanaan aktiviti Fiqh al-Ayat dalam mentadabbur al-Quran berada di tahap sederhana tinggi. Di samping itu, majoriti guru TMUA menerapkan elemen Tadabbur al-Quran dan kemahiran Bahasa Arab sebagai kaedah pelaksanaan aktiviti Fiqh al-Ayat. Penelitian terhadap isu dalam pengajaran tahfiz merupakan salah satu langkah ke arah penambahbaikan pelaksanaan pengajaran guru bagi aktiviti Fiqh al-Ayat yang membawa aspirasi Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik sejajar dengan objektif pelaksanaan TMUA di Malaysia.

Kata Kunci : *Program Tahfiz Ulul Albab (TMUA), tahap pelaksanaan, Fiqh al-Ayat, pendekatan tadabbur al-Quran.*

⁶ Calon Sarjana, Program al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

⁷ Pensyarah Kanan, Program al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

PENDAHULUAN

Objektif utama pelaksanaan Program Ulul Albab adalah untuk melahirkan golongan Ulul Albab yang bercirikan tiga komponen iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik. Berdasarkan rujukan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), Quranik menjadi asas dalam pelaksanaan program ini diikuti Ijtihadik dan Ensiklopedik secara seiring⁸. Pendekatan quranik merupakan kaedah bagi membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah. Pendekatan Ensiklopedik pula menghendaki pelajar untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa serta berkemahiran tinggi dan mampu untuk bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya. Manakala pendekatan Ijtihadik pula merupakan satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikiran aras tinggi secara kreatif dan inovatif⁹.

Kurikulum TMUA mempunyai dua subjek utama iaitu mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Hifz al-Quran ialah mata pelajaran utama dalam kurikulum ini. Para pelajar dikehendaki untuk menghafaz 30 Juzuk al-Quran dalam tempoh masa lima tahun persekolahan mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan mata pelajaran ini merangkumi aktiviti *Tahriri*, *Hafazan Baharu*, *Tahdhir*, *Tasmik*, *Murajaah* dan *Fiqh al-Ayat*.

Justeru, kajian ini akan meneliti tahap pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam mentadabbur ayat al-Quran di SMKA Maahad Muar dan mengenalpasti kaedah pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam kalangan guru TMUA. Berdasarkan langkah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran, elemen *tadabbur* al-Quran sepatutnya dapat diterapkan dalam diri para pelajar dan guru TMUA. Namun, aspek penerapan nilai dan elemen *tadabbur* berteraskan al-Quran didapati kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahfiz al-Quran. Abu al-Wafa (1999) menyatakan bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui *asbab nuzul* akan membantu pelajar dalam

⁸ Faszly Rahim, et.al. 2014. *Pemeriksaan Ulul Albab Melalui Modul STEM Bersepadu STEMind*. The online Journal of Islamic Education. Special Issue of ICIED2014.

⁹ Ibid

menghafaz dan meyakinkan ingatan¹⁰. Hal ini menunjukkan bahawa kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih menfokuskan kepada kelancaran hafazan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca.

PERNYATAAN MASALAH

Setelah meneliti objektif dan kepentingan pelaksanaan TMUA, masih terdapat kelompongan dan kelemahan untuk mencapai objektif tersebut. Terutama apabila melibatkan perintegrasian antara dua elemen pendidikan memerlukan penelitian terhadap tahap pencapaian pelajar dalam akademik dan tahfiz. Tahap pencapaian pelajar ini akan dapat menunjukkan tahap keseimbangan antara dua elemen pendidikan akademik dan pendidikan tahfiz. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah, Siti Aisyah dan Jimaain Safar (2020) ini, cabaran dalam pelaksanaan TMUA telah dibahagikan kepada tiga bahagian.

Cabaran Dari Sudut Sistem Pelaksanaan Kurikulum

Cabaran dari sudut sistem pelaksanaan kurikulum di sekolah adalah tempoh masa yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk proses pengajaran dan pembelajaran¹¹. Pelajar mengalami kesukaran untuk menyusun masa dengan baik bagi mencukupkan target hafazan mereka. Pelajar yang tidak berjaya mencapai target hafazan mereka, tidak dapat meneruskan hafazan pada juzuk-juzuk al-Quran yang lain mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Pengagihan aktiviti yang tidak seimbang di sekolah juga menjadikan cabaran bagi pelajar untuk membahagikan masa di antara subjek akademik dan tahfiz.

Justeru, kajian ini melihat bahawa salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah mata pelajaran Hifz al-Quran iaitu *Fiqh al-Ayat*, dapat dijadikan sebagai satu jambatan bagi pelajar untuk memahami bahawa elemen duniawi dan ukhrawi itu tidak terpisah. Terlalu banyak ayat-ayat al-Quran yang menceritakan aspek sains dan sejarah, sekaligus dapat mendedahkan kepada para pelajar bahawa mata pelajaran Hifz al-Quran juga sangat penting dan dapat membantu kefahaman para

¹⁰ Mardhiah Yahaya et.al. 2019. *Tadabbur al-Quran: Analisa Terhadap Persepsi Pelajar Di Maahad Tahfiz Selangor*. Universiti Sains Islam Malaysia.

¹¹ Ibid

pelajar terhadap subjek akademik. Selain aktiviti *murajaah* hafazan, *tahdir* dan *tasmik*, guru TMUA seharusnya memanfaatkan aktiviti *Fiqh al-Ayat* sebagai peluang untuk membentuk akhlak, memberi kefahaman ayat agar nilai-nilai quranik ini dapat dihubungkan dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Dalam satu kajian yang telah dilaksanakan oleh Fawarni & Zanaton (2021) membawakan satu contoh integrasi antara subjek kimia dan al-Quran. Terdapat beberapa topik pembelajaran dalam buku teks kimia seperti Aplikasi Teknologi Hijau dalam Pengurusan Sisa Industri sangat sesuai dikaitkan dengan ayat-ayat al-Quran berkaitan tanggungjawab manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memakmurkan bumi dengan sebaiknya agar dapat dihuni oleh generasi manusia berzaman-zaman. Pelaksanaan pengintegrasian al-Quran dalam pembelajaran Kimia merupakan satu transformasi dalam bidang pendidikan Sains Ulul Albab yang patut mendapat perhatian sewajarnya seimbang dengan keprihatinan KPM terhadap penekanan pendidikan STEM¹². Apabila berlakunya integrasi yang harmoni di antara elemen pendidikan akademik dan pendidikan tahfiz, maka para pelajar akan berasa seronok untuk menghafaz al-Quran dan tidak akan memilih fokus di antara dua elemen pendidikan ini.

Cabaran dari Sudut Guru

Cabaran dari sudut guru tahfiz pula adalah terdapat dalam kalangan guru yang masih lemah dalam penguasaan ilmu dan PdPC¹³. Para guru kurang menggunakan kaedah-kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menarik dan agak tradisional sehingga mengesani emosi para pelajar. Hal ini juga berpunca daripada ketiadaan modul pengajaran tahfiz yang standard untuk digunapakai oleh guru dalam proses PdPC.

Selain itu, guru TMUA didapati hanya memberikan tumpuan terhadap hafazan pelajar dan kemahiran seperti tilawah, tajwid, *adab* al-Quran, *manhaj* al-Quran dan *rasm uthmani*. Guru juga

¹² Fawarni Binti Ahmad & Zanaton H. Iksan. 2021. *Pengintegrasian Bidang Adab Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia*. Journal Sains Insani Vol. 6 No 1:99-104. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

¹³ Mardhiah Yahaya. 2017. *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Sarjana. Universiti Penyelidikan Sultan Idris.

didapati kurang mengaitkan secara bersepadu dan perkaitan antara ilmu al-Quran yang dipelajari dengan kehidupan seharian. Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA Kedah mendapati bahawa PdPc berkaitan bidang *Fiqh al-Ayat* tidak dilaksanakan secara tekal dan konsisten sebagaimana kandungan kurikulum TMUA.

Para pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami ayat-ayat al-Quran disebabkan oleh kurangnya bimbingan para guru dalam proses *tadabbur* al-Quran semasa aktiviti *Fiqh al-Ayat* dijalankan¹⁴. Walau bagaimanapun, kemampuan setiap guru TMUA untuk menzahirkan kemukjizatan al-Quran kepada para pelajar itu berbeza-beza. Namun, hal ini tidak akan menjadi halangan bagi pihak sekolah dan guruguru untuk mengadakan program bernaratifkan *Tadabbur* al-Quran sekali sekala. Sekiranya aktiviti *Fiqh al-Ayat* dapat dioptimumkan dengan elemen *Tadabbur* al-Quran, maka ia akan dapat memudahkan para pelajar untuk mengingat ayat yang telah dihafaz. Hal ini sekaligus dapat menyuntik semangat para pelajar untuk menghafaz al-Quran dan lebih menghargainya.

Cabaran dari Sudut Pelajar

Cabaran daripada sudut pelajar pula adalah terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat menghabiskan hafazan mengikut masa yang telah diperuntukkan¹⁵. Penilaian pencapaian pelajar dalam pembelajaran hafazan al-Quran masih kurang memuaskan di mana hampir 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jangkamasa dan sukatan yang telah ditetapkan. Terdapat tiga buah sekolah Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab (MRSMA) mendapati hanya 307 orang murid daripada jumlah 509 orang murid yang berjaya mengkhataamkan hafazan mereka¹⁶.

Dalam satu kajian berbentuk kuantitatif yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah, Ajmain Safar dan Siti Aisyah (2022) berkenaan dengan tahap kemampuan murid TMUA menghafaz berdasarkan bilangan muka surat dalam seminggu menunjukkan bahawa sebanyak 16.13% pelajar

¹⁴ Hashim, A., Tamuri, A. H., & Jemali, M. 2013. *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz AlQuran di Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education, 1(1), 28–39.

¹⁵ Mohd Jamalil Ismail, et.al. 2017. *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. 19(Julai). Hal. 55-65.

¹⁶ Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri & Sedek Ariffin. 2016. *Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*. Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah. Hal. 1–5.

TMUA berkemungkinan besar tidak dapat menghabiskan sukatan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian di peringkat sekolah menengah yang melaksanakan KBT. Peratusan ini berdasarkan analisis data terhadap 126 orang pelajar daripada 781 orang pelajar yang berada di tahap sangat lemah hafalan berdasarkan jumlah muka surat yang berjaya dihafaz dalam tempoh seminggu iaitu, sebanyak dua hingga tiga muka surat sahaja. Untuk memastikan para pelajar dapat mengkhataamkan hafazan al-Quran sepanjang lima tahun persekolahan, seorang pelajar itu mestilah menghafaz sekurang-kurangnya empat muka surat dalam seminggu. Kajian ini sangat membantu membuka mata para pelaksana TMUA agar lebih memperhalusi masalah ini dan mencari solusi yang sesuai untuk meningkatkan prestasi, momentum dan motivasi para pelajar dalam menghafaz al-Quran.

Ternyata menghafaz al-Quran bukanlah suatu perkara yang mudah kerana pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh para pelajar. Apabila menghafaz al-Quran, memang tidak akan lari daripada keperluan pelajar untuk berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran dengan baik. Kaedah yang paling terbaik untuk memahami ayat al-Quran bagi peringkat pelajar sekolah menengah ialah penghayatan kepada makna terjemahan ayat dan *tadabbur* ayat-ayatnya. Walaupun begitu, menghafaz al-Quran ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dijayakan meskipun terdapat pelbagai cabaran yang perlu dilalui. Setiap murid mestilah menetapkan matlamat dan mengenalpasti kemampuan dan kecenderungan diri.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu:

1. Menenalpasti tahap pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam mentadabbur ayat al-Quran di SMKA Maahad Muar.
2. Menenalpasti kaedah pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam kalangan guru TMUA.
3. Menenalpasti kesan *Tadabbur* al-Quran dalam pencapaian hafazan pelajar berdasarkan pandangan guru.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, terdapat beberapa persoalan kajian yang digariskan supaya objektif yang disasarkan dapat direalisasikan, iaitu:

1. Apakah tahap pelaksanaan aktiviti *Tadabbur* al-Quran di SMKA Maahad Muar?
2. Apakah kaedah pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam kalangan guru TMUA?
3. Apakah kesan *Tadabbur* al-Quran dalam pencapaian hafazan pelajar berdasarkan pandangan guru?

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif untuk menjawab permasalahan kajian. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dalam bilik darjah. Kaedah kualitatif ini dipilih agar dapat melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang dilaksanakan, dilihat dan dialami di SMKA Maahad Muar, Johor dalam suasana yang sebenar terhadap persekitaran lokasi kajian.

Bagi kaedah analisis dokumen, kajian dilakukan dengan menganalisa dokumen seperti artikel, jurnal ilmiah, tesis dan buku-buku berkaitan tahap pencapaian pelajar dalam hafazan dan pelaksanaan kurikulum Tahfiz Modul Ulul Albab. Kaedah pengumpulan data menerusi temubual merupakan data utama di dalam kajian. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data penting dengan bertanya secara langsung kepada informan. Maka kajian ini memilih untuk menggunakan teknik persampelan iaitu persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bermaksud sesi temu bual ini dijalankan kepada informan yang terpilih iaitu daripada kalangan guru TMUA di SMKA Maahad Muar, Johor. Kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini adalah merupakan guru TMUA dengan pengalaman melebihi empat tahun dan bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka. Peserta kajian telah dipilih setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- i. Guru Kanan Mata Pelajaran TMUA di SMKA Maahad Muar, Johor

- ii. Timbalan Penyelaras TMUA di SMKA Maahad Muar, Johor.
- iii. Guru-guru TMUA yang memiliki pengalaman melebihi empat tahun.

KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur dibuat dengan meneliti beberapa kajian lepas yang telah dijalankan ke atas pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Modul Ulul Albab (TMUA). Muhd Zulhilmi, Mohamad Khairi dan Mohd Isha Awang (2019) telah menjalankan kajian terhadap keperluan penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Modul Ulul Albab (TMUA) sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian ini mengupas tentang konsep dan penilaian kurikulum beserta model-model penilaian kurikulum. Fokus kajian ini ialah mengetengahkan beberapa isu dan permasalahan yang berbangkit merangkumi beberapa elemen penting iaitu matlamat serta halatuju TMUA, pencapaian murid dalam hafazan, kemudahan yang disediakan dan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Setelah melaksanakan kajian ini pengkaji mencadangkan bahawa terdapat keperluan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kurikulum TMUA dilaksanakan dalam tempoh terdekat bagi menambahbaik pelaksanaan sedia ada di sekolah menengah KPM.

Dalam sebuah kajian yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah, Siti Aisyah dan Jimaain Safar (2020) terhadap keberkesanan dan tahap pencapaian hafazan pelajar TMUA sekolah menengah KPM mendapati bahawa terdapat beberapa permasalahan yang berbangkit berikutan tahap pencapaian hafazan pelajar kurang memuaskan. Sorotan lepas mendapati bahawa tidak semua pelajar yang mengikuti program ini dapat menghabiskan hafazan sebanyak 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian seperti yang telah digariskan oleh KPM. Hal ini kerana bagi mata pelajaran Hifz al-Quran, tanggungjawab menghafaz terletak pada pelajar itu sendiri. Seandainya pelajar gagal menghabiskan sukatan hafazan semasa berada di tingkatan satu, maka pelajar tersebut tidak boleh meneruskan hafazan untuk sukatan tingkatan dua dan seterusnya. Kajian ini telah dilaksanakan dengan metod deskriptif kuantitatif ke atas 829 orang pelajar TMUA sekolah menengah di negeri Johor. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian hafazan pelajar berada di tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.67.

Dalam aspek penerapan *tadabbur* al-Quran pula, sorotan literatur telah dijalankan ke atas kajian Mardhiah Yahaya et al (2019) yang mengkaji tentang persepsi para pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor terhadap kegiatan *Tadabbur al-Quran*. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran soal selidik yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif terhadap 103 orang pelajar maahad. Dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar sedar akan kepentingan mentadabbur al-Quran, di samping para pelajar juga berusaha untuk terus memahami ayat-ayat al-Quran. Melalui kajian ini telah dapat membuktikan bahawa kesan dari mentadabbur al-Quran mampu menaikkan motivasi para pelajar untuk menghafaz al-Quran dan menuntut ilmu akademik. Hal ini akhirnya mendorong merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan tahfiz demi melahirkan huffaz yang cemerlang.

Mohd Faizulamri et al (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Implementation of Tadabbur Element in Quran Memorisation Process* menyimpulkan bahawa aspek *tadabbur* kurang diambil perhatian memandangkan proses menghafaz itu sendiri merupakan satu proses yang rumit dan memerlukan fokus yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendatangkan satu strategi untuk para huffaz menghafaz al-Quran dengan mudah iaitulah dengan memasukkan elemen *tadabbur* al-Quran dalam proses menghafaz al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen *tadabbur* al-Quran sangat mudah diaplikasikan dalam proses hafazan dan dapat membantu para huffaz menghafaz al-Quran dengan berstrategi. Kajian ini juga menekankan bimbingan para guru amat diperlukan untuk menjayakan proses ini, bahkan Mohd Faizulamri et al (2021) mencadangkan agar pihak yang ingin menggubal silibus tahfiz turut memasukkan elemen *tadabbur* dalam kurikulum tahfiz.

Untuk melihat penerapan elemen *tadabbur* al-Quran yang dapat dilaksanakan di dalam mata pelajaran Hifz al-Quran, sorotan literatur telah dilaksanakan terhadap kajian yang membahaskan tentang keberkesanan aktiviti-aktiviti hafazan di bawah mata pelajaran Hifz al-Quran. Satu kajian kuantitatif yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah Mastor, Siti Aisyah dan Jimaain Safar (2021) menunjukkan bahawa empat aktiviti yang berada pada tahap tinggi iaitu *tahriri* (skor min = 4.79), aktiviti *tasmik* (skor min = 4.77), aktiviti hafazan baru (4.72) dan aktiviti *tahdir* (4.45). Bagi aktiviti yang berada pada tahap sederhana tinggi pula adalah aktiviti *fiqh al-ayat* (skor min = 3.98), aktiviti *murajaah jadid* (skor min = 3.78) dan aktiviti *murajaah qadim* (skor min = 3.15). Manakala aktiviti

murajaah mingguan berada pada tahap sederhana rendah dengan mencatatkan skor min = 2.96. Skor ini menunjukkan bahawa proses hafazan lebih banyak difokuskan kepada *tahriri*, tasmik, hafazan baru dan *tahdir* berbanding aktiviti *fiqh al-ayat* dan aktiviti *murajaah*. Justeru, dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Mardhiah et. al. (2018) yang menunjukkan bahawa kegiatan mentadabbur al-Quran berada di tahap sederhana dan masih terdapat kelompongan yang perlu diperhatikan dan ditambahbaik.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini amat signifikan demi merealisasikan objektif utama pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) adalah untuk melahirkan golongan Ulul Albab yang bercirikan tiga komponen iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik.

Penerapan *Tadabbur* al-Quran dalam program Tahfiz Modul Ulul Albab akan berfungsi sebagai serampang dua mata iaitu **pertama**, apabila pelajar mentadabbur al-Quran, mereka akan dapat menghafaz dan memahami al-Quran dengan lebih baik, merasai kemukjizatannya dan akan lebih menghargai ayat al-Quran yang telah berjaya dihafaz. Implikasi ini merealisasikan aspirasi quranik yang digariskan dalam objektif Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Kedua, salah satu kaedah yang dapat dipraktikkan ketika proses *tadabbur* al-Quran ialah dengan meneliti kalimah demi kalimah dan memahami maksudnya. Kaedah ini memerlukan pelajar untuk mempraktikkan kemahiran bahasa Arab untuk memahami dan menghafaz ayat-ayat al-Quran. Bertepatanlah dengan hasrat yang ingin direalisasikan melalui komponen ensiklopedik.

Ketiga, apabila pelajar dapat menghubungkan ayat-ayat kauniyah dengan mata pelajaran sains yang dipelajari, minat dan bentuk fikir saintifik dapat dibentuk dalam diri seorang pelajar sebagaimana yang diharapkan melalui komponen ijtihadik dalam objektif Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Justeru, pemeraksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* melalui penerapan elemen *tadabbur* dapat meningkatkan lagi kualiti seorang huffaz sebagai penghafaz al-Quran yang quranik, ijtihadik dan ensiklopedik.

HASIL KAJIAN


Pelaksanaan TMUA di SMKA Maahad Muar, Johor bermula sejak tahun 2016, iaitu setelah dua tahun YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin b. Haji Mohd Yassin mengumumkan Model Pendidikan Islam Ulul Albab diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara pada tahun 2014¹⁷. Hal ini bermakna pelaksanaan TMUA di SMKA Maahad Muar telah berlangsung selama hampir tujuh tahun, iaitu bersamaan dengan dua batch TMUA-SPM (2020 & 2021).

Secara umumnya, dapatan kajian bermula dengan menganalisis data pencapaian pelajar yang telah diperolehi daripada pihak sekolah. Hasil analisis menunjukkan bahawa objektif bagi pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) iaitu pelajar dapat mengikuti sukatan hafazan dan berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian belum tercapai. Jadual pencapaian pelajar di bawah ini berdasarkan data tahun 2019 yang telah dianalisis oleh Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jamaain Safar (2020).

¹⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadual 1: Jadual Pencapaian Pelajar Berdasarkan Data Tahun 2019

Ting/ Juzuk	1	2	3	4	5
30					
1					
2	3				
3	4				
4	12				
5	20				
6	78				
7	25	4			
8	18	8	1		
9	4	8	1		
10	5	7	4		
11	2	21	2		
12		38	3		
13		30	4		
14		18	7		
15		11	5		
16	2	6	4		
17		3	7		
18		1	21		
19		2	14		
20			15		
21			16		
22			12		
23			7	3	
24			10	14	4
25			12	14	5
26			6	20	7
27			3	19	10
28				19	8
29				8	23
Khatam				70	111
Jumlah	173	158	160	167	171



Sumber: Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jamaain Safar (2020).

Berdasarkan data di atas menunjukkan bahawa sebilangan pelajar berada di luar sukatan hafazan. Bagi murid yang tidak dapat menghabiskan sukatan hafazan mengikut ketetapan dalam tempoh setahun, mereka akan mengalami kecaciran hafazan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Ajmain Safar dan Siti Aisyah Johan (2022) berkaitan dengan tahap kemampuan pelajar untuk menghafaz dalam tempoh seminggu terbahagi kepada lima kategori tahap.

Jadual 2: Analisis Tahap Kemampuan Murid Menghafaz Dalam Seminggu

SKALA	Tahap Kemampuan Pelajar	Bil. Murid	Peratus (%)
1	Sangat lemah hafazan	126	16.13
2	Lemah hafazan	211	27.02
3	Sederhana hafazan	239	30.6
4	Kuat hafazan	134	17.16
5	Sangat kuat hafazan	71	9.09
	Jumlah Murid	781	
	Min	2.67	100
	Sisihan Piawaian	1.18	

Sumber: Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jamaain Safar (2022).

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah peratusan pelajar yang berada dalam kategori lemah hafazan dan sangat lemah hafazan ialah 43.15%. Manakala peratusan pelajar yang berada di tahap sederhana ialah 30.6%. Jumlah peratusan bagi pelajar yang kuat hafazan dan sangat kuat hafazan ialah 26.25% sahaja. Oleh itu, dapat dilihat bahawa peratusan para pelajar yang lemah hafazan lebih tinggi berbanding pelajar yang sederhana dan kuat hafazannya. Tahap kemampuan para pelajar inilah yang akan menentukan prestasi para pelajar dalam menyelesaikan sukatan hafazan mereka. Maka, untuk mengatasi masalah kecaciran ini, guru TMUA perlulah memperkasakan pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran, terutamanya aktiviti *murajaah* dan *fiqh al-Ayat*.

Tahap Pelaksanaan Aktiviti *Fiqh al-Ayat* Dalam Mentadabbur Ayat al-Quran Di SMKA Maahad Muar

Menerusi temu bual bersama dengan Nurjanah Mastor (2022), salah seorang guru tahfiz TMUA di SMKA Maahad Muar, mengatakan bahawa sebilangan besar guru melaksanakan aktiviti *Fiqh al-Ayat* selepas aktiviti tasmik pelajar pada setiap hari. Manakala sebilangan kecilnya hanya melakukan aktiviti *fiqh alAyat* sekali seminggu sebagaimana yang telah digariskan oleh pekeliling TMUA. Kenyataan ini disokong oleh satu kajian kuantitatif yang telah dilaksanakan oleh Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jamaain Safar (2021) bahawa tahap pelaksanaan aktiviti *Fiqh al-Ayat* dalam mentadabbur ayat alQuran dalam kalangan 310 orang guru yang mengajar subjek Hifz Al-Quran sekolah menengah KPM yang menggunakan KBT berada di tahap sederhana tinggi, iaitu dengan jumlah seramai 47 orang (15.2%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 164 orang (52.9%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini. Skor min bagi aktiviti *fiqh al-ayat* ialah 3.98 menunjukkan bahawa aktiviti ini kerap dilakukan dalam seminggu.

Berdasarkan temu bual bersama Guru Kanan Mata Pelajaran SMKA Maahad Muar, Ustaz Che Azizi Aizuddin (2022) mengatakan:

“Sejujurnya, jika mengikut kepada realiti peperiksaan pelajar, nisbah markah fiqh al-Ayat ini tidak besar iaitu sebanyak 20% sahaja. Jadi kami menyusun aulawiyat pelaksanaan aktiviti-aktiviti hafazan dalam Hifz al-Quran mengikut tuntutan dalam peperiksaan SPM bagi memudahkan para pelajar. Bukanlah kita tidak fikirkan aspek fiqh al-Ayat ini, namun penekanan lebih difokuskan kepada kualiti hafazan, murajaah dan hafazan baru supaya para pelajar dapat mengikuti silibus yang telah ditetapkan.”

Walaupun begitu, secara keseluruhannya tahap pelaksanaan aktiviti *fiqh al-Ayat* berada di tahap sederhana tinggi berikutan kesedaran para guru TMUA berkenaan dengan kepentingan mentadabbur ayat al-Quran dan memahaminya sebagai salah satu kaedah berkesan untuk menghafaz al-Quran.

Kaedah Pelaksanaan Aktiviti *Fiqh al-Ayat* Dalam Kalangan Guru TMUA

Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru TMUA di SMKA Maahad Muar mengaplikasikan kaedah yang agak dinamik dan fleksibel mengikut kesesuaian setiap pelajar ketika pelaksanaan aktiviti *fiqh al-Ayat* di dalam kumpulan.

Berdasarkan temu bual bersama Timbalan Penyelaras TMUA di SMKA Maahad Muar, Ustazah Siti Aisyah Johan (2022), berkenaan aspek waktu dan tempoh masa pelaksanaan aktiviti *fiqh al-Ayat ini*, beliau telah mengatakan bahawa:

“Melalui soal selidik yang pernah kami edarkan, terdapat sebilangan guru yang melaksanakan aktiviti fiqh al-Ayat sebelum menjalankan aktiviti tasmik atau terdapat juga sebilangannya yang menjalankan selepas aktiviti tasmik. Hal ini bermakna pelaksanaan aktiviti ini dilakukan pada hampir setiap hari sebelum atau selepas aktiviti tasmik. Manakala, terdapat juga sebilangan guru yang melaksanakan aktiviti fiqh al-Ayat pada satu hari sahaja seminggu dengan pendekatan terkumpul iaitu menerangkan intisari ayat bagi muka surat yang akan dihafaz oleh pelajar di dalam kumpulan pada minggu tersebut.”


Dari sudut cara pelaksanaan aktiviti *fiqh al-Ayat* pula, terdapat sebahagian guru yang meminta pelajar menerangkan kefahaman ayat sebanyak empat muka surat secara umum. Melalui kaedah ini, pendekatan *tadabbur* ayat digunakan apabila para pelajar diminta untuk berkongsi tentang kefahaman, refleksi ayat, ibrah dan pengajaran daripada ayat. Manakala terdapat guru yang memfokuskan kepada topik-topik yang dibincangkan atau fokus pada perkataan tertentu yang terkandung di dalam empat muka surat terbabit. Kaedah ini pula mengaplikasikan pendekatan kemahiran bahasa arab ketika mengenal pasti kalimah-kalimah yang sesuai untuk dijadikan kata kunci bagi memudahkan hafazan.

Che Azizi Aizuddin (2022) menambah bahawa terdapat guru yang mengambil inisiatif untuk menotakan sinopsis surah, tema dan topik perbincangan yang terkandung di dalam surah. Inisiatif guru seperti ini adalah pilihan guru tersebut demi memudahkan para pelajar untuk memahami surah yang dihafaz. Namun, terdapat juga sebilangan guru yang hanya memfokuskan kepada ayat-ayat

yang akan keluar dalam peperiksaan seperti ayat-ayat pada awal juzuk, awal *sofhah*, awal *maqra'* dan awal surah. Menurutnya lagi, cabaran pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* ini adalah kerana ketiadaan manual atau modul pelaksanaan yang khas bagi aktiviti *fiqh al-ayat* ini agar pelaksanaannya selaras bagi setiap kumpulan. Oleh itu, pihak sekolah mengambil inisiatif untuk membina modul dan strategi yang khusus untuk memudahkan guru dan para pelajar bagi setiap tingkatan agar dapat fokus kepada ayat-ayat tertentu. Modul ini kemudiannya dimanfaatkan oleh guru TMUA sebagai panduan ketika melaksanakan aktiviti *fiqh al-ayat*.

Siti Aisyah Johan (2022) mengatakan bahawa pihak sekolah sedang berusaha untuk membangun modul bagi menyelaraskan pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat*. Ayat-ayat yang dimasukkan ke dalam modul penyelarasan adalah ayat-ayat yang akan keluar sebagai soalan dalam peperiksaan SPM. Kategori ayat yang dikumpulkan di dalam modul adalah berdasarkan silibus hafazan al-Quran bagi menengah rendah dan menengah atas. Ayat-ayat yang menjadi fokus ini telah dikumpulkan di dalam sebuah modul bernama *Khulashah al-Maqari'* yang merangkumi ayat-ayat pada awal juzuk, awal *sofhah*, awal *maqra'* dan awal surah¹⁸. Dengan adanya kewujudan modul ini diharapkan dapat membantu para pelajar di samping mereka dapat memfokuskan kefahaman kepada ayat-ayat tersebut. Ini adalah salah satu inisiatif pihak sekolah untuk membantu pelajar dalam peperiksaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah sangat menggalakkan agar para pelajar memahami sekurang-kurangnya secara umum ayat-ayat yang mereka hafaz kerana kefahaman tersebut membantu pelajar untuk menghafaz al-Quran dengan baik.

¹⁸ Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan. 2021. *Khulashah al-Maqari'*. Johor: Warisan al-Mukarramah Manba'ul Quran.



Gambar 1: Modul penyelarasan yang telah dibangunkan oleh pihak sekolah SMKA Maahad Muar.

Sumber: Che Azizi Aizuddin (2022), Guru Kanan Mata Pelajaran TMUA SMKA Maahad Muar

Dari sudut pengintegrasian antara dua elemen pendidikan akademik dan pendidikan tahfiz, pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* dengan menerapkan elemen *tadabbur* al-Quran sebagai satu jambatan bagi pelajar untuk memahami bahawa elemen duniawi dan ukhrawi itu tidak terpisah masih kurang ditonjolkan. Hal ini kerana kurikulum TMUA di SMKA Maahad Muar ini masih baru dan berada di fasa penyesuaian dan penambahbaikan. Pihak sekolah melihat bahawa kepentingan pada fasa ini adalah untuk memastikan para pelajar dapat menyelesaikan hafazan al-Quran mengikut sukatan hafazan yang telah ditetapkan. Oleh itu pihak sekolah lebih menumpukan dan memberi penekanan terhadap aktiviti *murajaah* dan hafazan baru.

Kesan *Tadabbur* al-Quran Dalam Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Pandangan Guru

Secara keseluruhannya, para pelajar terbahagi kepada lima kumpulan iaitu kumpulan yang sangat kuat hafazan, kuat hafazan, sederhana, lemah hafazan dan sangat lemah hafazan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Ajmain Safar dan Siti Aisyah Johan (2022) berkaitan dengan tahap kemampuan pelajar untuk menghafaz dalam tempoh seminggu menunjukkan bahawa jumlah peratusan pelajar yang berada dalam kategori lemah hafazan dan sangat lemah hafazan ialah 43.15%. Manakala peratusan pelajar yang berada di tahap sederhana ialah 30.6%. Jumlah peratusan bagi pelajar yang kuat hafazan dan sangat kuat hafazan ialah 26.25% sahaja. Oleh itu, dapat dilihat bahawa peratusan para pelajar yang lemah hafazan lebih tinggi berbanding pelajar yang sederhana dan kuat hafazannya.

Berdasarkan temu bual bersama Che Azizi Aizuddin (2022), beliau mengatakan bahawa penekanan pelaksanaan aktiviti di bawah subjek Hifz al-Quran adalah dinamik mengikut tahap kemampuan seseorang pelajar dalam menghafaz al-Quran. Jika seorang pelajar itu berada di tahap yang lemah atau sangat lemah hafazan, maka aktiviti *murajaah* hafazan akan lebih ditekankan. Di samping itu, sekiranya guru kumpulan mendapati bahawa teknik hafazan dengan memahami terjemahan ayat atau kalimah tertentu sebagai kata kunci sesuai dipraktikkan oleh pelajar tersebut, maka barulah aktiviti *fiqh al-ayat* akan dilaksanakan dengan kerap bagi membantu hafazan pelajar tersebut.

Che Azizi Aizuddin (2022) juga mengatakan berdasarkan pengamatan dan pemerhatiannya bahawa sekiranya seorang pelajar itu berada di tahap kuat atau sangat kuat hafazan, kebiasaannya pelajar tersebut meluangkan masa untuk membaca terjemahan ayat, dan berusaha memahaminya dengan bertanya kepada guru. Maka, peranan guru pembimbing adalah memastikan bahawa pengetahuan dan ilmu berkaitan dengan al-Quran mencukupi untuk membantu pelajar-pelajar sebegini.

Secara keseluruhannya, elemen *tadabbur* al-Quran menerusi aktiviti *fiqh al-ayat* ternyata dapat membantu para pelajar untuk menghafaz al-Quran. Namun, perlaksanaannya kurang diberikan penekanan sebagaimana aktiviti *murajaah* dan hafazan baru disebabkan oleh kekangan masa para pelajar untuk menghabiskan sukatan hafazan. Walau bagaimanapun, dengan adanya modul *Khulasah al-Maqari'* yang dibangunkan oleh pihak sekolah, para pelajar dapat menjimatkan masa dalam hal ini dan fokus kepada meningkatkan kualiti hafazan.

KESIMPULAN

Usaha kerajaan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar sangat berkesan apabila TMUA ini dilaksanakan di peringkat sekolah menengah. Semakin ramai anak-anak muslim di Malaysia yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran al-Karim. Melalui pelaksanaan TMUA ini, mata pelajaran al-Quran dan pendidikan Islam dapat diperkasakan dengan lebih baik dan berkualiti berbanding era sebelumnya. Walaubagaimana pun, semakin kualiti tetap perlu dilaksanakan dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Antara perkara yang dibangkitkan ialah tahap kemampuan pelajar untuk menghafaz al-Quran. Kebanyakan guru TMUA memberikan penekanan terhadap pelaksanaan aktiviti murajaah dan hafazan baru kerana kekangan masa untuk menghabiskan hafazan al-Quran.

Namun, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* dalam mentadabbur ayat al-Quran dalam kalangan guru yang mengajar subjek Hifz al-Quran sekolah menengah KPM yang menggunakan KBT berada di tahap sederhana tinggi. Skor min bagi aktiviti *fiqh al-ayat* ialah 3.98 menunjukkan bahawa aktiviti ini kerap dilakukan dalam seminggu. Hal ini kerana guru TMUA memahami bahawa aktiviti *fiqh al-ayat* adalah sebagai salah satu kaedah untuk memudahkan para pelajar menghafaz al-Quran.

Hal ini juga bertepatan dengan kenyataan yang didapati berdasarkan temu bual bersama dengan GKMP TMUA dan Guru Timbalan Penyelaras TMUA SMKA Maahad Muar, bahawa aktiviti *fiqh al-Ayat* dilaksanakan bertujuan untuk membantu para pelajar agar mudah untuk menghafaz al-Quran. Para pelajar yang berada di tahap lemah dan sangat lemah hafazan ditekankan untuk menghafaz ayat baru dan *murajaah*. Namun, jika guru mendapati bersesuaian, pelajar tersebut akan diajarkan dengan teknik menghafaz dengan bantuan terjemahan dan kefahaman ayat.

Selain itu, inisiatif pihak sekolah untuk membina modul pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* sangat membantu para pelajar dan guru agar fokus terhadap ayat-ayat yang akan masuk dalam peperiksaan. Modul tersebut dinamakan sebagai *Khulasah al-Maqari'* yang menghimpunkan ayat-ayat pada awal juzuk, awal *sofhah*, awal *maqra'* dan awal surah. Ayat-ayat yang telah dihimpunkan ini akan menjadi fokus para guru untuk memastikan para pelajar mamahaminya melalui pelaksanaan

aktiviti *fiqh al-ayat*. Justeru, inisiatif ini dapat membantu para pelajar sekaligus dapat menyelesaikan masalah atau cabaran kekangan masa yang dihadapi oleh para pelajar.

Walaupun begitu, pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* dengan menerapkan elemen *tadabbur* al-Quran sebagai satu jambatan bagi pelajar untuk memahami bahawa elemen duniawi dan ukhrawi itu tidak terpisah masih kurang ditonjolkan sama ada dalam pendidikan akademik mahupun pendidikan Tahfiz. Pengintegrasian antara dua elemen pendidikan akademik dan pendidikan tahfiz kurang ditonjolkan memandangkan kurikulum TMUA di SMKA Maahad Muar ini masih baru dan berada di fasa penyesuaian dan penambahbaikan.

Akhir sekali, pemerksaan terhadap pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat* dengan menerapkan elemen *tadabbur* al-Quran perlu dilakukan bermula di peringkat kementerian, iaitu dengan menyediakan manual pelaksanaan aktiviti *fiqh al-ayat*. Seterusnya guru-guru juga perlu berusaha untuk menambah pengetahuan dalam bidang tafsir, bagi membantu para pelajar semasa aktiviti *fiqh al-Ayat* dilaksanakan. Harapannya agar para pelajar dapat mengatasi kelemahan dan meningkatkan kemampuan untuk menghafaz al-Quran seterusnya dapat mencapai objektif TMUA untuk melahirkan pelajar mutadayyin yang seimbang dari aspek quranik, ensiklopedik dan ijtihadik.

RUJUKAN

- Abu al-Wafa', Aliyallah Ali. 1999. *Al-Nur al-Mubin li al-Tahfiz Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Azmil Hashim. 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran JAKIM Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Che Azizi Aizuddin. 2022. Penerapan Elemen Tadabbur al-Quran Melalui Aktiviti Fiqh al-Ayat dalam Pelaksanaan Program Tahfiz Module Ulul Albab (TMUA). Temu bual ,1 September 2022
- Faszly Rahim, et.al. 2014. Pemeraksanaan Ulul Albab Melalui Modul STEM Bersepadu STEMind. *The Online Journal of Islamic Education*. Special Issue of ICIEd2014.
- Fawarni Binti Ahmad & Zanaton H. Iksan. 2021. Pengintegrasian Bidang Adab Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia. *Journal Sains Insani Vol. 6 No 1:99-104*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., & Jemali, M. 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28–39.
- Idris Jusoh. 2006. *Satu Pemikiran Praktis Dalam Merealisasikan Konsep Ulul Albab*. Kertas kerja dibentangkan sempena Seminar Ulul Albab di Terengganu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. 2019a. *Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Practitioner Research 1 (Julai): 289-316.
- Mohd Faizulamri, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid, Nik Md Saiful Azizi & Rabi'atul Athirah. 2021. Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata pelajaran Maharat al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Jurnal al-Turath*. Vol. 6. No. 1; 2021. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Jamalil Ismail, et.al. 2017. *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. 19(Julai).

Mardhiah Yahaya. 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Sarjana. Universiti Penyelidikan Sultan Idris.

Mardhiah Yahaya, et. al 2019. *Tadabbur al-Quran: Anlisa Terhadap Persepsi Pelajar Di Maahad Tahfiz Selangor*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri & Sedek Ariffin. 2016. *Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan*. Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah.

Othman M. Y. 2014. *Islamic science (Tawhidic): Toward sustainable development*. Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies, 7:110–123.

Siti Aisyah Johan. 2022. Penerapan Elemen Tadabbur al-Quran Melalui Aktiviti Fiqh al-Ayat dalam Pelaksanaan Program Tahfiz Module Ulul Albab (TMUA). Temu bual, 1 September 2022)

Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jamaain Safar. 2020. Pola Pencapaian Hafazan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Negeri Johor. Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan: Strategi dan Inovasi. Kaizentrenovation Sdn.Bhd: Tanjung Malim.

Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan. 2020. Tahap Pencapaian Hafazan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah. *Journal al-Hikmah 12(2) 2020*: 35:52

Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan. 2021. *Khulasah al-Maqari'*. Johor: Warisan al-Mukarramah Manba'ul Quran.

Siti Nurjanah Mastor Mustafa. 2022. Penerapan Elemen Tadabbur al-Quran Melalui Aktiviti Fiqh al-Ayat dalam Pelaksanaan Program Tahfiz Module Ulul Albab (TMUA). Temu bual, 1 September 2022

Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Ajmain Safar & Siti Aisyah Johan. 2022. *Tahap Kemampuan Murid Tmua Menghafaz Berdasarkan Bilangan Muka Surat Dalam Seminggu*. Peranan Pendidikan, Komunikasi Dan Sosioekonomi Dalam Komuniti Tempatan. Tanjung Malim: Kaizentrenovation Sdn.Bhd.

PERSEPSI PESERTA PROGRAM TAHFIZ QURAN TERHADAP MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL-QURAN)

**Mohd Hasdi Mohamed
Rashidi Abbas**

Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Kaedah hafazan al-Quran pertama kalinya diperkenalkan melalui penurunan wahyu itu sendiri. Ianya telah diajarkan secara langsung oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad SAW. Malah kaedah ini turut digazetkan di dalam al-Quran yang mana Allah SWT. melalui perantaraan Jibril AS mengajarkan Nabi Muhammad SAW kaedah dalam menerima ayat al-Quran. Penurunan wahyu al-Quran secara berperingkat sebenarnya turut memainkan peranan dalam pemantapan hafazan Nabi SAW. Kaedah utama yang telah diajarkan kepada Nabi SAW adalah kaedah bacaan yang berhemah dan tidak gopoh. Bersesuaian mengikut peredaran zaman, munculnya pelbagai bentuk penerapan yang digariskan dalam menghafal al-Quran. Salah satunya adalah Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran). Artikel ini bertujuan mengkaji kesesuaian Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran) dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz al-Quran seperti seminar atau bengkel. Kajian ini dilakukan melalui kaedah pengumpulan data tentang kesesuaian Modul LIQA yang digunakan dan seterusnya maklumat dianalisis melalui kajian soal selidik yang melibatkan peserta-peserta program yang telah diterapkan dengan kaedah ini. Hasil kajian menunjukkan pendekatan kaedah yang diterapkan adalah efektif dan membantu peserta yang terdiri daripada pelajar dan orang awam dalam proses hafazan. Kaedah ini juga dilihat bersesuaian sebagaimana kaedah yang diajarkan kepada Nabi SAW dan diterapkan dengan kaedah semasa.

Kata kunci: *kaedah hafazan, Modul LIQA*

PENDAHULUAN

Secara asasnya, pembelajaran al-Quran dapat dilihat sebagai satu spektrum yang luas dan mempunyai pelbagai lingkungan ilmu serta menuntut konsep interaksi yang bersifat holistik (Al-Qardāwī, 2000). Kaedah hafazan al-Quran pertama kalinya diperkenalkan melalui penurunan wahyu itu sendiri yang mana telah diajarkan secara langsung melalui perantaraan oleh Jibril AS kepada Nabi Muhammad SAW (Muhaysin, 1989). Jibril a.s. mengajarkan Nabi Muhammad SAW kaedah dalam menerima ayat al-Quran secara berperingkat yang sebenarnya turut memainkan peranan dalam pemantapan hafazan Nabi SAW Firman Allah SWT yang berbunyi:

لَا تُخْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۖ ۱٦ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ ۱٧ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۚ ۱٨ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ ۱٩

Maksudnya :

Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (16) Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). (17). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. (18). Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (19).

[Surah Al-Qiyamah : Ayat 16-19]

Menurut Al-Zarkashi (1981), “Mempelajari al-Quran hukumnya adalah fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya) maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.” Justeru, pada masa ini munculnya pelbagai bentuk penerapan yang digariskan dalam menghafal al-Quran.

Buktinya sebagaimana di Malaysia sendiri, wujudnya institusi- institusi tahfiz al-Quran di seluruh negara dengan pendekatan kaedah yang pelbagai (Norhanan, 2009).

Antaranya sebagaimana yang diketahui umum institusi tahfiz JAKIM, hafazan al-Quran kaedah Jibril, sistem Turki dan banyak lagi yang mana pelbagai kaedah yang diterapkan mengikut kaedah traditional dan moden. Kajian pada kali ini ingin melihat sejauh mana kesesuaian kaedah hafazan al-Quran menggunakan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) yang diaplikasikan sebagai bahan dalam program jangka pendek tahfiz al-Quran seperti bengkel atau seminar.

PENYATAAN MASALAH

Kaedah hafazan Modul LIQA merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan masih baharu dan masih belum ada kajian ilmiah yang dilakukan secara menyeluruh dan terperinci terhadap kaedah ini. Selain itu, Kesukaran pelajar utk menghafal Al-Quran justeru itu modul ini diperkenalkan melalui program tahfiz al-Quran yang bertujuan memberi tunjuk ajar cara menghafal yang betul dan cepat. Kajian ini dijalankan bagi menilai dengan lebih terperinci kesesuaiannya apabila digunakan dalam program jangka pendek tahfiz al-Quran. Adakah ianya satu kaedah yang boleh diterima dan efektif dalam menjalani proses hafazan al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti kesesuaian kaedah hafazan Modul LIQA dalam menghafaz al-Quran.
2. Mengenalpasti tahap penerimaan peserta setelah menggunakan kaedah hafazan Modul LIQA dalam program jangka pendek tahfiz al-Quran?

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan mengenai kajian yang akan dijalankan:

1. Adakah kaedah hafazan Modul LIQA merupakan kaedah yang sesuai untuk menghafaz al-Quran?

2. Bagaimanakah penerimaan peserta setelah menggunakan kaedah hafazan Modul LIQA dalam program jangka pendek tahfiz al-Quran?

PROGRAM JANGKA PENDEK TAHFIZ

Latar belakang Program

Mohd Hasdi (2019) menyatakan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) disusun oleh Ustaz Mohd Hasdi Bin Mohamed Al-Hafiz. Bagi mengembangkan lagi kaedah yang ada dalam Modul LIQA, beliau telah berusaha mengadakan program jangka pendek tahfiz al-quran berbentuk seminar atau bengkel. Program ini dikenali sebagai Bengkel SMART TAHFIZ.

Bengkel SMART TAHFIZ
MOTIVASI & BIMBINGAN HAFAZAN

10 BULAN
TAMAT HAFAZAN 30 JUZUK

PENGISIAN:

- Kaedah Mudah, Sistematik & Efektif Bagi Menghasilkan Hafazan 5 Baris Dalam 20 Minit.
- Motivasi Huffaz: Personaliti, Pesanan & Cabaran Penghafaz Al-Quran.

RAHSIA & PETUA

1 TAHUN TAMAT HAFAZAN 30 JUZUK

USTAZ MOHD HASDI
BIN MOHAMED AL-HAFIZ

TEMPOH: 1 Jam Teori & 2 Jam Amali | **BAHAN:** Modul Liqa & Sijil Penyertaan | **PENYERTAAN:** Minimum 150 Orang | **BAYARAN:** RM30 Seorang

BIODATA PENGANJUR

- Guru (2008 - KINI)
- Pensyarah Maahad Tahfiz Negeri Pahang (2004 - 2007)
- Guru Besar KAFA, Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan (2002 - 2003)
- Guru Al-Quran di Radio Malaysia Pahang
- Panel Kurikulum Tahfiz KPM (TMUA & KBT)
- Diploma, Ijazah & Sarjana dalam Bidang Tahfiz Al-Quran
- Pengasas Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)
- Mentor & Penasihat Program Tahfiz (Sekolah, IPT & Agensi Kerajaan)
- Jurulatih & Hakim Hafazan Al-Quran MTQSS-KPM (Zon, Daerah & Negeri)
- Penceramah Bengkel & Kem Tahfiz Al-Quran (Zon, Daerah, Negeri & Kebangsaan)

TARIKH TUTUP
TEMPAHAN PENGANJURAN BENGKEL

019-9393984

USTAZ MOHD HASDI

SEKOLAH, INSTITUSI TAHFIZ, MASJID,
PEJABAT@ORGANISASI YANG BERMINAT
MENGANJURKAN BENGKEL, SILA HUBUNGI

Gambar 1 : Poster Bengkel SMART TAHFIZ

Hebahan program ini adalah melalui poster seperti gambar 1 di atas. Ianya diedarkan sama ada melalui pos atau menggunakan medium hebahan online seperti whatsapp, telegram, instagram dan sebagainya. Penyertaan program ini adalah terbuka sama ada pelajar atau orang awam, namun penganjurannya adalah secara berasingan disebabkan faktor umur dan keserasian antara dua kategori berkenaan. Berikut adalah antara negeri, organisasi dan bilangan peserta yang pernah menyertai program jangka pendek tahfiz al-Quran:

- 1) Pahang
 - i. Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan (118 orang)
 - ii. Masjid Daerah Bera (114 orang)
 - iii. Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, Felda Bukit Goh, Kuantan (148 orang)
 - iv. Sekolah Rendah Ibnu Abbas, Kuantan (155 orang)

- 2) Putrajaya
 - i. Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Malaysia (99 orang)
 - ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya (153 orang)

- 3) Sabah
 - i. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, Sabah (269 orang)
 - ii. Sekolah Rendah Islam Al-Hafiz, Kota Kinabalu, Sabah (102 orang)
 - iii. Surau Al-Muttaqin, Kota Kinabalu, Sabah (77 orang)

Tentatif Program Jangka Pendek Tahfiz – Bengkel Smart Tahfiz

Program Jangka Pendek Tahfiz Al-Quran - Bengkel SMART TAHFIZ ini secara amnya mengambil masa 3 jam yang melibatkan 2 slot hafazan. Pengisian program adalah seperti berikut :

- | | |
|------------------|---|
| 8.00 - 8.30 pagi | : Pendaftaran peserta |
| 8.30 - 9.30 pagi | : Slot 1 – Teori Hafazan (Pengenalan dan Kaedah Hafazan Modul LIQA) |

- 9.30 - 10.00 pagi : Rehat dan minum pagi
 10.00 - 12.00 t/hari : Slot 2 – Amali Hafazan (menggunakan kaedah Modul LIQA)
 12.00 t/hari : Soal Jawab dan program tamat.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan maklumat yang terkumpul berkaitan kaedah hafazan Modul LIQA dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz al-quran iaitu melalui Bengkel SMART TAHFIZ, ianya dilihat sebagai satu inovasi dan motivasi yang baharu dalam dunia hafazan al-Quran dengan kelainan cara. Oleh yang demikian ianya menjadi satu tarikan untuk dilakukan kajian yang mendalam tentang kesesuaian kaedah ini untuk melihat sejauh mana penerimaan peserta dalam usaha hafazan al-Quran.

Kajian yang dilakukan difokuskan kepada peserta program di tiga buah negeri yang telah disenaraikan sebelum ini. Kajian dilakukan mengikut kaedah pengumpulan data melalui instrumen soal selidik untuk meninjau kesesuaian Modul LIQA dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz al-quran melalui Bengkel SMART TAHFIZ.

RESPONDEN KAJIAN

Responden seramai 1235 orang yang melibatkan 493 orang lelaki dan 742 orang perempuan. Masing-masing dari kalangan umur yang berbeza iaitu sekitar 10 hingga 70 tahun. Majoritinya adalah dari kalangan pelajar sekolah rendah juga menengah dan minoriti dari kalangan orang awam yang berminat menghafaz Al-Quran. Borang soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada 3 bahagian, pertama, bahagian A berkaitan latar belakang responden. Kedua bahagian B berkaitan kesesuaian Kaedah Hafazan Modul LIQA semasa program dan C soalan umum berkaitan masalah semasa menghafaz dan cadangan penambahbaikan bengkel dan Modul LIQA. Jenis soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji merupakan soalan-soalan aneka pilihan dan skala likert yang akan memberikan gambaran kepada kesesuaian kaedah Modul LIQA yang digunakan semasa program. Skala likert empat mata dengan kaedah skornya ialah Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

	Jenis	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	- Lelaki	493	39.9
	- Perempuan	742	60.1
Kategori	- Pelajar	827	66.9
	- Orang Awam	408	33.1
Tempoh menyertai program - 3 jam		18	100

Jadual 1 : Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden terdiri daripada jantina, kategori peserta sama ada pelajar atau orang awam dan faktor pemilihan program dan tempoh menyertai program. Dapatan kajian ini dapat dilihat pada jadual 1. Responden lelaki seramai 493 orang mewakili 39.9% manakala perempuan seramai 742 orang dengan peratusan 60.1%. Dari aspek kategori pula dapatan kajian menunjukkan pelajar yang terdiri daripada sekolah rendah dan menengah lebih tinggi dengan peratusan sebanyak 66.9%. Manakala aspek tempoh penyertaan program 100% responden telah mengikuti program sehingga tamat iaitu selama 3 jam yang merangkumi 2 slot hafazan.

PERSEPSI TERHADAP MODUL LIQA

Kesesuaian Modul LIQA dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz Al-Quran

Item	STS	TS	S	SS
	(%)	(%)	(%)	(%)
Saya faham semua teknik hafazan yang ditunjukkan melalui MODUL LIQA			75 (6.1%)	1160 (93.9%)
Rekabentuk buku hafazan MODUL LIQA menarik minat saya untuk menghafaz Al-Quran			87 (7%)	1148 (93%)
Saya rasa MODUL LIQA ini menjadikan saya mudah untuk menghafaz al-Quran			68 (5.5%)	1167 (94.5%)
Saya rasa bermotivasi untuk menghafaz al-Quran			59 (4.8%)	1176 (95.2%)

Saya cadangkan agar program ini diperluaskan untuk semua lapisan masyarakat	51 (4.1%)	1184 (95.9%)
Sebelum mengikuti bengkel ini saya beranggapan hafazan Al-Quran itu sukar. Persepsi ini berubah setelah mengikuti bengkel iaitu hafazan Al-Quran adalah mudah	137 (11.1%)	1098 (88.9%)
Saya rasa MODUL LIQA sesuai untuk semua peringkat umur	56 (4.5%)	1179 (95.5%)
Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan penyampaian semasa bengkel dijalankan	48 (3.9%)	1187 (96.1%)

Jadual 2: Kesesuaian Modul LIQA dalam Pelaksanaan Program Jangka Pendek Tahfiz Al-Quran

Sebagaimana yang dapat diperhatikan pada jadual yang di atas, secara keseluruhannya aspek penyampaian semasa bengkel dijalankan menggunakan kaedah hafazan Modul LIQA berada pada aras yang baik. Ini menunjukkan responden memahami kaedah hafazan menggunakan Modul LIQA serta bersedia dalam menjalani rutin harian sebagai seorang penghafal al-quran dan sekaligus memahami kehendak kaedah yang disusun dalam Modul LIQA. Dapatan juga menunjukkan bahawa persepsi dan motivasi terhadap hafazan juga berubah. Ini menunjukkan Modul LIQA adalah sesuai digunakan dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz al-quran. Kesesuaian kaedah hafazan Modul LIQA juga dapat diaplikasikan kepada pelbagai kategori dan golongan usia bermula dari peringkat rendah, menengah sehingga ke peringkat dewasa yang berkerjaya. Pelaksanaan Modul LIQA ini sesuai dan mencapai matlamat hafazan sebagaimana yang dirangka.

PENUTUP

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan bahawa responden dapat menerima Modul LIQA sebagai bahan hafazan yang baik. Selain itu juga komitmen peserta terhadap program hafazan ini amatlah baik. Ini membuktikan kaedah yang diterapkan adalah berkesan dan para responden seronok mengikuti program tersebut. Berdasarkan analisis kesesuaian Modul LIQA dalam pelaksanaan program jangka pendek tahfiz al-Quran juga menunjukkan respon berada pada skala dan peratus yang

tinggi iaitu melebihi 90%. Ini membuktikan bahawa hala tuju, visi dan misi program adalah jelas dan sekali gus menunjukkan kaedah yang diterapkan dalam program hafazan ini amat baik. Malah dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kaedah hafazan Modul LIQA yang diperkenalkan ini adalah satu kaedah yang baik dalam membantu memperkasakan hafazan al-Quran. Akhirnya sebagai cadangan, kaedah ini mungkin boleh diketengahkan dan diperkenalkan ke dalam sistem persekolahan aliran tahfiz agar ianya menjadi satu usaha yang lebih besar dalam membantu melahirkan para huffaz yang lebih cemerlang.

RUJUKAN

- Al-Qardawi, Yusuf. (2000). *Bagaimana Berinteraksi dengan Al-Qur'an*. terj Kathur Suhardi. Jakarta: Pustaka Al-Kauthar.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din bin Abd Allah. 2001. *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Mohd Hasdi Mohamed. (2019). *Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) Sebagai Medium Tuisyen Tahfiz Separuh Masa Di Negeri Pahang. Disertasi (M.Usuluddin) – Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Muḥaysin, Muḥammad Salim, (1409H/1989M). *Fi Rihab al-Qur'an al-Karim*. Juzu' .1. Beirut: Dar al-Jil. 1
- Norhanan Binti Abdul Rahman, 2009, *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Mohamad bin Abd. Aziz, 1997, Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Jurnal Darul Quran*, Bil. Ketiga.

PELAKSANAAN *STUDENT LEARNING TIME* (SLT) BAGI SUBJEK HIFZ AL-QURAN: SATU PEMERHATIAN DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

**Syafawati Binti Salihan
Muhammad Hafizan Bin Abd Hamid
Siti Salma Binti Mohamad Shokri**

Universiti Tenaga Nasional

Mohamad Marzuqi Bin Abdul Rahim

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Student Learning Time (SLT) ialah masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pembelajaran, yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ia merangkumi masa pelaksanaan semua aktiviti pembelajaran iaitu pembelajaran formal dan tidak formal. Malaysian Qualifications Framework (MQF) mentakrifkan bahawa 1 jam kredit bersamaan 40 jam SLT. Ia merupakan usaha nominal pelajar untuk mencapai kesemua hasil pembelajaran yang sepatutnya dalam satu semester (14 minggu). Walaubagaimanapun, bagi subjek Hifz al-Quran, terdapat sedikit pengolahan yang perlu dibuat memandangkan keunikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Tahfiz. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode kajian kes dengan mengkaji dan melihat pelaksanaan SLT dalam PnP Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Dapatan menunjukkan, pembelajaran Tahfiz memerlukan 3 jam pertemuan sehari bersamaan 15 jam pertemuan seminggu bagi memastikan PnP dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan bilangan pelajar adalah tidak melebihi 12 orang. Kajian ini diharap dapat membantu PPT dalam memastikan PnP Tahfiz yang dijalankan berada di tahap baik dan berjaya.

Kata Kunci: *student learning time, tasmik, murajaah*

PENDAHULUAN

Kerajaan telah menggabungkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi (BJK, KPT) bagi menjadi sebuah entiti baru yang bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti pengajian tinggi negara bagi sektor awam dan swasta. Entiti berkenaan yang dinamakan sebagai Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah ditubuhkan pada 1 November 2007 ekoran penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 dan secara rasminya dilancarkan oleh YB Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi pada 2 November 2007. Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

Sebuah kurikulum akademik yang baru dibina mestilah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak MQA. Kesemua IPTA/S diberi panduan lengkap bagi menjamin kualiti sesebuah kurikulum. Penilaian jaminan kualiti dikendalikan oleh MQA berpandukan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*), Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Institutional Audit, COPIA*), Standard Disiplin Program dan Garis Panduan Amalan Baik (Kod Amalan Akreditasi Program, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan program tahfiz di UNITEN. Limitasi kajian hanya memfokuskan pelaksanaan SLT di dalam kelas iaitu pertemuan secara bersemuka.

APA ITU *STUDENT LEARNING TIME (SLT)*?

Pengurusan masa merupakan perkara asas dalam kehidupan seharian lebih-lebih lagi sebagai seorang mahasiswa di IPTA/S (Wan Zah et. al. 2008, Hamizatun dan Norzaini 2013). Pengurusan masa yang

efektif memerlukan disiplin yang tinggi bagi memastikan kehidupan menjadi semakin hari semakin baik. Mahasiswa yang cemerlang ialah mahasiswa yang dapat mengurus masa dengan cara menentukan matlamat serta mengenal pasti dan menyenaraikan keutamaan tentang perkara penting yang perlu dilaksanakan dahulu (Nadhirah dan Noraini, 2014). Allah SWT menegaskan di dalam al-Quran, tentang betapa tinggi dan mahalnyanya nilai waktu itu sendiri khususnya kepada kehidupan manusia untuk berjaya di dunia dan akhirat seperti yang di rakamkan di dalam Surah al-‘Asr, ayat 1-3, Surah al-Lail, ayat 1-2, Surah al-Fajr, ayat 1-2.


Begitu juga dalam sesebuah kurikulum, terdapat perkiraan beban jam pembelajaran pelajar atau disebut sebagai *student learning time* (SLT). SLT mengambil kira semua aktiviti pembelajaran dan bukannya berasaskan kepada jam pertemuan antara pensyarah dan pelajar di dalam bilik kuliah semata-mata. SLT terdiri daripada Jam Pertemuan Bersemuka (*Face-to-Face*), Jam Pertemuan Tidak Bersemuka (*Non-Face-to-Face*), Jam Pembelajaran Kendiri (*Self Study*) dan Jam Penilaian Formal (*Assessment*). SLT atau jam kredit bagi sesuatu subjek sangat mempengaruhi sesebuah kurikulum yang dibina. Ia tidak sekadar menjadikan kurikulum tersebut kemas di atas kertas, malah ia sangat efisien apabila dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Terdapat beberapa kepentingan dan kebaikan SLT dalam sesebuah PdP. Antaranya ialah, menambah baik nilai kualiti akademik dan kurikulum, membentuk sistem pengurusan masa belajar yang beretika dan berdisiplin, meningkatkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*long life learning*), peningkatan autonomi pemberi pengajian tinggi (PPT) mereka bentuk dan merancang aktiviti PdP tanpa terikat kepada jam kontak yang berasaskan jumlah minggu pembelajaran dalam sesuatu semester serta memastikan beban pelajar diagihkan secara sama rata dalam satu kalendar akademik.

MQF mentakrifkan bahawa 1 jam kredit bersamaan 40 jam SLT (melalui pendekatan PdP berpusatkan pelajar). Ia merupakan usaha nominal pelajar untuk mencapai kesemua hasil pembelajaran yang sepatutnya dalam satu semester (14 minggu). Secara ideal, untuk tempoh belajar selama 40 jam seminggu, pelajar perlu mengambil 14 jam kredit dalam satu semester (14 minggu). Oleh itu, 1 minggu (40 jam SLT) bersamaan dengan 1 jam kredit. Konsep SLT diperoleh dengan

mengambil kira keperluan asas manusia untuk mengekalkan gaya hidup sihat. Secara amnya, selain bekerja dan belajar sepanjang hari, seseorang itu memerlukan masa untuk berehat, melakukan aktiviti fizikal dan terlibat secara sosial dalam komuniti. Selepas pengiraan teliti, masa maksimum yang tinggal untuk kerja dan pembangunan diri untuk orang biasa adalah kira-kira 55 jam seminggu.

Oleh itu, adalah munasabah untuk mempertimbangkan pada peringkat ini bahawa masa berkesan yang ada atau SLT setiap minggu sepatutnya tidak melebihi 55 jam tetapi tidak kurang daripada, katakan, 40 jam seminggu. Berkenaan dengan pengurusan masa pelajar, 40 jam itu diambil sebagai masa efektif minimum untuk digunakan sebagai asas untuk mengira SLT yang ada. Oleh itu, masa yang berkesan tersedia untuk memupuk kecemerlangan insan berpandukan SLT. Memerhati SLT membantu seorang pelajar untuk mengawal dalam banyak aspek PdP sambil mengekalkan keseimbangan antara tuntutan belajar dan tanggungjawab lain.



Rajah 1: Model SLT (Zainai Mohamed, 2006)

PELAKSANAAN SLT DI DALAM KELAS SUBJEK HIFZ AL-QURAN

Hifz al-Quran merupakan subjek yang melibatkan hafazan al-Quran 30 juzuk yang ditawarkan di bawah program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN dan Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz (DCMT). Subjek ini dipecahkan kepada beberapa bahagian (kod subjek) mengikut semester pengajian di mana pelajar wajib menyelesaikan silibus hafazan al-Quran yang ditetapkan pada semester tersebut. Pelaksanaan kelas hafazan al-Quran di UNITEN bermula seawal jam 8.00 pagi setiap hari Isnin hingga Jumaat, dan tamat pada jam 11.00 pagi. Para pelajar akan bergerak ke kuliah akademik yang lain mengikut program yang diambil selepas tamat kelas hafazan al-Quran. Berbeza dengan IPT yang lain, kelas Hifz al-Quran di UNITEN dijalankan selama 3 jam setiap hari bagi memastikan pelajar melalui proses hafazan dan ulangan dengan baik dan berkesan. Ini kerana, jadual pelajar yang padat dengan tugas subjek akademik yang lain (selain hafazan al-Quran) sebaik tamat kelas Hifz al-Quran memerlukan kepada komitmen pelajar dan tenaga pengajar dalam tempoh 3 jam yang diperuntukkan untuk membantu mereka konsisten dengan silibus hafazan dan ulangan yang telah ditetapkan.

Kelas tasmik di UNITEN berjalan setiap hari Isnin sehingga Jumaat, di mana pelajar memperdengarkan hafazan baru setiap hari Isnin hingga Khamis manakala memberi tumpuan kepada ulangan hafazan sepenuhnya pada hari Jumaat. Proses menghafaz al-Quran setiap hari di dalam kelas dibahagikan kepada beberapa kategori. Pertama, hafazan (tasmik) baru, iaitu ayat-ayat al-Quran yang dihafaz berdasarkan silibus harian semasa yang telah ditetapkan.

PENSUJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UNITEN									
PERINCIAN SILIBUS									
HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 1 [STN7 1013]									
(Juzuk 1 - 5)									
MINGGU	HARI	TARIKH	JUZU'	SURAH	MUKASURAT				
					Tasmi'		Muraja'ah		
1	Isnin	05/09/2022	Taklimat Awal Semester 1						
	Selasa	06/09	1	Al-Baqarah	1	4			
	Rabu	07/09	1	Al-Baqarah	5	6	1	4	
	Khamis	08/09	1	Al-Baqarah	7	8	5	6	
	Jumaat	09/09	1	Al-Baqarah	9	10	7	8	
2	Isnin	12/09	1	Al-Baqarah	11	12	9	10	
	Selasa	13/09	1	Al-Baqarah	13	14	11	12	
	Rabu	14/09	1	Al-Baqarah	15	16	13	14	
	Khamis	15/09	1	Al-Baqarah	17	18	15	16	
	Jumaat	16/09	HARI MALAYSIA						
3	Isnin	19/09	1	Al-Baqarah	19	20	17	18	
	Selasa	20/09	1 & 2	Al-Baqarah	21	22	19	20	
	Rabu	21/09	2	Al-Baqarah	23	24	21	22	
	Khamis	22/09	2	Al-Baqarah	25	26	23	24	
	Jumaat	23/09	I'adah / Penulisan Tahriri						
4	Isnin	26/09	2	Al-Baqarah	27	28	25	26	
	Selasa	27/09	2	Al-Baqarah	29	30	27	28	
	Rabu	28/09	2	Al-Baqarah	31	32	29	30	
	Khamis	29/09	2	Al-Baqarah	33	34	31	32	
	Jumaat	30/09	I'adah / Penulisan Tahriri						
5	Isnin	03/10	2	Al-Baqarah	35	36	33	34	
	Selasa	04/10	2	Al-Baqarah	37	38	35	36	
	Rabu	05/10	2	Al-Baqarah	39	40	37	38	
	Khamis	06/10	2 & 3	Al-Baqarah	41	42	39	40	
	Jumaat	07/10	I'adah / Penulisan Tahriri						
6	Isnin	10/10	MAULIDUR RASUL (ganti)						
	Selasa	11/10	3	Al-Baqarah	43	44	41	42	
	Rabu	12/10	3	Al-Baqarah	45	46	43	44	
	Khamis	13/10	3	Al-Baqarah	47	48	45	46	
	Jumaat	14/10	I'adah / Penulisan Tahriri						

Rajah 2: Jadual Silibus Hafazan Pelajar Tahfiz UNITEN

Pelajar wajib memperdengarkan hafazan baru (tasmiq) setiap hari sekurang-kurangnya dua mukasurat. Pelajar tidak digalakkan untuk tasmiq lebih dari silibus (*muqarrar*) yang telah ditetapkan bagi memastikan pelajar mempunyai masa yang cukup untuk ulangan hafazan yang melibatkan dua komponen utama iaitu ulangan hafazan baru dan ulangan hafazan lama. Kedua, penulisan al-Quran (*tahriri*). Para pelajar dibekalkan dengan mushaf khas untuk penulisan al-Quran. Para pelajar diwajibkan untuk menulis mukasurat yang akan dibaca di hadapan guru pada hari tersebut sebelum memulakan sesi tasmiq. Penulisan al-Quran sangat membantu pada pelajar untuk lebih mengingati ayat-ayat yang telah dihafaz. Ketiga, ulangan hafazan (*murajaah*) baru iaitu proses ulangan hafazan oleh para pelajar bagi ayat al-Quran yang baru dihafaz pada hari sebelumnya. Selepas sesi tasmiq, pelajar akan mula mengulang hafazan bagi ayat-ayat yang telah dihafaz pada hari-hari sebelumnya bagi minggu tersebut. Sebagai contoh, selepas selesai sesi tasmiq dalam kelas pada hari Rabu, pelajar

akan mengulang hafazan baru iaitu ayat-ayat hafazan yang telah ditasmik pada hari Isnin, Selasa dan Rabu. Keempat, ulangan hafazan (*murajaah*) lama, iaitu proses ulangan ayat-ayat yang telah dihafaz pada minggu-minggu sebelumnya.

Penelitian terhadap kategori dalam proses hafazan yang dilalui oleh pelajar setiap hari menunjukkan bahawa para pelajar memerlukan masa yang mencukupi untuk membolehkan mereka mendapat hafazan yang berkualiti. Setiap satu kategori memerlukan jumlah masa yang tertentu bagi setiap seorang pelajar. Berdasarkan penelitian terhadap pelaksanaan program Huffaz Profesional UNITEN, maka pengkaji dapat meneliti garis masa yang diperlukan dan dikira sesuai bagi proses hafazan al-Quran dan ulangan hafazan.

1. Masa melancarkan hafazan baru

Seorang pelajar memerlukan 30 minit untuk melancarkan dua mukasurat hafazan baru pada hari tersebut. Tempoh masa ini adalah berdasarkan tahap kelajuan bacaan antara sederhana (*tadwir*) dan cepat (*hadir*) ketika proses melancarkan hafazan. Tempoh masa ini mengambilkira pelajar melancarkan hafazan satu mukasurat sebanyak 3 kali. Tempoh masa ini juga mengambil kira proses melancarkan hafazan yang dilakukan secara sendiri dan sesi menyemak hafazan bersama rakan sebelum sesi tasmik bersama guru. Perkara ini juga adalah mengambilkira pelajar telah selesai menghafaz mukasurat tersebut sebelum memasuki kelas pada jam 8.00 pagi. Sekiranya pelajar belum menghafaz mukasurat hafazan harian, maka pelajar perlu memperuntukkan masa tambahan sekurang-kurangnya 45 minit sehingga satu jam bagi menghafaz satu mukasurat.

2. Masa penulisan al-Quran (*tahriri*) bagi hafazan baru

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, pelajar memerlukan lebih kurang 10 minit untuk menyelesaikan penulisan satu mukasurat al-Quran pada kadar sederhana dan tanpa meletakkan baris pada ayat tersebut. Satu mukasurat al-Quran terdiri daripada 15 baris ayat al-Quran. Bagi setiap satu baris, pelajar memerlukan masa 40 saat untuk menyelesaikan penulisan. Tempoh masa ini tidak mengambilkira sekiranya berlaku kesalahan pada penulisan. Ini bermakna, pelajar memerlukan masa selama 20 minit untuk menyelesaikan penulisan bagi 2 mukasurat al-Quran.

3. Masa memperdengarkan hafazan baru (tasmik)

Pelajar memerlukan masa 2 minit dan 30 saat untuk membaca (tasmik) satu mukasurat al-Quran. Tempoh ini mengambil kira bacaan pelajar dengan tahap kelajuan bacaan yang sederhana (*tadwir*) dan menjaga tajwid bagi bacaan tersebut (sebutan huruf yang baik, panjang dan pendek yang betul, dengung yang baik serta cara berhenti dan menyambung bacaan yang betul). Ini bermakna, pelajar mengambil masa 5 minit untuk sesi tasmik 2 mukasurat di hadapan guru. Pelajar boleh mencapai masa kurang dari 5 minit untuk sesi tasmik namun berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, bacaan dalam tempoh masa ini berlaku apabila pelajar membaca dengan laju dalam keadaan tidak memberikan hak yang sepatutnya pada setiap huruf yang dibaca (tajwid).

4. Masa ulangan hafazan (*murajaah*) baru

Setelah pelajar selesai memperdengarkan hafazan kepada guru, pelajar akan kembali ke tempat duduk dan memulakan proses ulangan hafazan baru. Ulangan hafazan baru melibatkan mukasurat yang dihafaz pada hari tersebut serta hari-hari sebelumnya pada minggu tersebut. Sebagai contoh, selepas selesai sesi tasmik dalam kelas pada hari Rabu, pelajar akan mengulang hafazan baru meliputi ayat-ayat hafazan yang telah di tasmik pada hari Isnin, Selasa dan Rabu. Pelajar memerlukan masa selama 10 minit bagi setiap mukasurat ulangan baru yang merangkumi proses ulangan hafazan sekurang-kurangnya 5 kali bagi setiap mukasurat yang diulang.

5. Masa ulangan hafazan (*murajaah*) lama

Ulangan hafazan lama merangkumi ayat-ayat yang telah dihafaz pada minggu-minggu sebelumnya. Tempoh masa yang diperlukan oleh seorang pelajar bagi satu mukasurat hafazan lama adalah 2 minit, mengambilkira tahap kelajuan bacaan antara sederhana (*tadwir*) dan cepat (*hadir*). Setiap mukasurat diulang oleh pelajar sebanyak 3 kali, maka jumlah masa yang diperlukan untuk satu mukasurat ulangan lama adalah 6 minit. *Murajaah* lama ditekankan kepada pelajar setiap hari Isnin hingga Khamis (setelah selesai tasmik baru dan *murajaah* baru) dan setiap hari Jumaat. Pantauan oleh guru kepada pelajar terhadap ulangan hafazan lama dibuat mengambilkira tempoh masa yang berbaki dalam kelas setelah selesai sesi tasmik dan *murajaah* baru. Setiap pelajar digalakkan untuk membuat jadual *murajaah* hafazan lama sebagai panduan kepada diri sendiri dan sebagai usaha mendisiplinkan

diri mengulang hafazan lama. Jadual ini juga membantu guru untuk memantau ulangan hafazan setiap pelajar dengan cara menanda mukasurat yang telah selesai ulangan dan menguji hafazan pelajar pada mukasurat yang telah selesai ulangan.

Sesi ulangan hafazan lama berlangsung setiap hari Isnin sehingga Jumaat. Pada hari Isnin, pelajar akan memberikan tumpuan ulangan hafazan lama pada minggu sebelumnya (8 mukasurat) serta ulangan hafazan baru (2 mukasurat). Pada hari Selasa hingga Khamis, pelajar memberikan tumpuan kepada ulangan hafazan baru, iaitu hafazan pelajar pada hari tersebut serta hari yang sebelumnya dalam minggu tersebut. Pada hari Jumaat, pelajar memberikan tumpuan ulangan hafazan sepenuhnya yang melibatkan hafazan baru dan hafazan lama (hafazan minggu sebelumnya). Selepas selesai ulangan hafazan, guru akan menguji pelajar dengan memberikan beberapa soalan mengikut mukasurat ulangan pelajar pada hari tersebut. Sesi ujian hafazan mengambil masa 10 minit bagi seorang pelajar.

Berdasarkan kepada huraian di atas, pengkaji telah meneliti pengiraan masa dalam kelas yang diperlukan oleh seorang pelajar supaya mereka dapat melalui setiap proses hafazan dan ulangan hafazan. Jadual di bawah menunjukkan perincian pengiraan masa tersebut bagi tempoh seminggu untuk seorang pelajar:

Hari	Jumlah M/S Tasmik	Masa Murajaah Baru	Masa Tahriri	Masa Tasmik	Jumlah M/S Ulangan	Masa Murajaah Lama	Ujian Murajaah	Jumlah Masa
Isnin	2 m/s	30 minit	20 minit	5 minit	2 m/s + 8 m/s	60 minit	10 minit	2 jam 05 minit
Selasa	2 m/s	30 minit	20 minit	5 minit	4 m/s	24 minit	10 minit	1 jam 29 minit
Rabu	2 m/s	30 minit	20 minit	5 minit	6 m/s	36 minit	10 minit	1 jam 41 minit
Khamis	2 m/s	30 minit	20 minit	5 minit	8 m/s	48 minit	10 minit	1 jam 53 minit
Jumaat					8 m/s +	96 minit	10 minit	1 jam

					8 m/s			46 minit
--	--	--	--	--	-------	--	--	-------------

*M/S: mukasurat

Jadual 1: Tempoh Masa Hafazan Bagi Seorang Pelajar

Jadual pengiraan tempoh masa hafazan dalam tempoh seminggu seperti di atas menunjukkan bahawa seorang pelajar memerlukan sekurang-kurangnya 2 jam 05 minit untuk memastikan pelajar selesai semua tugas dari sudut melancarkan hafazan, menulis *tahriri*, tasmik hafazan di hadapan guru, serta *murajaah* hafazan baru dan lama. Tempoh masa ini tidak mengambilkira pergerakan pelajar di dalam kelas, masa rehat yang di ambil oleh pelajar setelah selesai bacaan atau ulangan satu-satu mukasurat serta ulangan melebihi kadar yang dinyatakan oleh pengkaji. Secara keseluruhan, pengkaji mendapati pelajar memerlukan masa 2 jam 30 minit dalam kelas Hifz al-Quran.

Berdasarkan pengiraan yang dinyatakan, pengkaji telah meneliti tempoh masa seorang pelajar berhadapan dengan guru bagi sesi tasmik dan ujian *murajaah* bagi menentukan saiz kelas yang bersesuaian untuk melaksanakan sesi hafazan al-Quran. Seorang pelajar memerlukan masa 5 minit untuk sesi tasmik dan 10 minit bagi sesi ujian *murajaah*. Ini bermaksud, tempoh masa seorang pelajar berhadapan dengan guru dalam kelas hafazan adalah 15 minit.

Jumlah Pelajar	Masa Berhadapan Dengan Guru
1 orang	15 minit
4 orang	60 minit (1 jam)
8 orang	120 minit (2 jam)
12 orang	180 minit (3 jam)

Jadual 3: Pengiraan Jumlah Pelajar Dalam Satu Kelas

Jadual dia atas menunjukkan pengiraan jumlah pelajar dalam satu kelas Hifz al-Quran. Berdasarkan jadual ini:

- i. Bagi kelas Hifz al-Quran yang dilaksanakan selama 2 jam, jumlah pelajar yang bersesuaian adalah 8 orang. Sekiranya jumlah pelajar adalah lebih dari 8 orang, maka guru perlu menyusun semula proses-proses yang perlu dilalui oleh pelajar dalam kelas. Ini membawa kemungkinan terdapat proses yang terpaksa dikurangkan seperti penulisan *tahriri* dibuat sebelum kelas, atau mengurangkan mukasurat bagi ulangan hafazan baru atau lama.
- ii. Bagi kelas Hifz al-Quran yang dilaksanakan selama 3 jam, jumlah pelajar yang bersesuaian adalah 12 orang. Program Tahfiz UNITEN memperuntukkan 3 jam bagi kelas Hifz al-Quran dengan pantauan guru terhadap proses-proses hafazan yang dilalui oleh pelajar.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dapat disimpulkan bahawa melalui SLT subjek Hifz al-Quran, pelajar tahfiz perlu meluangkan masa untuk masa sendiri, bagi mendapatkan modal hafazan sebelum masuk ke kelas dan masa di dalam kelas dalam tempoh yang lama dan pembahagian kelas serta SLT subjek Hifz al-Quran ini tidak boleh disamakan dengan subjek-subjek selain daripada subjek Hifz al-Quran. Dalam usaha untuk melahirkan huffaz yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik dan hafazan, usaha untuk menekankan serta meluangkan waktu untuk pengisian fiqh ayat juga diperlukan bagi memastikan pelajar tahfiz dapat memahami ayat yang dihafal dan beramal dengannya. Oleh itu, tempoh 3 jam perjalanan kelas tahfiz ini wajar diteruskan dan pihak pengurusan institusi pengajian tinggi turut perlu memberi kerjasama dalam melahirkan huffaz memiliki kualiti hafazan dan akhlak yang dapat dicontohi masyarakat setempat serta bermanfaat kepada pembangunan ummah. Dapatan kajian ini seharusnya menjadi titik tolak kepada pihak pengurusan institusi pengajian tinggi agar dapat mengenal pasti dan menyelaraskan SLT pembelajaran tahfiz yang lebih efektif dalam kalangan pelajar tahfiz mereka.

RUJUKAN

- Hamizatun dan Norzaini. 2013. *Perkaitan Antara Pengurusan Masa dan Stress Dalam Kalangan Pelajar Siswazah di IPTA*. UKM. Vol.5 No 1. Hlm. 34-49.
- Kod Amalan Akreditasi Program. 2010. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Selangor.
- Nadhirah Aznan dan Noraini Shamsuddin. 2014. Persepsi Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Terhadap Amalan Pengurusan Masa. E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), 26-27 May 2014
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya, Ramlah, Rosini, Rohani, Sharifah, Kamariah dan Habsah. 2008. Kemahiran Pengurusan Masa Pelajar Universiti Tempatan: Status Dan Hubungannya Dengan Pencapaian. *Jurnal Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia*. Hlm. 49-64.
- Zainai B Mohamed. 2006. *Managing Student Learning Time for Effective Learning*. National Conference on Technical Education 2006 – Enhancing Human Capital Development Through Quality Technical Education. 27-29 August 2006, Penang

FAKTOR KECICIRAN PELAJAR TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

Muhammad Hafizan Abd Hamid

Universiti Tenaga Nasional

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Setiap pelajar yang mengikuti aliran pendidikan tahfiz ingin menamatkan hafazan dan pengajian dengan jayanya. Walaubagaimana pun, tidak semua pelajar dapat menamatkan pengajian atas beberapa faktor sama ada faktor pelajar atau faktor lain. Kajian ini memfokuskan kepada faktor pelajar dan perbincangan dibahagikan kepada faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merupakan faktor yang boleh dikawal oleh pelajar itu sendiri manakala faktor luaran ialah faktor sekeliling yang mampu mempengaruhi sikap dan keputusan pelajar. Faktor dalaman seperti niat dan matlamat yang jelas, komitmen dan disiplin yang tinggi serta pengurusan masa yang berkesan merupakan faktor penting individu pelajar untuk terus kekal serta mengelakkan seseorang pelajar daripada tercicir dalam proses pembelajaran hafazan al-Quran manakala faktor luaran seperti ibu bapa, pengurusan dan pentadbiran serta persekitaran yang baik dapat memberi motivasi dan semangat tambahan kepada para pelajar dalam meneruskan pembelajaran di samping minat yang mendalam terhadap pendidikan tahfiz. Kajian ini diharap dapat membantu PPT dalam memastikan pelajar tahfiz dapat menamatkan pengajian dan hafazan dengan cemerlang.

Kata Kunci: *Keciciran pelajar tahfiz, Pendidikan tahfiz*

PENDAHULUAN

Al-Quran ialah mukjizat agung yang diturunkan dalam bahasa Arab, terdiri daripada 114 surah. Ia merupakan kitab perundangan Islam dan sumber rujukan segala ilmu pengetahuan. Kalam Allah ini menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan tamadun manusia yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Allah menjadikan al-Quran sebagai penghibur hati bagi pembaca al-Quran, malah tiada perasaan jemu apabila mengulang-ulang membacanya (al-Nawawi, 2005).

Allah SWT menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai hamba-hambaNya yang terpilih. Hal ini dinyatakan menerusi firman Allah SWT:

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾ ثُمَّ أَوْرَثْنَا
الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۗ فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بإِذْنِ اللَّهِ ۗ
ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

“Dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu iaitu al-Kitab (al-Quran) itulah yang benar, dengan membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Mengetahui lagi Maha Melihat (keadaan) hamba-hambaNya. Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar”.

[Surah Fatir : 31-32]

Kemuliaan penghafaz al-Quran di sisi Allah SWT datang dengan tanggungjawab yang besar iaitu memastikan al-Quran sentiasa terpahat dalam hati tanpa mudah lupa.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAHFIZ

Perkembangan institusi tahfiz di Malaysia semakin pesat dari semasa ke semasa serta mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Penubuhan institusi tahfiz sama ada persendirian atau swasta juga di bawah kelolaan kerajaan negeri dan pusat menunjukkan peningkatan

serta wujud usaha positif untuk memartabatkan program pengajian tahfiz di Malaysia dengan pelbagai penambahbaikan sistem pengajian (Solahuddin Ismail, 2018). Perkembangan pendidikan tahfiz ini sering dengan pendidikan formal lain di alaf baharu.

Bermula dengan pengajian tidak formal seperti pondok dan madrasah, kini pendidikan tahfiz sudah mendapat perhatian pihak berwajib. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyusun dan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan. Pada tahun 2014, terdapat 3 buah sekolah rintis Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah ditubuhkan iaitu Sekolah Menengah Agama Kuala Kerian, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Rawang. Pendidikan tahfiz semakin berkembang dan kini sekolah KPM yang melaksanakan pendidikan tahfiz sebanyak 32 buah sekolah, bilangan murid seramai 12,689 orang dan bilangan guru seramai 1,097 orang (Muhammad Hafiz Salleh, 2021).

Perkembangan pendidikan tahfiz ini tidak terhenti di peringkat sekolah sahaja, ia terus berkembang dengan pesat sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Bermula dengan peringkat persijilan dan diploma, kini ia telah meningkat sehingga peringkat ijazah. Tidak sekadar pendidikan tahfiz secara bersendirian, pendidikan tahfiz kini telah berkembang merentasi disiplin ilmunya seperti penggabungan dengan bidang sains dan teknologi dan pendidikan teknikal dan vokasional (Md Nawi et al., 2014; Muhammad Zulazizi et al., 2021).

FAKTOR KECICIRAN PELAJAR TAHFIZ

Keciciran dalam sistem pendidikan bermaksud seseorang yang tidak dapat meneruskan persekolahan atau pengajian sama ada di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi (Zakiyah, 2012). Fenomena kecaciran dalam sistem pendidikan ini telah menjadi perbincangan serius sejak tahun 1960 lagi. Hasilnya, ia telah dibawa kepada pembentangan Laporan Murad 1972. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami kecaciran (Murad, 1973). Bagi sistem pendidikan tahfiz, kecaciran pelajar tahfiz boleh diklasifikasikan sebagai pelajar yang tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran dengan sempurna (Norlizah et. al, 2015; Mohd Jamalil, 2017;

Mardhiah, 2017; Muhammad Hafiz et. al. 2018). Oleh itu fenomena keciciran perlu dipandang serius oleh semua pihak yang berkepentingan dalam pendidikan.

Pencapaian pelajar dalam pembelajaran hafazan al-Quran masih kurang memuaskan di mana hampir 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut tempoh yang telah ditetapkan (Misnan dan Ahmad Sadadi, 2003). Menurut Mardhiah (2017) dalam kajiannya di tiga buah sekolah Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab mendapati hanya 307 orang murid daripada jumlah 509 orang murid yang berjaya mengkhataamkan hafazan mereka. Manakala menurut Intan Zakiah (2018) dalam kajiannya mendapati, tidak semua pelajar tahfiz akan dapat menghabiskan hafazan 30 juzuk al-Quran mengikut waktu yang telah ditetapkan di Darul Quran. Indikator keciciran hafazan seperti yang dilaporkan amat membimbangkan kerana matlamat institusi pendidikan tahfiz ialah pelajar dapat menghafaz secara sempurna keseluruhan 30 juzuk al-Quran.

Proses pendidikan tidak lari daripada sistem pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan mengenai sistem pengajaran kebiasaannya berpusat kepada guru manakala perbincangan mengenai sistem pembelajaran berpusat kepada pelajar itu sendiri. Justeru, perbincangan faktor keciciran pelajar ini lebih berpusat kepada pelajar dan boleh dibahagikan kepada faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merupakan faktor yang boleh dikawal oleh pelajar itu sendiri manakala faktor luaran ialah faktor sekeliling yang mampu mempengaruhi sikap dan keputusan pelajar (Muhammad Hafizan, 2019)

Faktor Dalaman

Faktor dalaman ialah faktor yang merujuk kepada intuisi dalaman bagi setiap individu (Intan Zakiah dan Munif Zarirruddin, 2016). Faktor ini lebih mudah difahami dengan erti kata persediaan mental bagi seseorang pelajar sebelum melakukan sesuatu aktiviti atau tugas. Thorndike (1914) menyatakan dalam hukum kesediaan iaitu keadaan psikologi yang positif seseorang pelajar menjadi syarat dalam penerimaan sesuatu pembelajaran.

Niat dan Matlamat

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ: ”إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصَيِّبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ“

Daripada Amirul Mu'minin Abu Hafs, Umar bin Al-Khattab, katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Bahawasanya segala amalan itu adalah dimulai dengan niat, dan setiap orang mendapat (pahala) berdasarkan apa yang dia niatkan. Sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu adalah bagi Allah dan RasulNya. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang dia ingin memperolehnya atau kerana seorang perempuan yang dia ingin menikahinya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang dia niatkan”.

[Hadis Riwayat Muslim: 1907]

Niat dan matlamat yang jelas merupakan hasil daripada minat yang tinggi. Ia merupakan kesedaran dan kecenderungan seseorang individu itu sendiri. Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2000) menjelaskan, orang yang membaca dan menghafaz al-Quran seharusnya ikhlas dan memasak niat yang betul serta tujuan yang jelas ketika mempelajarinya. Imam al-Qurtubi (2004) juga menyebut dalam *muqaddimah* tafsir beliau iaitu Tafsir al-Qurtubi berkenaan amaran dan peringatan kepada penghafaz al-Quran dan pencari ilmu yang melakukannya kerana *riya'* atau sebab-sebab selain Allah SWT (Syafawati et.al, 2020). Perkara ini disokong kuat oleh dapatan kajian Muhammad Hafizan (2019), Yusri dan Muhammad Toriq (2016) dan Mohamad Marzuqi (2016) yang menyatakan faktor minat merupakan faktor paling tinggi mempengaruhi pencapaian pelajar. Oleh itu niat yang ikhlas dan serta minat yang mendalam terhadap al-Quran merupakan faktor pertama yang menentukan kelangsungan pembelajaran seseorang pelajar.

Komitmen dan Disiplin

﴿٧﴾ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ

Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain.

[Surah al-Syarh:7]

Kesungguhan merupakan kunci kepada sesebuah kejayaan samada dalam ibadah khusus, mahupun ibadah umum. Unikunya pembelajaran tahfiz, ia lebih tertumpu kepada kesungguhan dan komitmen pelajar itu sendiri. Para pelajar perlu memperdengarkan hafazan mereka di hadapan guru berbanding proses pembelajaran bagi subjek yang lain di mana pengajaran guru adalah lebih utama. Hal ini kerana, jika para guru melaksanakan kelas dari pagi hingga malam sekalipun, sekiranya pelajar tidak memperdengarkan hafazan, maka proses pembelajaran tahfiz menjadi tidak sempurna dan berkesan. Justeru, komitmen dan disiplin yang tinggi daripada para pelajar diperlukan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan sebaiknya. (Zainora dan Muhammad Arif, 2021; Syafawati et.al, 2020; Muhammad Hafizan et.al, 2020; dan Siti Nurjanah et.al, 2020). Kenyataan ini disokong kuat oleh Muhammad Faizal et.al (2014) iaitu disiplin turut dianggap sebagai suatu kaedah membangunkan peribadi diri seseorang untuk melahirkan sebuah persekitaran yang selesa. Hasilnya, sesuatu perkara itu dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Jelaslah bahawa komitmen dan disiplin diri pelajar tahfiz akan mempengaruhi pembelajaran mereka.

Pengurusan Masa

Firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

[Surah al-Asr: 1-3]

Allah SWT telah bersumpah dengan masa. Peringatan daripada Allah ini walaupun ringkas tetapi mempunyai maksud yang penuh tersirat. Ini kerana setiap manusia diperuntukkan dengan jumlah masa yang sama dalam sehari, maka beruntunglah bagi orang-orang yang dikurniakan keberkatan masa kepadanya. Cabaran terbesar yang dihadapi oleh semua pelajar tahfiz ialah pengurusan masa yang berkesan (Zainora dan Muhammad Arif, 2021). Punca pelajar tidak dapat menamatkan silibus hafazan adalah kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengurus masa dengan baik Mardhiyah (2017). Noor Hisham et.al (2014) menyatakan bahawa, program intergrasi akademik dan tahfiz yang dijalankan secara serentak dalam satu sesi pembelajaran mengakibatkan waktu pembelajaran menjadi terlalu padat. Dapatan kajian Muhammad Hafizan et. al (2021) menunjukkan bahawa para pelajar masih berada pada tahap sederhana dalam aspek mengurus masa. Pengurusan masa yang berkesan adalah sangat penting bagi menjadikan pelajar seorang yang melibatkan diri dengan kurikulum akademik dan tahfiz secara seimbang.

Faktor Luaran

Faktor luaran ialah faktor sekeliling yang mampu memberi kesan kepada para pelajar. Faktor ini juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelajar dalam pengajian tahfiz. Antara faktor luaran tersebut ialah faktor sokongan pentadbiran dan pengurusan sekolah atau institusi, faktor keluarga dan ibu bapa dan faktor persekitaran.

Ibu Bapa

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهُ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Wahai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu. Penjaganya adalah malaikat-malaikat yang kasar dan keras. Mereka tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepadanya dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

[Surah al-Tahrim: 6]

Allah SWT mengajar dalam ayat ini bahawa setiap orang mempunyai tanggungjawab kepada orang lain. Kita tidak hanya bertanggungjawab ke atas diri kita sahaja, tetapi kita bertanggungjawab ke atas keluarga yang berada dalam jagaan kita. Sebagai Ibu bapa, mereka bertanggungjawab menyelamatkan ahli keluarga daripada azab api neraka akibat kelalaian mentaati perintah Allah SWT. Dalam pendidikan Ibu bapa merupakan faktor luaran terpenting dalam mempengaruhi kejayaan dan keciciran seseorang pelajar kerana ahli keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan pelajar (Muhammad Hafizan, 2019). Ibu bapa dan keluarga adalah pihak pertama yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak (al-Qabisi, 1955). Perkara ini disokong oleh Robiah (1998) yang menyatakan bahawa ibu bapa perlu menyokong usaha yang dilakukan oleh sekolah atau institusi kerana sokongan mereka ini akan membantu keberhasilan proses pembelajaran di sekolah. Zulkifli et.al (2018), Mohamad Johdi et.al (2012) dan Meer Zhar Farouk et.al (2006) turut menegaskan bahawa ibu bapa dan keluarga merupakan faktor penting dalam kecemerlangan seseorang pelajar dalam pencapaian akademik. Oleh itu peranan ibu bapa amat penting dan berpengaruh untuk memastikan anak-anak terus bermotivasi dalam meneruskan pembelajaran khususnya dalam pengajian tahfiz al-Quran.

Pengurusan dan Pentadbiran

Firman Allah SWT:

﴿٢٦﴾ قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah (Shuaib) ambillah dia (Musa) bekerja, Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi dipercayai”.

[Surah al-Qasas: 26]

Terdapat dua sifat dan akhlak baik yang dirakamkan Allah dalam ayat di atas. Sifat tersebut ialah *al-Qawiy* dan *al-Amin*. *Al-Qawiy* bermaksud kekuatan, keupayaan, kemahiran dan segala yang diperlukan untuk sesuatu tugas itu dilakukan mengikut spesifikasinya atau lebih sinonim dengan sebutan nilai kompetensi. *Al-amin* pula merujuk kepada sifat amanah bertanggungjawab dan segala kualiti akhlak seseorang yang mudah untuk difahami sebagai nilai integriti. Dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran, kelayakan tertinggi adalah pada seseorang yang memiliki nilai integriti

dan kompetensi yang sama tinggi (Hasrizal, 2014). Pengurusan dan pentadbiran akan memastikan sistem yang dirancang dalam sesebuah institusi mencapai kejayaan yang diharapkan. Keberjayaan sesebuah organisasi mestilah bermula dengan pengurusan yang terbaik (Alimuddin, 2006). Ini kerana pentadbir akan memastikan perjalanan pembelajaran bermula dari sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara perlu disediakan dan segala masalah perlu diselesaikan. Selain pentadbiran yang cemerlang, pengurusan mestilah menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz berjalan dengan baik (Mohd Jamalil et.al, 2017). Sebagai contoh Muhammad Hafizan (2019) menyatakan bahawa program bersepadu tahfiz dan akademik seperti kejuruteraan, sains komputer, teknologi maklumat, perakaunan dan pengurusan pentadbiran mampu terus kekal pada tahap yang baik di UNITEN adalah kerana program ini diruskan dan dipantau oleh satu jawatankuasa khas diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Akademik. Maka aspek pengurusan dan pentadbiran merupakan faktor luaran yang tidak kurang penting dalam memastikan setiap individu pelajar tidak mengalami keciciran dalam pembelajaran.

Persekitaran

Faktor persekitaran memainkan peranan dalam pembentukan peribadi pembelajaran pelajar (Mohd Hanafi, 2017). Faktor ini dilihat penting kerana ia mampu membentuk perilaku manusia mengikut keyakinannya terhadap amalan kebiasaan dan adat serta nilai-nilai akhlak dan agama (al-Nukmi, 1995). Faktor persekitaran al-Quran dalam konteks pembelajaran al-Quran merangkumi persekitaran sekolah atau institusi, pergaulan dengan rakan-rakan dan budaya kemasyarakatan (Mohd Hanafi, 2017). Firman Allah SWT:

﴿٦٧﴾ الْآخِلَاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ

Pada hari itu sahabat-sahabat karib itu sesetengahnya akan menjadi musuh kepada sesetengah yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal soleh).

[Surah al-Zukhruf: 67]

Antara cabaran terbesar bagi persekitaran yang boleh memberikan kesan kepada keciciran pelajar tahfiz ialah pemilihan kawan (Zainora dan Muhammad, 2021). Ini bertepatan dengan dapatan kajian Muhammad Hafizan (2019) yang mendapati bahawa kawan-kawan membantu pelajar menjadi

seorang pelajar yang berdisiplin mencatatkan skor min sederhana rendah. Oleh yang demikian persekitaran yang kondusif amat diperlukan bagi menyokong pembelajaran tahfiz al-Quran agar terus kekal menghadapi cabaran dunia alaf baharu.

KESIMPULAN

Pendidikan tahfiz alaf baharu merupakan antara bidang pengajian yang semakin berkembang dan mendapat sambutan di Malaysia. Kesedaran masyarakat semakin tinggi terhadap keperluan untuk menjalani kehidupan dalam kebersamaan dengan al-Quran. Proses didikan dan pengajaran dari al-Quran tidak terbatas kepada memahami isi kandungan al-Quran sahaja, malah melalui proses membaca al-Quran dengan cara yang betul serta menghafaz al-Quran dengan kaedah yang bersesuaian. Pendidikan al-Quran juga turut memberi penekanan kepada nilai positif, adab mulia serta akhlak terpuji yang membentuk peribadi seseorang. Pembelajaran menghafaz al-Quran adakalanya tidak mampu diteruskan apabila al-Quran tidak dapat disempurnakan 30 juzuk secara hafazan. Hal yang demikian dikatakan sebagai keciciran dalam pembelajaran hafazan al-Quran. Faktor dalaman dan luaran dikenalpasti sebagai penyumbang kepada fenomena ini. Faktor dalaman seperti niat dan matlamat yang jelas, komitmen dan disiplin yang tinggi serta pengurusan masa yang berkesan merupakan faktor penting individu pelajar untuk terus kekal serta mengelakkan seseorang pelajar daripada tercicir dalam proses pembelajaran hafazan al-Quran. Di samping itu juga, faktor luaran seperti ibu bapa, pengurusan dan pentadbiran serta persekitaran yang baik dapat memberi motivasi dan semangat tambahan kepada para pelajar dalam meneruskan pembelajaran. Minat serta motivasi yang tinggi serta sahsiah yang mantap telah berjaya menghasilkan hafiz dan hafizah yang mengamalkan al-Quran serta teknokrat, profesional serta usahawan yang berjaya (Mohammad Abdillah et al., 2014; Norhazriah 2012; Umi Kalthom et al., 2014). Pendidikan Tahfiz alaf baharu harus memberi fokus kepada faktor dalaman dan luaran bagi memastikan fenomena keciciran dalam pembelajaran tahfiz dapat dielakkan atau setidak-tidaknya dikurangkan.

RUJUKAN

- Alimuddin. (2006). Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum. *Jurnal Pendidikan* 27 (1), 165-178.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariyya Yahya ibn Sharaf. (2005). *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Minhaj.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2000). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran*. Pustaka al-Kautsar. Jakarta.
- Al-Qabisi, Abi Hasan cAli Muhammad Khalaf. (1955). *al-Risalah al-Mufassalah li Ahwal al-Mu'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin*. al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Hasrizal Abdul Jamil. (2014). *Konsep Ulama' dan Kepimpinannya*. <http://saifulislam.com/2014/05/konsep-ulama-dankepinannya>. 24 Januari 2022.
- Intan Zakiah Jamaluddin. (2018). *Pengaruh Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan Dan Strategi Menghafaz Al-Qur'an Terhadap Pencapaian Subjek Hifz Al-Qur'an Pelajar Tahfiz Di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Utara Malaysia.
- Intan Zakiah Jamaluddin & Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2016). Memahami kepentingan karakteristik pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek Hifz al-Quran. *Jurnal Hadhari* 8(2): 211-228.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Nor Hafizi Yusof. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 51-60.
- Md Nawi, N. H., Yusuff, N. A., Che Yaacob, M. B., & Salleh, N. H. (2014). *Matlamat Dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education Di Hotel Perdana Kota Bharu Kelantan Pada 31 Mei-2 Jun 2014.
- Muhammad Hafiz Salleh. (2021). *Mendepani Isu dan Cabaran dalam Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Madrasah-Madrasah Tahfiz*. Webinar Serantau: Kelestarian Pendidikan Tahfiz Pasca Pandemik Covid-19 (22 September 2021).
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Mohd Rashidi Omar, dan Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021) Sistem Pendidikan Tahfiz Di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa Dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal*, Vol 4(1), 132-147. Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Mardhiah Binti Yahaya. (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Sarjana. Universiti Penyelidikan Sultan Idris.
- Meer Zhar Farouk Amir Razli, Muhammad Shukri Salleh & Mohd Zahari Yusoff. (2006). *Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar cemerlang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan bagi semester Disember 2005-Mei 2006*. Anjuran Institusi Pembangunan Felo, Universiti Teknologi Malaysia. National Student Development Conference (NASDEC) 2006. Kuala Lumpur, 8-9 August.
- Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). *Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin, Caroline L. Loven, Jane Frances Henry & Moini Rubin. (2012). *Kajian terhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah*. Kertas kerja Labuan International Conference on Educational Research – LICER 2012. Financial Park Complex Wilayah Persekutuan Labuan, 5-7 Julai.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2016). Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Ayat Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz. *Technical and Social Science Journal* 5(1): 93-101.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin. (2014). Hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1-8
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 19(Julai): 55-65.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Simin Ghavifekr Husaina Banu Kenayatullah & Mokhtar Muhamad. (2014). Pengurusan Disiplin Murid di Sekolah Kawasan Bandar dan Luar Bandar: Perspektif Pemimpin Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 1: 7-40
- Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail, & Zaharah Hussin. (2018). Model Penilaian Program Tahfiz Al-Quran Di Nusantara Berdasarkan Model Penilaian Provus (Discrepancy Evaluation Model). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 1(2): 64–75.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid. (2019). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Syafawati Salihan, Siti Salma Mohamad Shokri. (2020). Pelaksanaan Kelas Hifz Al-Quran Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Universiti Tenaga

- Nasional: Satu Pemerhatian. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat*. Penerbit FPPI, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Abdul Aziz Mat Isa & Hamdi Ishak. (2021). Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Journal al-Irsyad*. Vol. 6, No. 1, (June, 2021). 596-605.
- Murad Mohd Noor. (1973). *Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perangkaan.
- Norhazriah Mohamed@Ismail. (2012). *Program Ulul Albab Sebagai Suatu Proses Transformasi Pendidikan Malaysia. Kajian Kes: Sek. Men. Imtiaz, Terengganu*. Paper Pembentangan dalam Bengkel Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V(WAPI-5), Medan. Diakses dari http://www.academia.edu/8050819/PROGRAM_ULUL_ALBAB_SUATU_PROSES_TRANSFORMASI_PENDIDIKAN_Malaysia_KAJIAN_KES_SEKOLAH_MENENGAH_IMTIAZ_TERENGGANU_1
- Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2015. Tahfiz Schools Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students. *IJAEDU- International E-Journal of Advances in Education* 1(3): 234–241.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan dan Jimaain Safar. (2020). Tahap Pencapaian Hafazan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah. *Jurnal Al-Hikmah* 12(2) : 35-52.
- Solahuddin bin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid dan Siti Salma Mohamad Shokri. (2020). Pembentukan Disiplin Pelajar Melalui Proses Pembacaan Dan Hafazan Al-Quran: Satu Pemerhatian. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat*. Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS). 84-91.
- Thorndike, L. E. (1914). *Education Psychology*. Didcot: Taylor and Francis Group.
- Umi Kalthom Abdul Manaf, Nurul Fitriah Alias, Ady Hameme Nor Azman, Fadzilah Abdul Rahman, & Hafizah Zulkifli. 2014. *Expectations of Majlis Amanah Rakyat (MARA) Stakeholders on The Ulul Albab Curriculum At A MARA Junior Science College (MRSM)*. *Advances in Language and Literary Studies*, 5(1), 12-20. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.7575/aiac.all.v.5n.1p.12>

- Yusri Chek & Muhammad Toriq Yaacob. (2016). Laporan Penyelidikan Faktor Yang Mempengaruhi Kegagalan Pelajar Dalam Peperiksaan Kursus Hifz Al-Quran: Satu Kajian di Darul Quran. Kuala Kubu Bharu.
- Zainora Daud dan Muhammad Arif Musa. (2021). Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 5 June 2021. 77-88.
- Zakiyah Jamaludin. (2012). Kemiskinan dan Keciciran dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37:6-16.
- Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor ‘Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah & Naeimah Ramlan. (2018). Trend masyarakat terhadap pendidikan tahfiz. Dlm. Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Noor Naemah Abdul Rahman, Norhayati Hamzah, Nor ‘Azzah Kamri & Nor Aini Ali (pnyt.). *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia*, hlm. 38-80. Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.

**PENDEKATAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN PENSYARAH TAHFIZ
AL-QURAN DI INSTITUT PENGAJIAAN TINGGI**

Mohd Nazir Kadir

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)

**Siti Nurjanah Mastor Mustafa
Siti Aisyah Johan**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran-cabaran dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran Hifz Al-Quran di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dalam masa yang sama, pengkaji ingin mengenal pasti teknik-teknik yang dilaksanakan oleh para pensyarah IPT semasa sesi PdP Hifz Al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metod analisis dokumen yang terdiri daripada tesis, buku, jurnal, artikel dan bahan yang berkaitan serta metod temubual. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan Hifz Al-Quran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Isu dan cabaran tersebut boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu cabaran dari sudut pelajar, cabaran dari tenaga pengajar serta cabaran dari sudut sistem pelaksanaan program tersebut. Semoga kertas kerja ini dapat menjadi panduan kepada para pembaca berkaitan cabaran-cabaran yang ada serta langkah yang diambil oleh para pensyarah dalam mendepani cabaran tersebut.

Kata kunci: *Pengajaran Dan Pembelajaran, Hifz al-Quran, Institusi Pengajian Tinggi*

PENDAHULUAN

Pendidikan tahfiz al-Quran semakin berkembang dan meluas di serata dunia. Begitu juga di negara Malaysia. Pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia terus berkembang dengan pesat bermula daripada kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga sekarang. Pendidikan al-Quran bermula dari rumah ke rumah, pondok atau madrasah secara persendirian dan swasta, seterusnya semakin meluas di sekolah-sekolah kerajaan. Kebanyakan institusi swasta tidak terlibat secara langsung dengan pendidikan moden seperti sedia ada hari ini. Manakala institusi tahfiz moden pula menggabungkan kurikulum tahfiz dengan kurikulum pendidikan semasa agar para pelajar tidak terpinggir dari arus perdana pendidikan semasa (Solahuddin Ismail, 2018). Sehingga kini, selain penawaran di peringkat sekolah menengah di bawah kelolaan KPM, penawaran di peringkat pengajian tinggi juga berlaku bagi program Diploma dan Sarjana Muda di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Universiti Melaka (UNIMEL) dan Universiti Islam Selangor (UIS).

Penubuhan pusat pengajian tahfiz bermatlamat untuk melahirkan para hafiz yang berkualiti dan terampil dalam semua bidang di samping mempunyai kecekapan terhadap ilmu al-Quran. Azmil Hashim et.al (2013) menyatakan bahawa kewujudan pusat-pusat pengajian Tahfiz di seluruh negara juga dilihat sebagai pemangkin ke arah melahirkan golongan profesional yang telah ditujukan jiwanya kepada al-Quran yang seterusnya menjadi tunjang kemakmuran Islam. Perkembangan pusat pengajian tahfiz di negeri-negeri dalam Malaysia bergerak dengan haluannya sendiri mengikut latar belakang dan pengalaman pengasas atau golongan pendidik masing-masing. Azmil Hashi et.al (2014) menyatakan keadaan ini yang menyebabkan kredibiliti akreditasi lepasan pusat pengajian Tahfiz ini akan dipersoal tahap pencapaiannya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Azmil Hashim et.al (2013) mendapati sebanyak 50.5% daripada 103 orang guru yang mengajar dalam pengajian tahfiz al-Quran di Darul Quran (DQ), Kuala Kubu Bharu mempunyai pengalaman mengajar tahfiz adalah kurang dari lima tahun dan

84.5% tidak mempunyai kelayakan iktisas perguruan. Dari kajian oleh Abd Rahman Ghani et.al (2013) pula terhadap pusat pengajian tahfiz di Selangor yang melibatkan 86 orang guru mendapati sebanyak 67.8% mempunyai pengalaman mengajar dalam tempoh satu hingga lima tahun sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa kompetensi tenaga pengajar adalah penting dalam mencorak kualiti pencapaian pelajar.

Selain itu Abu Najihat (2002) menambah bahawa guru atau tenaga pengajar yang berpengalaman penting dalam memastikan bacaan yang betul dan berperanan memperbetulkan bacaan pelajar. Ahmad Mohd Salleh (2008) juga menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa terdapat pendidikan tahfiz dijalankan secara individu dan tidak rasmi serta berdasarkan cara dan amalan guru al-Quran tersebut. Walaupun kekurangan tenaga pengajar yang berpengalaman, kepakaran sedia ada perlu ditingkatkan kecekapan dan kemahiran. Keadaan ini seterusnya memerlukan pelbagai pihak mengambil inisiatif dalam meneruskan kelangsungan pusat pengajian tahfiz di Malaysia. Usaha untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar perlu diambil cakna oleh pihak majikan ataupun pengurusan madrasah. Ini seperti yang dicadangkan oleh Abd Rahman Abd Ghani et.al (2013) agar tenaga pengajar yang sedang berkhidmat diberikan kursus bagi membincangkan mengenai semua aspek yang berkaitan dengan pembacaan al-Quran termasuklah dari segi ilmu tajwid dan pemahaman bahasa Arab.

Selain itu tidak ketinggalan juga antara aspek yang harus dititikberatkan adalah bahagian pengurusan. Melihat kepada satu hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Nazir Kadir et.al (2020) bahawa sewajarnya pihak berkuasa negeri menubuhkan satu badan khas dengan nama Tahfiz *Quality Assurance* (TQA) yang berfungsi dalam mengawal *standard* dan memberi garis panduan kepada pendidikan tahfiz itu sendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan tahfiz al-Quran berkembang begitu pesat di Malaysia disebabkan permintaan masyarakat yang terlalu tinggi, di samping kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran (Abd Rahman Abd Ghani & Hashim, 2018). Isu berkaitan institusi pengajian tahfiz di Malaysia

semakin hari menjadi topik hangat yang diperkatakan di pelbagai peringkat termasuklah dari aspek kualiti dan pencapaian, keselamatan serta keseragaman pelaksanaannya. Ini ditambah pula dengan pertambahan bilangan institusi pengajian tahfiz di Malaysia yang ditubuhkan secara persendirian atau swasta dengan menggunakan sumber kewangan sendiri. Pemantauan oleh pihak tertentu terhadap institusi pengajian tahfiz perlu diperkemas dalam memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Walaupun pelaksanaannya secara rasmi sudah memasuki tahun ke-56 di institut pengajian tinggi yang dimulakan di Darul Quran (DQ) pada tahun 1966, namun masih terdapat isu dan cabaran yang perlu diatasi dan diperbaiki. Setelah meneliti objektif dan kepentingan pelaksanaan pendidikan tahfiz di institut pengajian tinggi, masih terdapat kelompongan dan kelemahan untuk mencapai objektif tersebut. Isu dan cabaran-cabaran yang ada secara tidak langsung telah mengganggu dalam proses untuk mencapai objektif yang telah digariskan (Zulhilmi et.al, 2018). Justeru, cabaran dan permasalahan yang wujud perlu diatasi dan diperbaiki bersama bagi merealisasikan harapan negara. Cabaran tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu cabaran dari sudut sistem, cabaran dari sudut guru atau tenaga pengajar dan cabaran dari sudut pelajar.

Cabaran dari sudut sistem pelaksanaan kurikulum di sekolah adalah masa yang diperuntukkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran tidak mencukupi (Mardhiah, 2017; Jamalil et.al, 2017). Selain itu, pengagihan aktiviti yang tidak seimbang di sekolah juga menjadi cabaran kepada pelajar untuk menyusun masa dengan baik bagi mencukupkan target hafazan mereka (Mardhiah, 2017). Manakala daripada sudut tenaga pengajar, terdapat dalam kalangan guru yang masih lemah dalam penguasaan ilmu dan pdpc (Mardhiah, 2017; Jamalil, 2017; Zulhilmi et. al, 2018). Oleh itu, mereka mengajar mengikut pengalaman terdahulu dan antaranya agak membosankan kerana menggunakan cara pengajaran yang lama. Hal ini juga berpunca daripada tiada modul pengajaran tahfiz yang *standard* untuk digunapakai dalam proses pdpc.

Seterusnya, cabaran daripada sudut pelajar pula adalah terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat menghabiskan hafazan mengikut masa yang telah diperuntukkan (Mardhiah, 2017; Hafiz et. al., 2018; Jamalil, 2017; Hassan et. al., 2015). Selain itu juga (Firdaus, 2017; Hafiz, 2018) penguasaan

ilmu tajwid dari sudut teori dan amali yang kurang diberi perhatian oleh pelajar. Menurut Hafiz et. al (2018), para pelajar gagal menguasai hafazan dengan baik dan tidak dapat menulis ayat al-Quran yang mereka telah hafaz dengan baik tanpa melihat kepada mushaf. Selain itu, mereka juga lemah dalam membezakan ayat-ayat *mutashabihat al-Lafzi* yang terdapat dalam al-Quran yang menyebabkan mudah terkeliru dan tertukar ayat sekiranya terdapat perkataan-perkataan mutashabihat (Hafiz et. al., 2018), justeru salah satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menguasai ilmu nahu (Zahriah et. al, 2016). Dalam konteks menghafaz al-Quran, mereka bukan sahaja membaca al-Quran, malah berusaha untuk menyimpan al-Quran dalam ingatan mereka. Oleh itu dengan memahami ilmu nahu, mereka boleh menghafaz dengan lebih cepat kerana memahami ayat al-Quran yang dibaca dengan mudah tanpa perlu merujuk sepenuhnya terjemahan al-Quran (Zahriah et. al, 2016).

PERSOALAN KAJIAN

- 3.1 Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran?
- 3.2 Apakah cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan pengajaran & pembelajaran Hifz al-Quran?
- 3.3 Apakah teknik *murajaah* hafazan yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar?

METODOLOGI

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis dokumen. Metode analisis dokumen ini ialah satu proses mengumpulkan segala maklumat berkaitan pengajian tahfiz di institut pengajian tinggi di Malaysia. Antara bahan yang dirujuk bagi merealisasikan kajian ilmiah ini ialah tesis, jurnal, kertas kerja seminar dari persidangan, laporan dan bahan berkaitan dengan kajian. Seterusnya kesemua bahan-bahan ini disaring, ditaksir dan dianalisis menurut perspektif bidang hafazan al-Quran.

Selain itu, pengkaji mendapatkan data daripada pendekatan kaedah temu bual terhadap tiga orang pensyarah yang terlibat secara langsung dalam Hifz al-Quran di institut pengajian tinggi di

Malaysia bagi peringkat diploma. Kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang persepsi mereka terhadap cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah dalam Hifz al-Quran. Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1984), Burn (1995) dan Merriam (1998) telah digunakan untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Kategori dan sub kategori pengkodan telah dibangunkan sebaik saja pengumpulan data pertama dilakukan berdasarkan saranan Burn (1995). Seterusnya berdasarkan saranan Miles dan Huberman (1984), kategori dan sub kategori pengkodan dianalisis secara berterusan, iaitu setiap kategori diperhalusi kes demi kes sehingga kategori-kategori tertentu dapat menggambarkan keadaan yang berlaku dalam kes-kes yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian berkaitan pendekatan pengajaran dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di institut pengajian tinggi dipecahkan kepada tiga tema seperti berikut:

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran.

Cabaran pengurusan masa, suasana, bebanan tugas dan silibus hafazan. Jawapan ini berdasarkan data maklum balas dari tiga responden seperti berikut:

Responden 1

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar seperti kekangan masa, jadual padat, kelas waktu malam menyebabkan pelajar sukar untuk buat modal tasmik esok hari... Mereka terpaksa mengejar silibus hafazan setiap semester dan juga tugas assignment.

Responden 2

Cabaran terhadap pelajar adalah handphone dan media sosial... Student lemah ingatan dan tak mampu tasmik lebih dari 2 muka surat sehari.

Responden 3

Kesukaran bagi yang belum pernah menghafaz, cabaran suasana dan juga pengurusan masa. Selain itu cabaran silibus hafazan yang menyebabkan pelajar tak sempat habis tasmik.

Cabaran yang di hadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan pengajaran & pembelajaran Hifz al-Quran.

Cabaran yang dihadapi oleh pensyarah adalah kekangan masa PdP yang terhad, lokasi tempat tinggal yang jauh, wujudnya pelajar yang kurang menguasai hukum tajwid, sikap pelajar dan isu kehadiran pelajar. Jawapan ini berdasarkan data maklum balas dari tiga responden seperti berikut:

Responden 1

Pensyarah terpaksa buat kelas luar waktu kuliah seperti waktu malam kerana terdapat pelajar yang belum betul-betul lancar pada waktu pagi... Pensyarah terpaksa memperbaiki bacaan pelajar yang lemah dalam tajwid.

Responden 2

Lokasi rumah jauh... masa terhad 2 jam sahaja. Kalau rumah dekat, malam boleh fokus kepada anak murid yang lemah. Perlukan masa yang lebih untuk yang lemah... yang lemah perlukan disiplin masa dengan guru lebih dari 2 jam.

Responden 3

Bagi saya sebagai pensyarah tasmik, kehadiran pelajar mendatangkan kesan tak sempat habis tasmik, banyak miss.. tak dapat nak tasmik. Ada juga yang hadir tapi tak menghafal atau tak lancar... Tak sempat nak buat ulangan dengan pelajar kerana kekangan masa.

Teknik murajaah hafazan yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar

Teknik *murajaah* hafazan yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar adalah ulangan sendiri, *murajaah* bersama rakan dan ujian pemantapan dengan dilakukan tebuk. Jawapan ini berdasarkan data maklum balas dari tiga responden seperti berikut:

Responden 1

... sebelum pelajar memasuki juzuk yang baru dalam hafazan, pelajar perlu mengulang sendiri terlebih dahulu 1 juzuk yang telah dihafal untuk diuji atau tebuk oleh guru pada juzuk berkenaan.

Responden 2

Saya amalkan tasmik lebih 4 muka surat sehari dan setelah habis juzuk, ulang semula dan tebuk.

Responden 3

Teknik ulangan dengan rakan dan direkodkan dalam buku.. semak sebelum tasmik baru.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan tiga soalan temu bual yang diajukan kepada tiga orang responden yang terlibat secara langsung bagi Hifz al-Quran di institut pengajian tinggi di Malaysia bagi peringkat diploma. Bagi melihat dengan lebih jelas, pengkaji telah membuat satu rumusan berdasarkan hasil perbincangan yang akan dinyatakan seperti berikut:

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan pengkaji membuat satu rumusan bahawa cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran adalah berkaitan pengurusan masa. Masa merupakan amanah yang harus dipertanggungjawabkan oleh setiap manusia sama ada di penuhi dengan perkara kebaikan ataupun keburukan. Oleh kerana itu Allah SWT juga telah pun bersumpah 'demi masa' sebagaimana yang termaktub dalam surah *al- 'Asr*. Malah menurut Abdul Hafiz Abdullah dalam kajiannya terhadap mahasiswa MARSAN berkaitan cabaran dan hala tuju mendapati sebanyak 50% responden memilih cabaran dari sudut masa. Masa yang diperuntukan untuk membuat hafazan baru adalah terhad, ditambah pula mereka terlibat dengan aktiviti luar kelas dan tugas-tugas oleh pensyarah lain (2007).

Tidak dinafikan juga suasana persekitaran menjadi salah satu cabaran terhadap pelajar dalam menghafaz al-Quran. Kenyataan ini disokong oleh Abdu Hafiz Abdullah dengan hasil kajiannya mendapati sebanyak 40% menyatakan cabaran utama adalah disebabkan faktor bising ketika

menghafal al-Quran (2007). Oleh itu faktor suasana yang kondusif dapat membentuk generasi intelek yang berkualiti (Wan Khalijah, 2013).

Selain itu bebanan tugas yang diberi oleh para pensyarah juga tidak boleh dipandang mudah kerana walaupun para pelajar merupakan kursus Diploma Tahfiz, namun mereka juga mempunyai beberapa mata pelajaran yang wajib dipelajari setiap semester. Setiap mata pelajaran kebiasaannya akan diberi tugas untuk dinilai sama ada tugas secara individu mahupun berkumpulan.

Cabaran yang di hadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan pengajaran & pembelajaran Hifz al-Quran

Peranan tenaga pengajar amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas kerana amalan pengajaran tenaga pengajar yang berkesan menjadi salah satu faktor kejayaan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Cabaran yang dihadapi oleh pensyarah adalah kekangan masa PdP yang terhad iaitu selama 2 jam sahaja. Memaksimumkan masa yang terhad bagi tujuan menghantar hafazan baru dan membuat *murajaah* hafazan merupakan satu cabaran besar yang harus dihadapi oleh pensyarah Hifz al-Quran. Ditambah pula cabaran dari pihak pelajar khususnya bagi yang tidak dapat menghantar hafazan baru pada waktu kuliyyah dan isu kelemahan menguasai hukum tajwid. Masa yang lebih terpaksa diperuntukkan kepada mereka dan menyebabkan tempoh durasi bagi pelajar-pelajar lain akan tertanggu.

Bagi mengelakkan berlakunya keciciran silibus atau dibimbangi tidak sempat menghabiskan silibus hafazan, terdapat pensyarah secara sukarela membuat kelas di luar waktu kuliyyah. Oleh itu cabaran salah satu cabaran yang dihadapi oleh pensyarah adalah lokasi tempat tinggal yang jauh dari institusi pengajian. Isu masa pengajaran yang terhad sebenarnya telah pun dijadikan salah satu faktor sebagai cabaran pengajaran seperti dalam kajian Zainora Daud (2015a&b), Abdul Jalal bin Abdul Manaf (2013) dan Abd Rahman Abd Ghani et. al (2012).

Teknik *murajaah* hafazan yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar

Memandangkan masa pengajaran yang terhad, teknik *murajaah* hafazan yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar sama ada secara sendiri iaitu sama ada dengan rakan atau diri sendiri sahaja. Pensyarah pula akan melakukan tebuk bagi tujuan pemantapan dan pengukuhan hafazan. Oleh itu para pelajar seharusnya sedaya upaya berusaha untuk membuat *murajaah* hafazan dengan teknik yang bersesuaian secara konsisten sepertimana yang dinyatakan oleh Mohd Nazir Kadir et.al (2021) bangun di awal pagi, sentiasa mencari peluang dan ruang untuk mengulang hafazan walaupun sibuk dengan urusan lain, hadir awal ke kelas sebelum sesi PdP bersama guru agar tidak dibazirkan begitu sahaja sekaligus banyak manfaat yang diperolehi, mencari tempat yang sesuai agar dapat menjadikan seseorang lebih fokus dalam membuat sesuatu perkara.

PENUTUP

Bidang tahfiz merupakan salah satu bidang yang semakin diberi perhatian dan semakin meluas dalam sistem pendidikan negara kita pada masa kini. Walaupun pelaksanaannya bermula secara tidak rasmi di masjid dan madrasah, namun kini ia telah diserap masuk ke dalam sistem pendidikan secara rasmi bermula daripada peringkat rendah, pra-sekolah sehingga peringkat tinggi di institut pengajian tinggi. Justeru, bagi menjaga keistimewaan al-Quran serta kualiti hafazan al-Quran dengan sebaiknya, proses pengajaran dan pembelajaran Hifz al-Quran perlu dibaiki dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan keperluan masa kini. Hal ini amat perlu bagi mengatasi permasalahan yang berlaku serta penambahbaikan dapat dilaksanakan agar perjalanan kelas Hifz al-Quran lebih berkesan serta menepati matlamat dan objektif yang telah digariskan. Oleh yang demikian kertas kerja ini telah menghuraikan serba sedikit berkaitan isu dan permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan Hifz al-Quran dalam kalangan pelajar dan pensyarah di peringkat institusi pengajian tinggi di samping membincangkan teknik *murajaah* yang ditekankan oleh pensyarah terhadap pelajar. Semoga kajian ini dapat diteruskan dengan membincangkan isu-isu lain berkaitan pendidikan tahfiz agar bidang tahfiz ini menepati objektif pelaksanaannya.

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani & Hashim, A. (2018). Persepsi Guru Tahfiz Al-Quran Terhadap Kemudahan Infrastruktur Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor. *Jurnal Kemusiaan*, 16 (1), 1–6.
- Arniyuzie Mohd Arshad. (2015). Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 3 (4), 22-35.
- Hassan, N. C., Fakhruddin, F. M., Ayub, A. F. M., Mutalib, L. A., & Jaafar, W. M. W. (2015). Tahfiz Schools Entry Requirement And Characteristics Of Tahfiz Students. *IJAEDU-International E-Journal Of Advances In Education*, 1 (3), 234–241.
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah & Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan Dalam Pendidikan (Siri Pendidikan Guru)*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Hafiz Abdullah. (2007). Cabaran Dan Hala Tuju Huffaz: Satu Kajian Di Marsah. *Jurnal Pusat Tahfiz Al-Qur'an Singapura. Volume 1 (2007)*.
- Mohd Nazir Kadir, Mohd Hazwan Nor Hashim, Abd Khalim Kasmuri & Siti Intan Dahlia Mohammad Harun. (2020). Keperluan Badan Khas Yang Mengawal Selia Institusi Pendidikan Tahfiz Di Negeri Johor. *International Journal of Islamic Law* [Http://Aiua.Usas.Edu.My/Journal/](http://Aiua.Usas.Edu.My/Journal/) Volume 1, Issue 1 (2020).
- Mohd Nazir Kadir, Muhammad Yaslam Yauzi, Dzakiah Al Miskiah Mohamed Salleh & Wan Mohd Hazani Wan Ibrahim. (2021). Kaedah Muraja'ah Hafazan Al-Quran Yang Diaplikasi Oleh Para Pelajar Tahfiz MARSAH. *Jurnal Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) 2021, Vol 4, Bil 2, Halaman 41-50*.
- Mardhiah Binti Yahaya. (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Sarjana; UPSI.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 19 (Julai), 55–65.
- Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail, & Zaharah Hussin. (2018). Model Penilaian Program Tahfiz Al-Quran Di Nusantara Berdasarkan Model Penilaian Provus (Discrepancy Evaluation Model). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1 (2), 64–75.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. (2018). Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*. 321-329
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan KurikulumTahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah

- Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research* Vol. 1, July, 2019, 289-316
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Ammar Farhan Ramlan, Fatin Nazmin Mansor & Mohamad Fadhli Shah. (2021). Kaedah Pengajaran Qiraat Amali Atas Talian Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Malaysia. *Proceeding Of 8 Th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021) e-ISSN: 2710-6772*, 203-210
- Rohaizan Baru, Zulkifli A. Manaf, Abdul Hakim Abdullah & Syed Mohamad Azmi Syed Ab. Rahman. (2014). Showcasing Educational System Using the Philosophy of Ulul Albab. *Swiss Journal of Research in Business and Social Science*, 1 (1),1-10.
- Salmiah Othman & Siti Eshah Mokshein. (2016). *Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab*. Kertas kerja dibentangkan pada Prosiding Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok & Normaliza Abd Rahim. (2016). Kepentingan Nahu Arab Dalam Menghafaz Al-Quran. *Gema Online Journal Of Language Studies*, 16 (2), 95–110.
- Wan Khalijah Binti Wan Jusoh, Ahmad Bin Hj. Abdul Rahman, Wan Nasruddin Bin Wan Abdullah & Nur Hanisah Binti Mohammad Nor Affandi. (2013). Kaedah Menghafaz Al-Quran Yang Diaplikasi Oleh Para Pelajar Darul Quran, JAKIM. *Jurnal KIAS. Vol. 8 No. 1 (2013)*.
- Abd Rahman Abd Ghani, Zainora et. al, Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam Jurnal Pengajian Islam, Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Akademi Islam KUIS.2012.
- Zainora Daud. (2015a). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia. Tesis PhD. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Zainora Daud & Mustaffa Abdullah. (2015b). Keberkesanan Kurikulum Qiraat Di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal. *E-Journal Of Arabic Studies & Islamic Civilization E-ISSN: 2289-6759 Volume 2 – 2015*.

DAYA TAHAN PELAJAR SAINS PERUBATAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN: KAJIAN DI UNIVERSITY CYBERJAYA (UOC)

Nor Sazwana Sumairi¹⁹
Raudhah Nurdin Muhammad²⁰
Nurul Amilin Wajihah Mohammad Shamsudin²¹

University of Cyberjaya (UoC)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji daya tahan pelajar sains perubatan dalam pelaksanaan Program Profesional Tahfiz Al-Quran JAKIM-UOC. Responden kajian terdiri dari 48 orang pelajar yang terpilih dalam program Pensijilan Tahfiz Darul Quran dan Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC. Antara aspek daya tahan meliputi keyakinan diri, kemampuan diri dan kawalan diri dari sudut fizikal dan emosi. Tidak dinafikan program perubatan antara program terulung di mana hanya pelajar yang memperoleh keputusan terbaik sahaja mampu untuk bergelar pelajar perubatan dan seterusnya bergelar doktor perubatan. Oleh hal yang demikian, UOC antara institusi perintis yang menjalin kerjasama dalam menjalankan Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC sebagai nilai tambah bagi pelajar perubatan yang terpilih. Sepanjang 6 tahun program ini dijalankan, kajian yang mengaitkan hafazan al Quran dengan daya tahan pelajar masih terhad terutama dalam konteks pelajar perubatan. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara program profesional dan daya tahan mereka dalam mengekalkan momentum hafazan al-Quran bagi kelangsungan pelaksanaan program ini. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan keberkesanan program bagi kedua-dua responden bagi kedua-dua program pensijilan tahfiz di UOC. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 40 responden terdiri daripada pelajarambilan 2019 hingga 2022. Data analisis menggunakan simple diskriptif statistik. Hasil kajian mendapati tahap daya tahan pelajar perubatan terhadap program tahfiz adalah sederhana. Tahap kesedaran dalam mengenalpasti tahap kepentingan dalam kawalan diri juga sederhana. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai minat yang tinggi terhadap program tahfiz sekaligus memberi kesimpulan bahawa daya tahan pelajar perubatan amatlah penting dalam memacu Program Profesional Tahfiz di UOC.

Kata Kunci : *Tahfiz, Daya Tahan, keyakinan diri, kemampuan diri, kawalan diri.*

¹⁹ Pegawai, Pejabat Registrar, University of Cyberjaya.

²⁰ Pensyarah Unit Tahfiz, Centre for Language and Foundation Studies, University of Cyberjaya.

²¹ Pensyarah Unit Tahfiz, Centre for Language and Foundation Studies, University of Cyberjaya.

PENDAHULUAN

Pelaksanaan Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC adalah program kerjasama di antara *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)*, (kini dikenali sebagai *University of Cyberjaya (UOC)*) dan Darul Quran, JAKIM. UOC merupakan institut pengajian tinggi ketiga yang bekerjasama dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM. Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2014. Perjanjian Persefahaman (MoU) Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-CUCMS telah dimeterai pada 8 Julai 2013, antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia melalui Darul Quran dan *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)* bagi melaksanakan Program Pendidikan Tinggi Tahfiz al-Quran. Program ini dijenamakan kepada Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC setelah MoU Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-CUCMS diperbaharui pada 8 Oktober 2018. Program ini dijalankan serentak dengan pengajian dalam bidang profesional khususnya bagi pelajar bidang perubatan dan program tahfiz.

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC ini mula mendapat perhatian masyarakat dan para pelajar. Permintaan ibu bapa juga antara faktor penyumbang kepada kelangsungan pelaksanaan program ini. Hal ini selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sebagai dokumen rujukan dan garis panduan bagi pendidikan tahfiz untuk lebih berdaya saing dan membentuk generasi al-Quran yang dinamik. Apa yang menarik minat ibu bapa dan para pelajar untuk terlibat dalam program ini adalah tentunya matlamat untuk membina jambatan sambungan hafazan al-Quran yang telah dihafal di peringkat menengah seterusnya dalam masa yang sama menyambung untuk pengajian bidang profesional khususnya bidang perubatan. Walaubagaimanapun, harapan dan matlamat ketiga-tiga pihak mungkin seiringan atau mungkin berbeza mengikut kekuatan dan daya tahan setiap pelajar dalam mengimbangi keperluan kedua-dua program (Mohd Fakhrudin et al., 2019).

Menurut Masten et al., (1990) daya tahan adalah “proses kebolehan untuk berjaya dalam penyesuaian tanpa mengira keadaan yang mencabar atau terdapat ancaman.” Daya tahan adalah satu perkataan yang secara etimologinya berasal dari “*salire*” yang berasal dari perkataan Latin. Ini bermakna untuk ‘*spring up/come up*’ atau muncul ke atas. Perkataan asal ‘*salire*’ ini juga

bersangkutan dengan ‘*resilire*’ yang bermakna pantulan semula atau *spring back*. Perkataan ini digunakan untuk merujuk kepada keanjalan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, daya tahan boleh dianggap sebagai kebolehan untuk pantul semula dan dengan itu boleh bertahan dengan kesusahan (Henriques et al., 1991) dan individu yang bertahan dengan keupayaan, yang boleh digelar sebagai ‘tabah’, ‘tidak lemah’ atau ‘kebal’ (Werner, Emmy E; Smith, 1982) dan juga ‘berdaya tahan’. Justeru, kajian daya tahan para pelajar bidang perubatan dalam meneruskan pelaksanaan program seumpama ini seharusnya di beri perhatian secara khusus agar dapat melahirkan generasi al-Quran yang berketampilan dan profesional.

Objektif Program Profesional Tahfiz di UOC

Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC adalah program bagi melahirkan graduan Sains Perubatan yang menghafal al-Quran, bersifat holistik lagi berketerampilan selaras dengan keperluan ummah dan negara dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan Islam. Tiga objektif program ini adalah seperti berikut:

- 1) Mensepadukan ilmu duniawi dan ukhrawi untuk melahirkan golongan profesional yang hafiz, mahir lagi berketrampilan selaras dengan keperluan ummah dan negara.
- 2) Menyediakan asas penjanaaan ke arah melahirkan cendekiawan yang berkemampuan mengembalikan tradisi zaman kegemilangan keilmuan Islam.
- 3) Memberi peluang kepada para huffaz yang menuntut di UOC agar dapat memelihara kelangsungan hafazan mereka.

Operasi Pelaksanaan Program Profesional Tahfiz

1) Sesi Pengambilan Pelajar

Terdapat empat sesi pengambil pelajar peringkat asasi bermula pada bulan Januari, Mei, Julai dan September untuk tiga program Asasi Sains, Asasi Sains Kesihatan dan Asasi Kesenian.

2) Syarat-syarat kemasukan

Syarat kemasukan ke program ini adalah mengikut syarat kemasukan yang telah diluluskan dan ditetapkan mengikut program UOC dengan syarat tambahan bagi program ini iaitu:

- Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC: telah menghafaz sekurang-kurangnya 15 Juzuk al-Quran dan lulus temuduga yang dijalankan.
- Program Pensijilan Tahfiz UOC: boleh membaca al-Quran dengan baik dan lulus temuduga yang dijalankan.

3) Tempoh Pengajian Program

Tempoh pengajian program ini adalah 6 Semester (3 Tahun), bermula daripada peringkat Asasi (1 tahun Asasi dan 2 tahun Ijazah). Sesi pengajian dijalankan seiring dengan pengajian fakulti-fakulti yang terlibat antaranya Fakulti Perubatan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu.

4) Waktu Pembelajaran

No	Pembelajaran	Masa
1.	Tasmik	8.00-9.00 am
2.	Pembelajaran Bersama Pelajar Lain	9.00 am ke atas
3.	Syarahan Berkenaan Tahfiz (2 Jam)	Tertakluk pada jadual
4.	Hafazan Oleh Pelajar (Persendirian)	Selepas waktu kelas
5.	Peperiksaan Akhir Semester (Kurikulum/Soalan Peperiksaan/Pemarkahan Peperiksaan adalah dikendalikan oleh Darul Quran)	Penghujung Semester

Jadual 1: Waktu Pembelajaran Pelajar Program Profesional Tahfiz

PERSEPSI AMALAN PEMBELAJARAN PROGRAM TAHFIZ DI IPT

Jika dahulu aliran tahfiz lebih tertumpu kepada mereka yang berada dalam pengkhususan bidang agama sahaja, namun kini dengan perkembangan institusi tahfiz negara bermula di diperingkat pra sekolah sehingga ke peringkat Insituti Pengajian Tinggi (IPT), program tahfiz atau menghafal al-Quran ini lebih terbuka kepada semua pelajar mengikut bidang kepakaran masing-masing yang setanding dengan aliran perdana masa kini (Abbas, 2018). Sebagai contoh, Univeristi Tenaga Nasional (UNITEN) adalah antara institusi pengajian tinggi yang terawal menawarkan program

huffaz profesional (Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN) pada tahun 2002. Program ini direka khusus untuk menjana graduan profesional dalam bidang kejuruteraan, sains komputer, teknologi maklumat, perakaunan, ekonomi, pengurusan dan perniagaan dengan al-Quran (UNITEN, 2022). Menurut Muhaidi Hj Mustaffa Al Hafiz & Siti Salwa Md. Sawari, (2018) rentetan daripada permintaan yang tinggi terhadap pendidikan tahfiz al-Quran seluruh negara khususnya di Darul Quran Jakim, Darul Quran Jakim mengambil inisiatif meluaskan jaringan strategik bersama IPT lain di peringkat pensijilan. Hal ini demikian kerana, Darul Quran sebagai pusat rujukan utama yang memperkasakan pendidikan al-Quran dalam negara. Jaringan kerjasama ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan-graduan profesional yang hafiz al-Quran.

Antara impak positif hasil daripada penggabungan sains Islam dan bidang-bidang profesional ini, ia mampu memberi impak baharu kepada proses transformasi pendidikan negara, seterusnya melahirkan modal insan yang holistik dan bersepadu (Abdul Munir Ismail et al., 2020). Selain itu, perjalanan menghafaz al-Quran di peringkat IPT menawarkan fasiliti dan pengurusan lebih tersusun dan dalam masa yang sama para pelajar memerlukan disiplin yang tinggi dan sekaligus secara tidak langsung membudayakan tingkah laku dan sahsiah yang baik (Muhaidi Hj Mustaffa Al Hafiz & Siti Salwa Md. Sawari, 2018). Justeru, pemerkasaan pendidikan tahfiz al-Quran dalam negara harus di teruskan. Peranan mereka sangat penting dalam melahirkan tenaga pakar dengan memiliki nilai tambah dalam bidang tahfiz al-Quran, ini terbukti dengan sejarah bahawa mereka yang menghafal dan menghayati kandungan al-Quran mampu mencipta tamadun yang hebat (Hussain & Malaya, 2003).

DAYA TAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ

Proses menghafaz al-Quran ialah satu proses yang mencabar dan memerlukan kesungguhan yang tinggi oleh para huffaz. Ia memerlukan komitmen dan daya tahan dari pelajar itu sendiri dalam mengimbangi momentum hafazan dan subjek akademik yang lain. Selain sokongan dan kekuatan dari ibu bapa kepada pelajar, sistem pembelajaran dan persekitaran yang kondusif sangat penting dalam meneruskan pelaksanaan program tahfiz ini. Kajian yang dijalankan oleh (Mohd Fakhruddin et al., 2019) memberi gambaran jelas antara implikasi utama daya tahan pelajar mengikuti

pembelajaran tahfiz adalah bersumberkan sistem sokongan yang jelas dan bersepadu dari ibu bapa dan pihak sekolah.

Hal ini juga disokong oleh kajian lain yang menyatakan bahawa kesediaan institusi, tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri memainkan peranan utama dalam membentuk daya tahan mereka (Haji Abdullah et al., 2013; Solahuddin, 2016). Selain itu, kajian di sebuah institusi tahfiz di Indonesia mendapati bahawa daya tahan dalam kalangan pelajar tahfiz dipengaruhi oleh prestasi akademik mereka. Prestasi akademik yang baik, akan mempengaruhi pengalaman dan daya tahan pelajar di tempat pengajian (Rahmi & Lita Hadiati Wulandari, 2019). Justeru, kajian ini merangkumi tiga aspek daya tahan pelajar iaitu: keyakinan diri, kemampuan diri dan kawalan diri dari sudut fizikal dan emosi. Kajian yang merangkumi tiga aspek ini adalah penting untuk dilaksanakan bagi mengetahui daya tahan pelajar tahfiz di peringkat IPT di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pengedaran soal selidik bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Pengkaji telah menyediakan instrumen kajian berdasarkan rujukan dan penelitian terhadap literatur-literatur yang telah dikaji sebelum ini mengikut objektif yang telah ditetapkan. Sampel yang dipilih ialah pelajar Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC seramai 48 orang. Pelajar asasi perubatan dipilih bagi melihat gambaran awal pelajar perubatan terhadap isu daya tahan dalam pelaksanaan program ini.

Selepas data diperolehi, satu analisa deskriptif dilakukan bagi melihat peratusan tertinggi bagi setiap soalan. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini menggunakan nilai peratusan tertinggi dan kekerapan responden bagi mengenalpasti tahap sikap dan kesedaran responden. Skor kemudian dikategorikan dan diukur dengan menggunakan skala likert tiga mata iaitu 1=setuju, 2=tidak pasti, dan 3=tidak setuju. Menurut Lehmann & Hulbert, (1972), skala likert 2 atau 3 mata adalah sesuai digunakan bagi kajian yang merangkumi populasi yang sedikit atau sederhana. Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan *Microsoft Excel*.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 2, sejumlah 54.2% responden adalah pelajar perempuan dan selebihnya adalah lelaki yang merangkumi 47.8%. Majoriti responden terdiri daripada pelajar asasi (97.9%), diikuti pelajar Sarjana Muda hanya 2.1% sahaja. Sebahagian besar responden adalah pelajar dari Fakulti Perubatan (62.5%), Fakulti Farmasi (22.9%), dan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (14.6%). Kebanyakan responden (79.2%) berumur 18 tahun.

Angkubah	n (%)
Jantina	
Lelaki	22 (47.8%)
Perempuan	26 (54.2%)
Umur	
18 tahun	38 (79.2%)
19 tahun	10 (20.8%)
20 tahun	0 (0%)
Lebih 20 tahun	0 (0%)
Peringkat Pengajian	
Asasi	47 (97.9%)
Diploma	0 (0%)
Sarjana Muda	1 (2.1%)
Sarjana dan Ke atas	0 (0%)
Fakulti	
Fakulti Keselamatan dan Kesihatan	0 (0%)
Fakulti Perniagaan dan Teknologi	0 (0%)
Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu	7 (14.6%)
Fakulti Perubatan Tradisional dan Komplimentari	0 (0%)
Fakulti Farmasi	11 (22.9%)
Fakulti Perubatan	30 (62.5%)

Jadual 2: Maklumat Latar Belakang Responden**Tahap daya tahan terhadap pelaksanaan program tahfiz**

Terdapat lima pernyataan mengenai keyakinan diri telah dikemukakan dalam menentukan keyakinan diri responden, dan diberikan tiga pilihan untuk menerangkan tentang tahap diri mereka berdasarkan kepada pernyataan yang diberikan, iaitu, “1 =setuju”, “2 = tidak pasti” dan “3 = tidak setuju. Analisis tahap pengetahuan dilakukan dengan mengira (compute) kekerapan responden bagi kesemua empat belas pernyataan dalam bahagian ini. Skor kemudian digunakan untuk memperolehi tahap kesedaran daya tahan dan dikategorikan dengan tiga kategori, iaitu “, “1 =setuju”, “2 = tidak pasti” dan “3 = tidak setuju.

Hasil kajian mendapati tahap keyakinan diri majoriti (49.5%) responden adalah sederhana berdasarkan jumlah skor mereka di antara 20-23. Manakala 28.7% responden mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dengan jumlah skor mereka adalah di antara 24-27 dan hanya 21.8% responden mempunyai tahap keyakinan yang rendah. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap keyakinan diri yang sederhana tentang pelaksanaan program tahfiz ini.

Pernyataan	Setuju n (%)	Tidak Pasti n (%)	Tidak Setuju n(%)
Saya mendaftar Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC atas kehendak sendiri	32(66.7%)	13 (27.1%)	3(6.3%)
Saya mendaftar Program Profesional Tahfiz JAKIM-UOC bukan atas kehendak sendiri	6(12.5%)	14(29.2%)	28(58.3%)
Saya yakin menyambung pengajian dalam kursus ini dapat membantu dalam kesinambungan hafazan saya	43(89.6%)	5(10.4%)	0(0%)
Saya yakin dengan objektif kursus ini	41(85.4%)	7(14.6%)	0(0%)
Saya yakin dengan kemampuan institusi ini dalam pelaksanaan program Tahfiz.	37(77.1%)	11(22.9%)	0(0%)

Jadual 3: Keyakinan diri berkaitan daya tahan

Responden turut ditanya mengenai kemampuan diri dalam menangani daya tahan dalam pelaksanaan program tahfiz di UOC, dan dapatan dibentangkan dalam Jadual 4. Majoriti responden (70.8%) menyatakan mereka gembira dan berpuas hati dengan subjek yang dipelajari dalam program Profesional Tahfiz - JAKIM ini, diikuti dengan kepuasan dalam kemampuan tenaga pengajar program Profesional Tahfiz UOC (87.5%), mereka mampu membahagikan masa untuk keperluan akademik dan tahfiz (39.6%). Manakala tahap tekanan mencatatkan kekerapan sederhana, iaitu 31.3% daripada responden menyatakan mereka tertekan dengan silibus dan tugas akademik Program Profesional Tahfiz JAKIM - UOC.

Pernyataan	Setuju n(%)	Tidak Pasti n(%)	Tidak Setuju n(%)
<i>Saya dapat membahagikan masa untuk keperluan Akademik dan Tahfiz dengan baik</i>	19(39.6%)	22(45.8%)	7(14.6%)
<i>Saya dapat menyiapkan kerja akademik dan tugas Tahfiz dengan baik.</i>	19(39.6%)	22(45.8%)	7(14.6%)
<i>Saya gembira dan berpuas hati dengan subjek yang dipelajari dalam program Profesional Tahfiz - JAKIM ini</i>	34(70.8%)	11(22.9%)	3(6.3%)
<i>Saya berasa tertekan dengan silibus dan tugas akademik Program Profesional Tahfiz JAKIM - UOC</i>	15(31.3%)	22(45.8%)	11(22.9%)
<i>Saya berpuas hati dengan kemampuan tenaga pengajar program Profesional Tahfiz UOC</i>	42(87.5%)	6(12.5%)	0(0%)

Jadual 4: Kemampuan diri berkaitan daya tahan

Seterusnya, responden ditanya mengenai kawalan diri berkaitan daya tahan pelaksanaan program ini sebagaimana yang dibentangkan dalam Jadual 5:

Pernyataan	Setuju n(%)	Tidak Pasti n(%)	Tidak Setuju n(%)
<i>Saya berasa tertekan mengikuti program pengajian ini</i>	9(18.8%)	17(35.%)	22(45.8%)
<i>Saya dapat menguruskan masa dengan baik bagi subjek akademik dan Tahfiz.</i>	19(39.6%)	21(43.%)	8(16.7%)
<i>Saya berjaya mendapatkan keputusan cemerlang bagi subjek akademik dan tahfiz.</i>	13(27.1%)	30(62.%)	5(10.4%)
<i>Saya tidak mempunyai masalah untuk berjaga malam sekiranya perlu bagi menyiapkan tugas akademik dan Tahfiz.</i>	24(50%)	16(33.%)	8(16.7%)

Jadual 5: Kawalan diri berkaitan daya tahan

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden (45.8%) menyatakan berasa tertekan mengikuti program pengajian ini, diikuti dengan tidak mampu dalam menguruskan masa dengan baik bagi subjek akademik dan Tahfiz. (43.7%). Hanya 27.1% daripada responden setuju mereka berjaya mendapatkan keputusan cemerlang bagi subjek akademik dan tahfiz. Responden turut ditanya mengenai kekerapan untuk berjaga malam sekiranya perlu bagi menyiapkan tugas akademik dan Tahfiz dan majoriti responden (50%) bersetuju untuk melakukan perkara tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini melaporkan dapatan berhubung tahap daya tahan pelajar mengikut dimensi keyakinan diri, kemampuan diri dan kawalan diri dari sudut emosi dan fizikal. Tanda aras ini secara empirikalnya membuktikan tiga dimensi ini memberi kesan pada tahap daya tahan pelajar bagi kedua-dua program pensijilan tahfiz di UOC. Berdasarkan jawapan responden pada bahagian kemampuan diri pelajar pada pelaksanaan Program Profesional Tahfiz ini, pelajar dilihat tidak mampu membahagikan masa dengan baik dalam menguruskan pelajaran akademik dan tahfiz. Skala jawapan pelajar masing-masing menunjukkan peratusan yang lebih kurang sama bagi ketiga-tiga pilihan jawapan iaitu Setuju (39.6%), Tidak Pasti (45.8%) dan Tidak Setuju (14.6%). Justerus, pihak berautoriti dalam kalangan

pengurusan tertinggi universiti, pentadbiran dan tenaga pengajar, diharapkan dapat mengambil langkah proaktif dalam membantu memberi sokongan kepada pelajar tahfiz dalam meningkatkan daya tahan mereka semasa program pengajian berlangsung.

RUJUKAN

- Abbas, R. (2018). Pengukuhan Nilai Teras UMP Dalam Program Engineer Huffaz Dan Cabaran Revolusi Industri 4.0: Kajian Di Universiti Malaysia Pahang. *Proceeding International Conference On International Multidisciplinary Academic Conference (IMAC)*, 2018, 2018, 132–140.
- Abdul Munir Ismail, Nik Yamcik Zainab, & Sulaiman Dorloh. (2020). Analisis Keberkesanan Aktiviti Dakwah dan Pendidikan Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Sains. *Borneo International Journal EISSN 2636-9826*, 2(4), 1–10.
- Haji Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2013). Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz. *16*(June).
- Henriques, J. B., Davidson, R. J., Kalin, N. H., Larson, C., Shelton, S. E., Schwartz, G. E., & Maer. (1991). Asymmetric Frontal Brain Activity, Cortisol, And Behavior Associated With Fearful Temperament In Rhesus Monkeys. Right Hemisphere Lateralization For Emotion In The Human Brain: Interactions With Cognition. *Journal of Abnormal Psychology Behavioral Neuroscience Science Journal of Abnormal Psychology*, 100(103), 535–545.
- Hussain, A. M., & Malaya, U. (2003). Pengajian Tahfiz Al-Quran: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Pulau Pinang. *Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, 2002/2003.
- Lehmann, D. R., & Hulbert, J. (1972). Are Three-Point Scales Always Good Enough? *Journal of Marketing Research*, 9(4), 444. <https://doi.org/10.2307/3149313>
- Masten, A. S., Best, K. M., & Garmezy, N. (1990). Resilience and development contributions. *Development and Psychopathology*, 2(4), 425–444. 10.1017/S0954579400005812
- Mohd Fakhruddin, F., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Wan Jaafar, W. M., & Abd Mutalib, L. (2019). Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 35–45. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol3no2.51>
- Muhaidi Hj Mustaffa Al Hafiz, & Siti Salwa Md. Sawari. (2018). Managing Standardize Memorizations Strategy in Tahfiz Centres : A Guideline for Quality Performance in Qur'anic Memorization. *International Journal of Research*, 5(16), 1409–1417.

- Rahmi, F., & Lita Hadiati Wulandari, R. (2019). Hasnida and Rr. Lita Hadiati Wulandari,-Effect of Academic Resilience on Subjective Well-Being of Students in Islamic Boarding Schools. || *International Research Journal of Advanced Engineering and Science*, 4(3), 347–349.
- Solahuddin, I. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz Sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran, 1(November), 1–12. UNITEN. (2022). HUFFAZ PROFESSIONAL. <https://www.uniten.edu.my/programmes/huffaz-professional/>
- Werner, Emmy E; Smith, R. S. (1982). *Vulnerable, But Invincible : A Longitudinal Study Of Resilient Children And Youth*. New York : McGraw-Hill.

PELAKSANAAN TVET TAHFIZ DI MALAYSIA: SATU PENGENALAN

Khadijah Riddzwan²²
Izuli Dzulkifli²³

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Anjakan inovasi ilmu dengan menggabungkan ilmu hafazan dan ilmu konvesional lain yang lebih bersifat teknikal telah mencetuskan transformasi baru dalam sistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Walau bagaimanapun, realitinya pelaksanaan transformasi ini diwar-warkan di peringkat menengah sahaja dan kesannya kurang pendedahan akan peluang kemahiran serta vokasional kepada pelajar tahfiz di institut pengajian tinggi. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menonjolkan sejarah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz di samping mengetengahkan program-program yang menawarkan sistem pendidikan tahfiz berkemahiran yang digarap oleh pelbagai institusi tahfiz mahupun organisasi tertentu yang terlibat di Malaysia. Antaranya ialah program Huffaz Profesional, TVET-Tahfiz MARA, Program Plus Tahfiz, Techno Huffaz Politeknik dan program hasil kerjasama agensi swasta yang lain. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan iaitu menganalisis sorotan literatur dan dokumen. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan baik sistem TVET Tahfiz ini telah mengubah sudut pandang negatif masyarakat yang sering disalah anggap sebagai bidang terakhir yang menjadi pilihan dalam meneruskan pengajian. Hal ini sekaligus dapat melahirkan graduan yang berkemahiran yang kompeten dan celik al-Quran. Implikasinya, penerapan kerangka pendidikan TVET Tahfiz yang diwujudkan telah menjadikan Malaysia satu-satunya negara yang memperkenalkan konsep embedded-learning dalam menfokuskan bidang al-Quran dan kemahiran.

Kata Kunci : *Pendidikan Tahfiz, TVET Tahfiz, Tahfiz Kemahiran*

²² Khadijah binti Riddzwan, Calon Sarjana Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Emel riddzwankhadijah92@gmail.com

²³ Izuli bin Dzulkifli, Pensyarah Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Emel izuli@ukm.edu.my

PENGENALAN

Menghafaz al-Quran merupakan amalan yang dituntut dan sangat mulia di sisi Allah. Ia merupakan amalan tradisi umat Islam sejak era Rasulullah SAW dan amat digalakkan dalam Islam serta penghafal al-Quran akan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Bidang pengajian al-Quran adalah bidang yang unik, konstruktif, dan relevan dengan realiti pekerjaan dan perkhidmatan semasa. Selain itu, ruang kerjaya yang lebih luas boleh diteroka melalui penyediaan pelajar tahfiz yang kompeten, berkreaitif, inovatif. Hal ini kerana peluang kebolehpasaran kerjaya pelajar lepasan tahfiz bukanlah hanya tertumpu di dalam bidang agama sahaja seperti menjadi imam dan bilal di masjid, namun akan lebih berkembang jauh dan bersifat terbuka hasil gabungan beberapa ilmu yang lain seperti ilmu kemahiran, dan teknikal mahupun profesional. Hashim (2010) turut menyatakan pengajian tahfiz mestilah tidak tertumpu semata-mata kepada pengkhususan bidang pengajian Islam, malah perlu lebih berkembang kepada bidang profesional yang lain seperti kejuruteraan, perakaunan, perubatan dan lain-lain.

Realitinya, berdasarkan keperluan dan kepentingan gabungan pengajian tahfiz dan kemahiran, maka telah dilaksanakan pelbagai program kolaborasi antara institusi-institusi tahfiz dan institut kemahiran lain. Hal ini merupakan satu perkembangan yang amat baik serta menyokong hasrat Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) iaitu mewujudkan model tahfiz dan membuka peluang kepada lepasan tahfiz khususnya dalam bidang kemahiran. Namun begitu, memerlukan sistem dan kaedah yang sistematik dan kreatif bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungannya kepada generasi yang lain. Oleh demikian, artikel ini akan membincangkan sejarah TVET Tahfiz dan menghuraikan secara terperinci berkaitan bentuk program TVET Tahfiz yang dilaksanakan di Malaysia.

SEJARAH TVET TAHFIZ

Pendidikan tahfiz telah diangkat secara rasmi oleh Kerajaan Persekutuan dengan penubuhan Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara Kuala Lumpur bermula pada tahun 1966. Pendidikan tahfiz ini telah berterusan dan berkembang dengan penubuhan beberapa institusi tahfiz di peringkat negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka,

Pahang dan beberapa negeri yang lain (Darul Quran, 2020). Bahkan ia mendapat sambutan apabila setahun selepas itu iaitu pada tahun 1967, penubuhan institut-institut tahfiz swasta mula sama-sama berganding tenaga mengambil tanggungjawab dalam menyemarakkan lagi perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia. Walau bagaimanapun, pada ketika itu, kebanyakan institusi dan organisasi tahfiz ini memulakan langkah awal dengan kaedah pelaksanaannya secara pengajian hafazan al-Quran dan ilmu Qiraat sahaja termasuklah Institut Pengajian Tahfiz al-Quran (IPTQ) yang kini lebih dikenali sebagai Darul Quran.

Adapun begitu, apabila pendidikan tahfiz dilihat kian ampuh dan semakin mencapah, Darul Quran telah mengambil langkah ke hadapan memberanikan diri bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan yang lain dengan menawarkan lebih banyak program tahfiz. Antaranya ialah program Pensijilan Tahfiz, Diploma Tahfiz, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah serta banyak lagi. Antara pengkhususan bidang yang disediakan mengguna pakai kurikulum dini, dan kurikulum tahfiz sains. Antara universiti yang terlibat ialah *International Islamic University of Malaysia* (IIUM), Universiti Tenaga National (UNITEN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta banyak lagi.

Pada tahun 2015, bermulalah sejarah TVET Tahfiz dan Pendidikan Tahfiz ini telah diberi nafas baru yang mana Darul Quran menjadi perintis pengajian tahfiz kemahiran dengan memperkenalkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Menurut Solahudin (2016), dalam mendepani cabaran modenisasi dan perubahan teknologi yang pesat, institusi tahfiz perlu dikukuhkan dengan menggabungkan ilmu dan kemahiran secara seimbang. Justeru, hasil kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui pembinaan kurikulum Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), maka wujudlah SKM dalam pelbagai bidang seperti pengurusan masjid, pengurusan tahfiz, pengajaran tahfiz, pengajaran al-Quran *Braille* dan pengurusan mutawwif. Pada tahun tersebut juga, pengambilan pertama tahfiz seramai 20 orang perantis menduduki sijil kemahiran Tahap 3 dan disambung dengan pengambilan kedua pada seramai 24 orang perantis. Hasilnya ramai graduan tahfiz berkemahiran telah menamatkan program sehingga jayanya sehingga tahun 2019.

Lanjutan daripada itu, dalam mencapai usaha dasar dan hasrat kepimpinan kerajaan untuk melahirkan 125 ribu orang huffaz profesional menjelang tahun 2050 akan datang, Darul Quran terus melebarkan sayap kerjasamanya dengan beberapa pusat-pusat tahfiz swasta dan persendirian serta Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Program Pensijilan Tahfiz pada tahun 2017. Bahkan, melihat kepada kejayaan perkembangan program tahfiz kemahiran ini, ia mula mendapat perhatian, dan sokongan dari pusat-pusat tahfiz swasta, badan-badan berkanun malahan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta di Malaysia turut memberi dorongan dan kerjasama yang amat memberangsangkan. Institusi pengajian tinggi ini turut mengambil inspirasi dan berusaha ke arah menjadikan pengajian institusi mereka mempunyai sistem pengajian berkembar iaitu pengajian tahfiz serta berkemahiran. Hal ini kerana setiap pelaksanaan kurikulum Pendidikan tahfiz yang digarap oleh mana-mana pihak adalah bertujuan untuk melahirkan golongan profesional hafiz yang berdaya kepemimpinan mantap dan seimbang dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 yang mencabar. (Azman et. al, 2020)

Kini, terbukti bahawa TVET Tahfiz bukanlah satu perkara yang asing di Malaysia. Jika dahulu, TVET dan Tahfiz ini sering disalah erti sebagai pilihan kedua dan hanya layak untuk individu yang kurang cemerlang dari segi pencapaian akademik. Hakikatnya, stigma itu sudah lapuk ditelan zaman kerana graduan program TVET dan Tahfiz kian mendapat perhatian bukan sahaja dari kecemerlangan diri tetapi mampu menjamin kerjaya masa depan mengikut keperluan industri kemahiran. Mohd Jalil et. Al (2015) menyokong dengan menyatakan pada sejarahnya, TVET itu adalah singkatan bagi *Technical and Vocational Education Training* atau lebih dikenali sebagai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu.

PELAKSANAAN PROGRAM TVET TAHFIZ DI MALAYSIA

Kewujudan pendidikan tahfiz yang sudah menjadi formal dalam pendidikan sekolah di negara menuntut kepada tapak yang lebih kukuh di alam pengajian tinggi. Dalam masa yang sama, pengajian tahfiz juga mestilah tidak tertumpu semata-mata kepada pengkhususan bidang pengajian Islam,

malah perlu lebih berkembang kepada bidang profesional yang lain seperti kejuruteraan, perakaunan, perubatan dan lain-lain (Hashim, 2010). Meskipun tahfiz kemahiran dilihat sebagai aliran terbaru dalam institusi tahfiz di Malaysia, namun menurut Presiden Persatuan Madrasah Tahfiz al-Quran Malaysia (Permata), kira-kira 300 buah institusi tahfiz di seluruh negara telah memperkenalkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) (Zulkifli et al., 2018). Oleh itu, terdapat sebahagian besar daripada beberapa institusi di Malaysia yang menggabungkan ilmu hafazan quran dengan ilmu-ilmu yang lain malah ada sebahagian daripada institusi tahfiz menggabungkan ilmu hafazan dengan ilmu-ilmu konvensional lain yang lebih bersifat kemahiran. Setiap institusi tersebut mempunyai cara dan sistem TVET Tahfiznya tersendiri tetapi tetap berpaksikan matlamat dan tujuan yang sama. Antara bentuk program TVET Tahfiz yang diperkenalkan ialah:

1. Program Huffaz Profesional

Tatkala melihat perkembangan sekolah-sekolah yang menawarkan pengajian Tahfiz di peringkat menengah, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah mengambil inisiatif merangka program Huffaz Profesional yang mana membuka peluang pelajar meneruskan pengajian Tahfiz di peringkat pensijilan dengan suasana yang berbeza dan pendedahan kepada bidang kejuruteraan. Selain itu, program ini di bawah kerjasama JAKIM dan UNITEN yang bermula pada tahun 2012 namun termeterai perjanjian antara pihak JAKIM dan UNITEN pada 20 Mac 2013. Program ini adalah gabungan perkataan Huffaz dan Profesional yang membawa maksud individu yang menghafaz serta menjaga al-Quran di samping mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang profesion. Antara bidang profesion kejuruteraan yang ditawarkan dalam program ini seperti mekanikal, elektrik dan elektrikal, awam, perniagaan, perakaunan mengikut kampus-kampus yang telah ditetapkan (Muhammad Hafizan & Hamdi, 2019).

Berbekalkan sistem pengajian tahfiz di bawah naungan Darul Quran, segala pengurusan berkaitan pembelajaran, jadual pengajian, silibus dan lain-lain diuruskan dan mengikut seratus peratus sistem pengajian program pensijilan Darul Quran. Pihak UNITEN hanyalah berperanan sebagai pelaksana program hasil gabungan kerjasama Darul Quran yang dijalankan di UNITEN. Di samping itu, mereka ini bukan sahaja dibimbing ke arah kecemerlangan akademik, tetapi juga ke

arah penguasaan kemahiran-insaniah (*soft skill*) yang merangkumi aspek komunikasi, dokumentasi, kepimpinan dan pengurusan (Kertas kerja cadangan Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan Pelaksanaan (MOA) antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan Universiti Tenaga Nasional. Ini jelas memperlihatkan usaha yang mampan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam membentuk kecemerlangan golongan huffaz dari aspek rohani dan jasmani.

2. Program TVET-Tahfiz

Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang bin Hashim menyatakan, di Malaysia permintaan tenaga kerja semakin meningkat, akan tetapi berlakunya juga isu kekurangan pekerja kemahiran (Malaysia Gazette,2022). Oleh itu, bagi menyahut cabaran dan peluang tersebut, Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai sebuah agensi yang menyokong pembangunan program pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) telah merangka program TVET-Tahfiz dengan menawarkan dual pengajian iaitu gabungan subjek al-Quran dan kemahiran seperti Eknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, Kompetensi Kimpalan, Teknologi Automotif Komersial dan Kejuruteraan Radiologi dan Pengimejan di beberapa Institut Kemahiran Mara (IKM) yang terpilih. Program TVET-Tahfiz ini ialah program kemahiran yang ditawarkan kepada para hufaz di institusi di bawah MARA iaitu Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institusi Kemahiran MARA (IKM). Tempoh pengajian yang disediakan adalah selama 3 tahun sahaja mengikut syarat-syarat tertentu. Namun, sebelum itu pelajar perlu menyertai Program *Bridging* Tahfiz selama 3 bulan untuk pengukuhan kursus asas iaitu Matematik, Bahasa Inggeris, Kemahiran Komunikasi Sosial dan asas-asas bidang teknikal.

Cetusan idea membangunkan program TVET-Tahfiz ini bertitik tolak daripada kejayaan program Ulul Albab yang dilaksanakan di beberapa Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Berdasarkan bilangan pelajar yang mengikuti program Ulul Albab di MRSM dan juga seluruh sekolah tahfiz yang lain, dapatlah dilihat wujudnya keperluan untuk menyediakan laluan kepada pelajar huffaz ini untuk akses kepada pengajian teknikal dan berteknologi tinggi tetapi dalam masa yang sama mendapat sokongan dari aspek meneruskan proses hafazan mereka. Penggabungan elemen pengajian kemahiran dan al-Quran di peringkat IPMA ini sebenarnya sudah bermula sejak tahun 2008 apabila Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)

melaksanakan program Titian Tahfiz untuk tempoh enam bulan sebagai asas sebelum pelajar meneruskan pengajian di peringkat sijil dan diploma. Kemudian diikuti dengan pelaksanaan Program Huffaz profesional UniKL Ulul Albab di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) serta GIATMARA yang turut menyediakan platform kepada semua lepasan program tahfiz ini sebagai kesinambungan untuk mereka mengekal, memelihara dan memantapkan hafazan al-Quran yang diikuti dari peringkat pendidikan menengah atau tahfiz. Justeru, MARA menawarkan program baharu Pendidikan dan Latihan Vokasional- Tahfiz (TVET- Tahfiz) dan kumpulan pertama merintis memulakan pengajian di Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut, Perak pada awal Oktober 2021.

Fasa kejayaan MARA diteruskan dengan meluaskan cawangan di IKM Besut dengan pengajian Diploma Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, IKM Lumut Bersama Diploma Kompetensi Kimpalan, IKM Jasin dengan tawaran pengajian Diploma Teknologi Automotif Komersial dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Ledang iaitu Diploma Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan (Radiologi dan Pengimejan). Menurut IKM, (2022), setelah selesai program TVET-Tahfiz ini, pelajar akan mendapat dua penganugerahan yang sangat istimewa iaitu sijil Diploma Kemahiran MARA Bersama Kompetensi dan juga Sijil Pencapaian Hafazan selari dengan objektif program iaitu memberi peluang kerjaya lepasan tahfiz dalam bidang kemahiran teknikal dan keusahawanan serta menyepadukan teknikal dan hafazan bagi melahirkan golongan profesional teknikal dalam kalangan tahfiz. Sijil kemahiran tersebut juga akan menjadi ‘tauliah’ kepada golongan huffaz yang menyambung di pusat-pusat tahfiz swasta yang kebanyakannya tidak mengikuti proses pendidikan arus perdana tetapi mereka mempunyai sijil tahfiz bagi mengurus kelangsungan hidup. Sehubungan dengan itu, pelajar bukan sahaja mendapat pendidikan hafazan bahkan kemahiran teknikal dan kompetensi secara serentak. Dengan itu, pelajar akan mempunyai satu pakej lengkap sebagai pekerja yang berkemahiran dan bersahsiah tinggi.

3. Program Plus Tahfiz

Bagi menggarap peranan sebagai universiti tempatan yang sentiasa mengikuti perkembangan pendidikan tahfiz dalam melahirkan graduan hafiz al-Quran dengan kurikulum kemahiran, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA juga tidak terkecuali, apabila telah mengambil inisiatif yang terkehadapan dengan memperkenalkan Program Plus Tahfiz

diperingkat Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda termasuklah kursus-kursus kemahiran seperti perakaunan, undang-undang dan ekonomi. Ianya bermula pada tahun September 2018, Naib Canselor UiTM iaitu Prof. Emeritus Datuk Dr. Hassan Said telah menyahut cabaran Dasar Pendidikan Tahfiz dalam memperkasakan Pendidikan Tahfiz, Menurut Mohd Razlan et. al (2022), Program Plus Tahfiz UiTM ini dilaksanakan melalui sistem kursus Kokurikulum Berkredit iaitu dijadikan sebagai salah satu daripada kriteria wajib dalam pelan pengajian di universiti. Pelajar yang terpilih latarbelakang sejarah tahfiz akan mengikuti Program Plus Tahfiz ini samaada diperingkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda perlu mengikuti kursus Kokurikulum Plus Tahfiz selama 5 semester bermula semester 1 pada tahun pertama pengajian.

Sebagai langkah permulaan, program ini hanya menumpukan di beberapa buah kampus sahaja antaranya Shah Alam, Kuala Pilah, Tapah, Dungun dan Pasir Gudang (Muhammad Syukri et. al, 2022). Walaubagaimanapun, pada 2019, kesediaan UiTM dalam menggerakkan potensi yang lebih besar, mereka telah membuka program plus tahfiz di kampus-kampus cawangan UiTM di seluruh Malaysia. Apa yang menariknya, UiTM (2018), setiap semester pelajar akan ditawarkan kursus kokurikulum yang berbeza di bawah program ini. Contohnya Kursus Tahfiz *al-Itahah* pada semester 1, Tahfiz *al-Imkaniyyah* untuk semester 2, Tahfiz *al-Itmam* bagi semester 3, Tahfiz *al-Itqan*, semester 4 dan Tahfiz *al-Isti'ab* untuk semester yang terakhir. Visi utama kursus adalah dengan memberi penekanan yang tinggi dalam aspek tajwid, kelancaran hafazan dari sudut *syafawi* mahupun *tahriri*. Program ini turut menggabungkan jalinan dua modul besar utama iaitu al-Quran dan modul Patriotisme serta Khidmat Kemasyarakatan yang menyelitikan pembinaan sikap dan identiti pelajar cemerlang dari sudut fizikal, emosi dan rohani.

Dapatan kajian Zetty Nurzuliana et.al, (2021) menyatakan rentetan daripada usaha merancang serta merangka kurikulum yang kemas dan tersusun, pentaksiran hafazan pastinya dinilai oleh badan-badan yang diberi amanah sebagai pemantau segala aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan dan perlu sentiasa bersedia dalam menjalankan tugas dengan penuh integriti dan telus sepanjang proses pentaksiran hafazan itu dijalankan. Oleh yang demikian, ACIS turut bertindak sama seperti institut tahfiz yang lain dalam menguji hasil pencapaian akhir iaitu melihat pada tahap kecemerlangan ujian hafazan *syafawi* dan *tahriri* pelajar. Oleh sebab program ini termasuk dalam penawaran kursus

kokurikulum, maka pastinya ia memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelajar itu sendiri untuk terus konsisten supaya melahirkan graduan UiTM huffaz dan profesional sebagai penggerak dalam masyarakat.

4. Program Techno Huffaz Politeknik

Politeknik juga merupakan salah satu institut TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan yang holistik dan menjadi pilihan utama perindustrian. Menurut Alias et al. (2014), pada Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik pada tahun 2014 di Jabatan Pengajian Politeknik, di Behrang, Perak telah membuahakan suatu hasil dalam usaha mewujudkan cadangan penawaran program tahfiz di Politeknik Malaysia. Ia melibatkan pelbagai perbincangan, lawatan dan kajian yang tuntas dari pihak JAKIM, UNITEN, Darul Quran dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM. Maka, terlaksanalah Program Tahfiz Politeknik yang menggabungkan Kurikulum dan Kokurikulum Politeknik sediaada dengan Kurikulum Bersepadu Tahfiz pada tahun 2016. Ekoran itu, pada 2017, *Dual Certification Program Techno Huffaz Politeknik Malaysia* telah diperkenalkan yang mampu melahirkan graduan pendidikan dan latihan Teknik dan vokasional (TVET) yang global dan holistik seterusnya membina masyarakat yang *multi-tasking* dan *multi-skilling* dalam mendepani cabaran global. Hal ini sejajar dengan Pelan Tindakan Politeknik dalam meningkatkan kolaborasi dengan institut yang lain dan menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pengecatan dan banyak lagi.

Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam program tahfiz di politeknik ini iaitu Program Pensijilan Tahfiz (PST) dan Program Pra-Tahfiz al-Quran al-Karim (PTQK) (Yusni & Mohd Aderi, 2016). Kedua-dua pendekatan ini membawa satu matlamat yang sama, namun apa yang memberi perbezaan antara keduanya hanyalah bentuk masa pelaksanaan program. Program Pensijilan Tahfiz (PST) merupakan program tahfiz sepenuh masa, manakala Program Pra-Tahfiz al-Quran al-Karim (PTQK) adalah secara separuh masa atau sambilan. Dengan itu, pelajar tahfiz sepenuh masa akan mengikuti program Diploma TVET di bawah politeknik dan juga Program Pensijilan Darul Quran, JAKIM secara serentak. Di samping itu, pelajar akan bersama dengan guru dalam aktiviti tasmik, menyemak *tahriri al-Quran* serta kelas tajwid dan Maharat yang diadakan pada hujung minggu sebagai meningkat dan mengukuhkan penguasaan ilmu al-Quran kepada pelajar.

Dalam pada itu, program ini dapatlah dijadikan satu titik tolak positif dalam mempromosikan Pendidikan Tahfiz di Politeknik Malaysia dan denak memberangsangkan bagi pelajar untuk menjadi warga Politeknik yang bukan sahaja mahir ilmu duniawi, begitu juga ukhrawi.

5. Program Tahfiz Tvet Kerjasama Agensi Swasta

Institusi tahfiz di Malaysia ini bukan hanya didirikan oleh kerajaan, malah ia turut dibangunkan oleh agensi-agensi swasta dan persendirian. Menurut Abd Rahman (2014), hampir kesemua kerajaan negeri di seluruh Malaysia mempunyai institusi pengajian tahfiz sendiri, sementara lebih 1000 buah dibangunkan oleh agensi swasta dan persendirian. Malahan, boleh dikatakan kebanyakan negeri yang hebat dan terkenal dengan pendidikan tahfiznya ialah negeri yang mempunyai lambakan institut tahfiz swasta. Slogan ‘Satu Rumah, Satu Hafiz’ berjaya memberi galakan kepada semua agensi kerajaan mahupun persendirian dalam melahirkan lebih ramai hafiz Quran muda selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri.

Tambahan lagi, usaha yang komited ini turut mendapat perhatian barisan pengurusan tahfiz swasta yang berdaftar di bawah kerajaan negeri atau sebaliknya. Mereka turut merencana pelan pendidikan bersepadu yang menawarkan TVET dalam pengajian tahfiz dan percaya selain ilmu agama, latihan kemahiran itu dapat memberi nilai tambah dan pengetahuan kepada pelajar sekali gus meningkatkan kebolehpasaran kerja selepas tamat pengajian. Antara maahad tahfiz pertama di Malaysia memperkenalkan pembelajaran tahfiz dan kemahiran vokasional ialah Maahad Tahfiz Vokasional Aman Bistari, Puchong. Pada peringkat awal, pelajar diwajibkan mempelajari semua kemahiran dan kemudian ditentukan berdasarkan pencapaian. Sepanjang empat tahun pengajian, setiap pelajar perlu menguasai dua kemahiran iaitu bagi pelajar perempuan ialah jahitan dan kulinari atau khat serta animasi. Manakala pelajar lelaki pula seperti kulinari, automotif, penternakan atau mana-mana yang kursus yang diminati. Selain itu, maahad tahfiz ini tidak meninggalkan kekuatan hafazan al-Quran pelajar dengan menyediakan kursus pra tahfiz dan Sijil Syahadah Hifz al-Quran supaya pelajarannya sentiasa bersiap sedia dengan quranik dahulu sebelum ilmu-ilmu yang lain.

Berdasarkan konsep tahfiz kemahiran ini, institusi TVET awam atau swasta turut mengambil inisiatif sendiri mengadakan sistem modular inisiatif bersama pusat tahfiz, menganjur kelas ketika

cuti sekolah atau hujung minggu dan diajar kemahiran dalam tempoh tertentu. Contohnya di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra, dan institusi TVET di Klang, Selangor yang mengambil pendekatan sama dengan menawarkan kursus berkaitan robotik kepada pelajar tahfiz (Sinar Harian, 2019). Selain itu, menerusi kerjasama antara Kolej Komuniti dan Maahad Tahfiz, penekanan kepada TVET semakin meluas dan meningkatkan pemeraksanaan sistem Pendidikan di Maahad Tahfiz swasta. Misalnya seperti Kolej Komuniti Kok Lanas, Kolej Komuniti Pasir Mas, Maahad Tahfiz Pubimas al-Amin dan Maahad Tahfiz al-Quran Darul Saadah, Kelantan. Begitu juga program jangka masa pendek kursus kemahiran Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) di bawah Program Tahfiz Berkemahiran bersama Kolej Komuniti Negeri Perak yang melibatkan 13 kolej komuniti dan beberapa Maahad Tahfiz persendirian yang terpilih (Absah et.al, 2020). Ianya bertujuan memberi pendedahan dan pendidikan TVET (Latihan Kemahiran Teknikal Dan Vokasional) yang merangkumi program berasas kemahiran. Dengan itu, program ini berjaya menerapkan ilmu kemahiran kepada pelajar tahfiz walaupun terdapat pelajar yang sebelum berkursus tidak mempunyai asas kemahiran sekaligus memperkayakan bakat dan kemahiran pelajar dalam bidang profesional.

RELEVANSI PROGRAM TVET TAHFIZ DI MALAYSIA

Analisis kajian menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang menjadikan Program TVET Tahfiz ini kekal relevan dibangunkan pada masa kini. Faktor-faktornya adalah:

a) Kekurangan Tenaga Pakar Profesional

Kebergantungan terhadap tenaga kerja mahir dari negara luar dilihat satu kerugian kepada negara. Faktor ini disebabkan Malaysia kekurangan pakar dalam kalangan tenaga kerja tempatan yang sepatutnya boleh dilatih dan diberi latihan yang sewajarnya. TVET adalah pendidikan berasaskan teknikal dan Latihan vokasioanal ini adalah inisiatif kerajaan dalam melatih tenaga kerja mahir dan berkepakaran tinggi selari dengan dasar revolusi 4.0 yang mengukur kemajuan dan peningkatan taraf sosioekonomi sesebuah negara berdasarkan tenaga kerja mahir kreatif dan inovasi (Aminuddin & A. K, 2011). Usaha kerajaan mengangkat Pendidikan teknikal dan vokasional serta Pendidikan Tahfiz Negara melalui TVET Tahfiz adalah usaha murni bagi menaik taraf profesion kedua-dua bidang.

Bahkan, bidang TVET dan Tahfiz ini diajar pada peringkat pendidikan rendah lagi di kebanyakan negara maju seperti Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Turki dan tidak ketinggalan juga Mesir.

Pendidikan dan latihan vokasional terbukti telah banyak menyumbang kepada melahirkan modal insan berkemahiran yang diperlukan dalam pembangunan Negara untuk menuju status negara maju menjelang 2020. Lulusan TVET Tahfiz yang disediakan oleh institusi TVET dan kerjasama dari semua pihak, makanya akan meningkatkan tenaga kerja yang berupaya menjadi terlatih dan kompeten, serta mempunyai nilai tambah untuk menyumbang secara positif kepada keperluan industri dan pasaran kerja dan mempertingkatkan usaha untuk menghasilkan pekerja berpendapatan tinggi.

b) Usaha Melahirkan Huffaz Berkemahiran Holistik

Pembentukan manusia yang holistik dari segi moral, sahsiah dan berkemahiran tinggi mampu dilahirkan melalui pengajian berasaskan al-Quran dan pendidikan berasaskan teknikal dan latihan vokasional. Menurut Berita Harian (2017), melalui pengenalan dan pengajaran subjek TVET Tahfiz ini, dapatlah melahirkan individu generasi yang holistik, mapan, dan seimbang dari aspek rohani dan jasmani. Jika seseorang huffaz itu kompeten dengan dua disiplin ilmu yang berbeza, serta tidak kalah ilmu al-Quran yang tertanam dalam jiwa mereka, golongan Huffaz atau graduan yang lahir daripada institusi tersebut adalah setanding dengan graduan daripada institusi konvensional (Abd Hamid et al. 2021)

c) Meluaskan Lulusan Kerjaya Huffaz

Kebolehan lepasan program TVET Tahfiz ini tidak hanya terhad turun ke lapangan menyelami komuniti dengan program dan aktiviti keagamaan sahaja seperti menjadi imam, menyampaikan perucapan awam dan tazkirah, memimpin bacaan doa, tetapi lebih meluas dengan menjadi golongan dirujuk (*referred*) dan mempunyai kepakaran serta profesionalisme yang tinggi dan boleh dicontohi serta dijadikan perunding dalam bidang-bidang tujahan yang dikenal pasti pada keperluan semasa. Dengan langkah yang telah dan sedang diambil oleh institusi TVET dan agensi tahfiz dijangka peratusan pengambilan pelajar lepasan menengah yang memilih aliran TVET Tahfiz akan lebih meningkat tinggi. Sebagaimana Dato' Mahfuz Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia berkongsi

harapan besar akan latihan berkemahiran yang bersistematik melalui Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam bidang Automasi dan Robotik di mana ia mampu membuka peluang yang lebih cerah untuk memenuhi keperluan industri masa kini dan meramaikan lagi huffaz profesional yang berkemahiran (Lembaga Teknologi Malaysia, 2019).

KESIMPULAN

TVET Tahfiz yang digarap oleh pelbagai institusi formal mahupun swasta tidak lain tidak bukan bertujuan untuk memastikan melahirkan golongan profesional hafiz yang berdaya kepemimpinan mantap dan seimbang dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 yang mencabar. Meskipun ia pastinya bukanlah sesuatu yang mudah dan perlu mendepani pelbagai cabaran, tetapi usaha yang jitu dan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak telah membuahkan hasil serta berjaya membuktikan peranan golongan tahfiz berkemahiran tidak sepatutnya terbatas dalam parameter dan takuk lama, bahkan mampu melangkaui pelbagai bidang samada sebagai ulama, profesional atau teknokrat, pemimpin serta memberi sumbangan besar kepada transformasi pendidikan negara. Melalui pelbagai bentuk penawaran program tahfiz berkemahiran ini yang masih lagi baru, ianya juga memerlukan penambahbaikan bagi memastikan pertumbuhan graduan bersifat holistik dan berkeترampilan selaras dengan keperluan semasa di samping mencapai matlamat akhir institusi tahfiz dalam melahirkan individu pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani supaya mampu berhadapan dengan arus globalisasi.

RUJUKAN

Broshur Program Tvet-Tahfiz IKM (2022). *Institut Kemahiran Mara (IKM)*.

Brosur Huffaz Profesional UNITEN

(UiTM), U. T. (2018). *Pekeliling Pemakluman Penawaran Lima Kursus Kokurikulum* . Shah Alam.

Hashim Abdullah (2010). *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran Jakim Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri* . (Tesis Doktor Falsafah Yang Belum Diterbitkan).

Abd Hamid, M. H., Isa, A. A. M., & Ishak, H. (2021). Faktor Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Implementation Of Learning Tahfiz Program Of Professional Huffaz At Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 596-605

Abd Rahman Abd Ghani (2014), *Pedagogi Berkesan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran*. Kertas Kerja pembentangan di International Conference OnIslamicTeachers Education, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Absah Md Yusor, Alias Omar & Nurashikin Mohd Zahir (2020). *Tinjauan Terhadap Persepsi Peserta Kursus Pendek Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Di Bawah Program Tahfiz Berkemahiran Bersama KK 2019, Kolej Komuniti Negeri Perak*. Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020). UNIMAP. 218 225

Alias Mat Saad, Abu Zarrin Selamat, Norhayati Fatmi Talib, Yusni Mohamad Yusak Zuhair Abd Rahman & Zainab Hanina Abdull Samad. (2014). Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab Di Politeknik. 1-10.

Aminuddin, A. K. (2011). *Reformasi Dalam TVET: Perubahan Masa Hadapan*. Journal of Edupres, 1(September), 336–3

Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, , Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd Faiz Abd. Shakor. (2020). *Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz Di Malaysia*. The 3rd International Conference Of The Postgraduate Students And Academics In Syariah And Law, 289-295.

Gazette, M. (2022). *Tahfiz-TVET Bakal Diperkenal, Atasi Masalah Kekurangan Pekerja*. Shah Alam: 16 Mac 2022.

Solahudin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November.

Solahudin Ismail. (2016). *Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia: Manhaj dan Model*. Muzakarah Institusi Tahfiz Negara Wilayah Utara. Issue November, 1-12.

- Mohd Jalil Ahmad, Noor Hisham Jalani & Annas Akhmal Hasmori. (2015). *TEVT di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam 2015, (pp. 340-346).
- Mohd Razlan Ahmadi, Sumaiyah Bahri, Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong, Ahmad Thaqif Ismail & Zuhaili Saiman. (2022). *Isu Dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran Di Uitm*. Journal of Fatwa Management and Research | Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 27-36.
- Muhammad Hafizan Abd. Hamid & Hamdi Ishak. (2019). *Huffaz Profesional Di Universiti Tenaga Nasional (Uniten): Satu Pengenalan*. Al-Qanatir:International Journal Of Islamic Studies. Vol. 13. No. 1. January Issue, 14-21.
- Darul Quran. (2016). Sambutan Jubli Emas Darul Quran. *Selangor, Darul Quran*.
- Darul Quran. (2020). *Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Edisi Ii*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Yusni Mohamad Yusak & Mohd. Aderi Che Noh. (2016). *Halatuju Program Tahfiz Di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Wacana Pendidikan Islam Siri II, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, 15-16 November 2016, 446-453.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Norfariza Mohd Radzi, Mohd Faez Ilias, Mohd Fakhri Sungit & Ainul Hayat Abdul Rahman. (2021). *Perlaksanaan Model Kurikulum Turath di Maahad Tahfiz Integrasi Negeri Selangor*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 139-150.
- Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah & Naeimah Ramlan. (2018). *Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz*. Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre Of Quranic Research, 38-80.

**HALA TUJU PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA: SATU PEMERHATAN DI UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL**

**Siti Salma Binti Mohamad Shokri
Syafawati Binti Salihan
Muhammad Hafizan Bin Abd Hamid
Amaluddin Arshad
Mohd Taufik Abu Hassan**

Universiti Tenaga Nasional

Abstrak

Pengajian tahfiz kini mendapat tempat bukan sahaja di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah ia telah tumbuh bagaikan cendawan di peringkat universiti. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hala tuju program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) selaku Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang menawarkan program bersepadu tahfiz dan profesional. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metod analisa dokumen yang terdiri daripada jurnal, artikel, tesis dan bahan-bahan yang berkaitan. Dapatan menunjukkan, terdapat beberapa hala tuju Program Huffaz Profesional UNITEN yang dapat diketengahkan iaitu dari sudut pemantapan pengurusan program, inovasi digital pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz, pemerkasaan pembangunan kurikulum, pemerkasaan sumbangan pelajar tahfiz kepada masyarakat dan pemerkasaan tenaga pengajar tahfiz. Kajian ini diharap dapat membantu instiusi pengajian tinggi yang menjalankan program tahfiz ini agar dapat menjadi panduan dalam menghadapi cabaran-cabaran yang ada di samping membangunkan modal insan yang berteraskan al-Quran.

Kata Kunci: *hala tuju, huffaz profesional, pemerkasaan*

PENDAHULUAN

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran telah mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi tahfiz sama ada di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), NGO atau institusi tahfiz persendirian. Konsep penubuhan dan operasi institusi Pendidikan Tahfiz yang melibatkan pelbagai model dan bentuk pelaksanaan turut menyumbang kepada pertumbuhan institusi tahfiz yang pelbagai. Antara contoh model tahfiz yang terdapat di Malaysia ialah tahfiz integrasi akademik, tahfiz sains, tahfiz sepenuh masa, tahfiz agama dan tahfiz pemulihan (Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, 2021). Kerajaan komited untuk melahirkan 125,000 huffaz menjelang 2050, yang bukan saja mampu menghafal al-Quran tetapi juga mahir dalam disiplin dan bidang ilmu profesional. Komitmen kerajaan dalam melonjakkan institusi tahfiz di negara ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Langkah ini bertujuan memastikan institusi pendidikan tahfiz Al-Quran di negara ini terus subur dan diperkasakan. (Berita Harian, 9 Januari 2018).

UNITEN menyahut seruan kerajaan dengan mewujudkan program Huffaz Profesional, satu program pengajian bersepadu antara tahfiz dan bidang profesional. Program ini dijalankan dengan kerjasama Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), di mana program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN adalah di bawah seliaan Darul Quran manakala bidang profesional adalah di bawah tanggungjawab UNITEN. Pada tahun 2022, program Huffaz Profesional UNITEN mencapai usia sedekad penubuhannya dengan jumlah pelajar seramai 620 orang serta pelbagai pencapaian yang diperolehi di pelbagai peringkat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menekuni perkembangan program Huffaz Profesional UNITEN dalam tempoh sedekad, selaku institusi pengajian tinggi swasta pertama yang menawarkan pengajian tahfiz secara bersepadu antara akademik dan tahfiz dengan jalinan kerjasama dengan Darul Quran, JAKIM, maka satu usaha untuk meneliti hala tuju program Huffaz Profesional perlu dilakukan sama ada dari sudut pemantapan

pengurusan program serta pemeraksanaan pembangunan program agar dapat selari dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam memperkasakan pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan, maka kajian ini dibuat bagi memenuhi beberapa objektif iaitu:

1. Melihat perkembangan dan pencapaian program Huffaz Profesional yang dijalankan di UNITEN.
2. Mengenpasti hala tuju program Huffaz Profesional UNITEN.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan program tahfiz di UNITEN. Limitasi kajian hanya memfokuskan kepada hala tuju pembanguna program Huffaz Profesional dalam tempoh 5 tahun akan datang.

PENGENALAN PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL UNITEN

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah institusi pendidikan tinggi pertama Malaysia yang menawarkan program pengajian tahfiz yang digandingkan dengan jurusan profesional serta pelaksanaan pembelajaran pensijilan tahfiz dilaksanakan di kampus luar dari Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pelaksanaan program pensijilan tahfiz ini dijalankan secara penuh di kampus Putrajaya, UNITEN. Pada 7 Februari 2011, Mesyuarat Jemaah Pengurusan Universiti telah meluluskan cadangan kemasukan pelajar baru di bawah Program Tahfiz Kejuruteraan UNITEN dengan mengikuti Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN. Pada tahun 2012, 22 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki merupakan pelajar kumpulan pertama yang mengikuti program ini. Maka, nama program Huffaz Profesional ini mula digunakan bagi menggambarkan pelajar aliran sains iaitu bidang profesional seperti kejuruteraan ini mengambil sijil tahfiz di institusi pengajian tinggi, awam atau swasta.

Keistimewaan kurikulum ini terletak pada pengendalian program ini di mana para pelajar akan menjalani sesi pembelajaran yang serentak antara pengajian tahfiz dan pengajian akademik dalam disiplin profesional. Selain itu, ia merupakan program yang diwujudkan khas untuk mendidik pelajar dalam bidang tahfiz al-Quran di samping melahirkan graduan kejuruteraan profesional. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, UNITEN telah mengorak langkah dengan menawarkan bidang profesional selain daripada kejuruteraan iaitu bidang perakauan. Diikuti pada tahun berikutnya, 2020, ia telah dibuka kepada bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Ia adalah satu usaha murni dalam memenuhi dan mengimbangi kehendak ilmu duniawi dan ukhrawi serta menyumbang kepada pemeraksanaan pendidikan tahfiz di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Pelaksanaan Program Huffaz Profesional UNITEN

Huffaz Profesional UNITEN menawarkan 2 program pengajian bersepadu tahfiz dan akademik kepada pelajar, iaitu Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN dan Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz (DCMT). Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN merupakan program kerjasama UNITEN dan Darul Quran di mana para pelajar mengikuti kelas pengajian sepenuhnya di UNITEN manakala penilaian (peperiksaan akhir) dikendalikan oleh pihak Darul Quran. Dalam masa yang sama, pelajar turut mengikuti bidang profesional lain yang ditawarkan oleh UNITEN seperti Kejuruteraan, Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Perakauan atau Pengurusan Perniagaan dan Ekonomi Tenaga. Bagi program DCMT, ia merupakan program milik UNITEN sepenuhnya dan telah mendapat akreditasi penuh dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualification Agency – MQA*). Diploma ini menawarkan kursus bersepadu antara pengurusan korporat dan tahfiz dalam satu sijil dan berjalan selama 2 tahun setengah dengan menghabiskan sejumlah 92 jam kredit.

Kelas tasmik di UNITEN berlangsung pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8 pagi sehingga 11 pagi. Ia merupakan rutin wajib bagi semua pelajar tahfiz sebelum memulakan kelas akademik yang lain. Para pelajar diberi masa selama 90 minit bagi tasmik hafazan yang baru secara bergilir bersama guru dan 90 minit lagi *murajaah* hafazan yang lama. Setiap para pelajar dibekalkan jadual hafazan dan *murajaah* yang disusun secara harian atau dikenali sebagai perincian silibus bagi memastikan pelajar menamatkan silibus hafazan mengikut semester pengajian pada masa yang

ditetapkan. Selain menjadi rujukan dan panduan para pelajar, perincian silibus ini dibekalkan bagi mendidik para pelajar lebih berdisiplin untuk mengulang hafazan yang lama. (Muhammad Hafizan 2019).

Pencapaian Program Huffaz Profesional UNITEN

Aspek pencapaian Program Huffaz Profesional UNITEN dapat dilihat dari dua aspek iaitu pencapaian pelajar dan pencapaian program secara keseluruhan. Pencapaian pelajar program ini tidak hanya terhad di peringkat universiti, malah sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa, yang merangkumi akademik serta pembangunan sahsiah. Graduan program Huffaz Profesional UNITEN kini berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad (TNB), anak-anak syarikat TNB dan beberapa syarikat besar di Malaysia dan Singapura

Antara pencapaian pelajar adalah pada tahun 2018, Muhammad Ashraf Musauddin (Kejuruteraan Mekanikal), pelajar tahfiz generasi pertama telah menyambung pengajian ke peringkat Sarjana *dalam Nuclear Power Plant Engineering* di *KEPCO International Nuclear Graduate School (KINGS)* dengan tajaan *Korean Government Scholarship*. Pada tahun 2019, Nurul Husna binti Zainal Abidin (Kejuruteraan Mekanikal), pelajar tahfiz UNITEN generasi ke-4, telah dinobatkan sebagai Ikon Huffaz Profesional dalam Konvensyen Huffaz Profesional Peringkat Kebangsaan.

Pada tahun 2019, Muhammad Imran Zulzamrin (Kejuruteraan Mekanikal), pelajar tahfiz UNITEN generasi ke-6 berjaya mendapat Naib Johan dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran peringkat negeri Selangor (kategori 1-30 juzuk). Pada tahun 2019, seramai 20 orang pelajar cemerlang Tahfiz UNITEN telah mengikuti Program *Tahsin Bersanad* yang diadakan selama 2 minggu di Mesir. Pada tahun 2020, seramai 5 orang pelajar tahfiz Berjaya menerima Tauliah Mengajar al-Quran dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pada tahun 2022, Ahmad Ikmal Mohd Ridhuan (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), pelajar tahfiz generasi ke-10 telah menjuarai Musabaqah Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan (kategori 1-20 juzuk). Pelajar turut menjadi Johan dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran peringkat negeri Johor pada tahun 2021 (kategori 1-20 juzuk). Pada September 2022, Muhammad Imran Zulzamrin (Kejuruteraan Mekanikal), pelajar Tahfiz UNITEN generasi ke-6 akan melanjutkan


pengajian peringkat Sarjana di *Cranfield University, United Kingdom* di bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pada tahun 2022, seramai 32 orang pelajar cemerlang Tahfiz UNITEN telah mengikuti Program *Tahsin* Bersanad yang diadakan selama 2 minggu di Mesir serta berpeluang berada di Tanah Suci selama 4 hari untuk menunaikan umrah dan 6 orang daripada pelajar terlibat telah mendapat Tauliah Mengajar al-Quran dari JAIS.

Kejayaan UNITEN dalam melaksanakan program Huffaz Profesional terbukti apabila UNITEN diberi penghargaan menerima Anugerah Institut Pengajian Tinggi (IPT) Berkolaborasi Terbaik pada Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM ke-30 yang disampaikan oleh Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Haji Idris bin Haji Ahmad. Kecemerlangan Program Huffaz Profesional UNITEN turut menarik perhatian institusi-institusi lain untuk menjadikan UNITEN sebagai penanda aras dalam pelaksanaan pengajian tahfiz di institusi masing-masing. Antara pihak yang pernah mengadakan lawatan ke UNITEN adalah Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Selangor (UNISEL), *Universiti of Cyberjaya* (UoC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Jawatankuasa TVET-Tahfiz MARA.

HALA TUJU PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL

Pemantapan Pengurusan Program Huffaz Profesional UNITEN

a. Organisasi



Rajah 3: Carta Organisasi Jawatankuasa Program Pengajian Tahfiz

Pengurusan yang cekap serta pentadbiran yang tersusun merupakan aspek terpenting kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan tahfiz (Mohd Jamalil et.al. 2017). Tanpa kerja keras pentadbir yang cekap, sesebuah institusi pendidikan tahfiz pasti sukar untuk mencapai dan mengekalkan kecemerlangan. Hal ini kerana pentadbir berperanan penting dalam memandu setiap individu yang berada di dalam organisasi meningkatkan kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan tahfiz. Di UNITEN, program Huffaz Profesional berada di bawah satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Program Pengajian Tahfiz. Jawatankuasa ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) dan dianggotai oleh semua dekan, pendaftar dan pengarah Hal Ehwal Pelajar. Jawatankuasa ini berperanan melihat pelaksanaan program Huffaz Profesional secara keseluruhan sama ada melibatkan akademik mahupun pembangunan sahsiah pelajar.

b. Hubungjalin dengan Pihak Luar

Selain daripada organisasi yang tertatur di peringkat dalaman, UNITEN telah mengorak langkah untuk menjalin hubungan dan kerjasama luar bagi memastikan kelestarian program Huffaz Profesional. Kerjasama ini lebih menjurus kepada bantuan dan sokongan kewangan dan penajaan. Bermula tahun 2012, UNITEN telah bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mendapatkan sebahagian dana wakalah dalam membiayai

pengurusan program Huffaz Profesional di UNITEN. Dana wakalah ini berterusan sehingga tahun 2022. Pada tahun 2013, UNITEN telah mengadakan MoU bersama pihak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan pihak MUIS telah menghantar para pelajar daripada Sabah untuk mengikuti program Huffaz Profesional di UNITEN. Kerjasama ini diteruskan lagi apabila MoU disambung semula pada tahun 2022. Tidak sekadar dana wakalah daripada TNB, UNITEN juga menerima dana wakalah dan kerjasama strategik daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Majlis Islam Sarawak (MIS), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Permodalan Hartanah Berhad (PHB), Tabung Haji, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), *Worldwide Holding*, dan banyak lagi syarikat korporat yang lain.

c. Pusat Kecemerlangan Tahfiz (*Tahfiz Excellent Centre* - TEC)

Melihat kepada perkembangan 10 tahun Huffaz Profesional di UNITEN dengan enrolmen pelajar menjangkau 200 orang pada satu-satu masa, sudah tiba masanya program ini mempunyai pusat atau akademi sendiri. Perkembangan program ini dilihat selari dengan perkembangan sesebuah program akademik yang lain. Jika sebuah program akan bermula daripada unit yang kecil, kemudian berkembang menjadi jabatan seterusnya menjadi sebuah fakulti, begitu jualan pelaksanaan program tahfiz di mana-mana institut pengajian tinggi. Memiliki sebuah pusat atau akademi yang menjadi tumpuan utama pelajar seperti pusat pentadbiran, kelas akademik serta pusat aktiviti pelajar merupakan satu langkah proaktif sesebuah organisasi. Ini kerana fasiliti dan prasarana yang lengkap dan kondusif merupakan salah satu faktor yang mendorong kecemerlangan sesebuah program akademik khususnya dan sesebuah institusi umumnya (Muhammad Hafizan 2019 dan Syafawati et. al 2021). Justeru, melihat kepada perkembangan program Huffaz Profesional di UNITEN, sudah tiba masanya untuk program ini mempunyai pusat atau akademi sendiri bagi memastikan program ini terus relevan sebaris dengan perkembangan pendidikan arus perdana yang lain.

Inovasi Digital PdP Tahfiz UNITEN

Pertumbuhan institusi-institusi tahfiz yang bertambah pesat di seluruh pelusuk negara ini memberi petunjuk bahawa perlunya sistem pembelajaran yang diamalkan sekarang ditambahbaik dari sudut kualiti dan pelaksanaannya (Ismail S. , 2018). Inovasi digital dari sudut PdP tahfiz UNITEN dilihat

dapat membentuk ke arah pengurusan yang lebih efektif dan berkesan. Antaranya dengan mewujudkan:

a. Pengurusan Data Pelajar Secara Digital

Inovasi Digital dalam pengurusan data pelajar adalah amat penting berdasarkan pertambahan kemasukan pelajar tahfiz UNITEN masa kini. Pengurusan data ini meliputi rekod tahfiz seperti rekod hafazan harian, rekod *murajaah*, rekod silibus hafazan, rekod tenaga pengajar, rekod penilaian pelajar, rekod kemasukan, rekod akademik dan lain-lain lagi. Sekiranya rekod-rekod ini tidak diurus dengan cekap dan berkesan, ianya boleh mendatangkan krisis maklumat dan penyalahgunaan data. Menurut Zawiyah dan Nur Hidayati 2014, pengurusan rekod mesti diutamakan seiring dengan usaha kerajaan melakukan transformasi ekonomi digital Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan mengautomasi proses kerja melalui pelaksanaan e-kerajaan dalam sektor awam. Justeru, sistem atau aplikasi yang sesuai untuk rekod pengajaran dan pembelajaran tahfiz diwujudkan atau digunapakai sebagai penyelarasan data semasa merekod kehadiran dan aktiviti pelajar. Ianya memberi kemudahan kepada pihak pengurusan mengakses dan memantau prestasi setiap pensyarah dan pelajar tanpa mengira masa dan tempat.

b. Bilik Kuliah Digital

Ruangan bilik kuliah yang selesa dan kondusif dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti sesi pembelajaran dengan baik. Faktor persekitaran merupakan faktor tertinggi mendorong minat pelajar (Yahya & Norliza, 2010), manakala menurut Ahmad Rizal et al (2005), Erma & Leong (2014) pula, penyebab utama yang mendorong kepada minat belajar dalam kalangan pelajar ialah sikap, iklim dan peranan pengajar. Bilik kuliah digital merupakan sebuah aplikasi yang menggabungkan penggunaan beberapa perkakasan *Information and Communication Technology* (ICT) seperti LCD Projector, *Screen Beam Mini2*, komputer riba dan telefon bimbit dalam urusan PdP. Selain itu, penggunaan beberapa aplikasi seperti *Cam Scanner*, *Padlet*, *Mentimeter*, *Google Doc*, *Pict Art* dan *Xodo* juga digunakan semasa tempoh PdP berlangsung. Transformasi pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi maklumat mampu memberi pembelajaran sepanjang hayat, meningkat kemahiran profesional dan berimpak tinggi kepada diri pelajar. Pelajar berupaya melakukan tugas dengan efektif, interaksi pembelajaran yang positif dan kolaborasi dalam kalangan pelajar.

Sehubungan dengan itu, bilik kuliah digital dilihat merupakan satu elemen terpenting dalam memperkasakan hala tuju PdP tahfiz di UNITEN. Kewujudan bilik kuliah digital dilihat menyokong idea menubuhkan Makmal al-Quran digital sebagai satu wadah melestarikan generasi Huffaz Profesional.

Pemerkasaan Kurikulum Program Huffaz Profesional UNITEN

Huffaz Profesional ini terbahagi kepada dua program iaitu Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN dan *Diploma in Corporate Management Tahfiz* (DCMT). Di bawah program Pensijilan Tahfiz, pelajar menjalankan program secara serentak di antara jurusan profesional yang dipilih bersama dengan tahfiz. Subjek yang ditawarkan adalah mengikut proforma yang digariskan pihak Darul Quran di mana pelajar wajib melengkapkan 60 jam kredit dalam tempoh 7 semester. Lanjutan daripada sambutan kemasukan pelajar ke program Huffaz Profesional UNITEN ini, pihak universiti daripada Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial (CES) mengambil inisiatif menawarkan program DCMT yang dikendalikan pihak UNITEN sepenuhnya dan mendapat kelulusan pengiktirafan daripada MQA pada 2019.

a. DCMT ke Arah Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda

Graduan DCMT berpeluang menyambung ijazah di UNITEN dalam program-program berikut *Economics (Energy)*, *Business Economics*, *Business Administration (Marketing)*, *Business Administration (Human Resource)*, *Business Administration (Entrepreneurship & Venture Management)* dan *International Business*. Bagi memastikan kelangsungan pelajar DCMT di peringkat ijazah, CES perlu membangunkan pengajian pengurusan korporat tahfiz ini ke peringkat ijazah. Program DCMT peringkat ijazah ini juga, boleh diikuti oleh pelajar sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

b. Penawaran Kepada Pelajar Antarabangsa

Melalui kerjasama yang termeterai di antara Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta Yayasan PENERAJU dengan menaja pelajar tahfiz di bawah program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN, ia membuktikan program Huffaz Profesional kian

mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di Malaysia, tidak kira di semenanjung atau di Sabah dan Sarawak. Maka, dengan melihat kepada perkembangan ini, program Huffaz Profesional boleh mula ditawarkan kepada pelajar antarabangsa, khususnya di Nusantara (Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand) agar mereka turut mendapat manfaat dari program ini.

Pemeriksaan Sumbangan Pelajar Huffaz Profesional UNITEN kepada Masyarakat

Pemeriksaan sumbangan para pelajar Huffaz Profesional UNITEN kepada masyarakat boleh dilihat dari 2 sudut iaitu:

a. Pelajar aktif Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN

Pelajar-pelajar program Huffaz Profesional bergerak aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan melalui Sahabat Pusat Islam UNITEN (Sahabat UIC). Antara program yang dilaksanakan adalah 'Mari Mengaji Mahasiswa' dan 'Mari Mengaji *Junior*'. Program ini disasarkan kepada pelajar-pelajar UNITEN secara umumnya serta anak-anak dari kalangan staff UNITEN. Program seperti 'Kem Ibadah Anak Soleh' (KIAS) juga telah menjadi program tahunan semasa cuti sekolah. Selain itu, pada bulan Ramadan, pelajar-pelajar tahfiz akan disaring dan dilatih untuk menjadi imam terawih sama ada di Masjid UNITEN atau mereka akan dihantar ke beberapa masjid di luar sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan. Seramai 11 orang pelajar tahfiz juga telah berjaya mendapatkan Tauliah Mengajar al-Quran Negeri Selangor, di mana ia melayakkan mereka mengajar al-Quran di masjid atau surau di sekitar Selangor setelah mengikuti program *Tahsin* Bersanad Bacaan al-Quran di Mesir pada tahun 2019 dan 2022. Ini merupakan satu pencapaian modal insan bagi pelajar Huffaz Profesional UNITEN dalam sumbangan kepada masyarakat. Bagi memperkasakan lagi sumbangan pelajar tahfiz kepada masyarakat, Unit Tahfiz di bawah UIC perlu lebih dekat memantau dan menggilap bakat pelajar tahfiz dengan membangunkan program perkaderan pelajar Huffaz Profesional di mana mereka ini boleh meneruskan sumbangan mereka bukan sekadar di universiti, malah di alam pekerjaan nanti.

b. Taburan Alumni Huffaz Profesional

Pada setiap tahun, Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) telah membelanjakan jutaan ringgit menaja pelajar program Huffaz Profesional. TNB juga telah menyalurkan hasil kutipan wakalah TNB

pada setiap tahun kepada program Huffaz Profesional UNITEB. Selain itu, Dana Wakaf Ilmu UNITEN (DWI) turut mempromosikan beberapa produk waqaf, antaranya adalah al-Quran Waqaf UNITEN, di mana setiap pelajar yang mendaftar ke program Huffaz Profesional akan diberikan al-Quran Waqaf secara percuma. Kelangsungan program Huffaz Profesional UNITEN yang memerlukan kepada jumlah dana yang besar memerlukan jalinan ikatan yang erat dengan para alumni yang kini menghampiri angka 400 orang, menerusi sumbangan mereka kepada TAZU dan juga DWI melalui Skim Potongan Gaji (SPG) atau membayar zakat pendapatan ke TAZU.

Pemeriksaan Tenaga Pengajar Program Huffaz Profesional UNITEN

a. Persediaan Kemahiran Pedagogi

Profesion sebagai tenaga pengajar pastinya memerlukan persediaan dan kemahiran yang secukupnya. Ia bukan sekadar memiliki dan menguasai ilmu pengetahuan terhadap bidang yang diajar, tetapi perlu memastikan ilmu yang disampaikan boleh diterima dengan sebaiknya. Bahkan, ajaran yang disampaikan mampu memberi kesan secara langsung mahupun tidak langsung. Justeru itu, ilmu dan kemahiran mengajar atau lebih dikenali dengan pedagogi menjadi salah satu kemestian yang harus dimiliki oleh setiap tenaga pengajar termasuklah dalam bidang hafazan. Oleh yang demikian, antara penekanan dalam aspek pengajaran, keperluan terhadap para tenaga pengajar untuk memiliki kemahiran yang sesuai dan relevan melalui kursus dan latihan formal secara berterusan yang dikendalikan oleh tenaga pakar dalam bidang pendidikan.

b. Penguasaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi

Muhammad Zulhimi Haron (2020) menyatakan guru mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berteknologi dalam meningkatkan minat murid dan mempunyai keupayaan dalam menggunakan BBM berteknologi pada tahap yang tinggi. Namun kemahiran, kekerapan dan penggunaan BBM terkini dan sesuai dengan keperluan murid masih berada pada tahap sederhana. Justeru, seiring dengan perkembangan dan tuntutan semasa, bahan bantu mengajar dalam PdP matapelajaran tahfiz juga perlu berteraskan teknologi terkini. Antaranya, keperluan membangunkan aplikasi untuk pengulangan al-Quran, permainan (*game*) kalimah atau ayat-ayat al-Quran termasuklah yang berkaitan dengan pemahaman ayat-ayat al-Quran. Selain

menjadi perangsang minat kepada pelajar, BBM berteknologi ini dilihat sejajar dengan tuntutan Revolusi Industri 5.0 yang lebih menekankan aspek teknologi digital.

c. Penyelidikan berteraskan Pembangunan Pendidikan al-Quran

Perkembangan penyelidikan ilmu-ilmu al-Quran telah lama berjalan. Para ilmuan gigih mengeluarkan kajian-kajian yang secara terbukti sangat penting bagi rujukan dan panduan khususnya dalam bidang yang terkait dengan al-Quran. Sebagaimana yang diketahui, kajian-kajian bidang al-Quran tidak hanya tertumpu kepada ilmu tafsir, qiraat dan tajwid sahaja, namun kajian terhadap bidang pendidikan al-Quran juga sangat diperlukan agar perkembangan ilmu al-Quran terus berjalan dan diterima baik serta sesuai dengan tuntutan zaman.

Oleh yang demikian, sebagai salah sebuah antara institusi yang terbaik dalam bidang profesional apatah lagi ada menawarkan pengajian Huffaz Profesional, pemerkasaan penyelidikan termasuklah bidang pendidikan al-Quran mestilah menjadi salah satu tumpuan utama di peringkat universiti. Antara usaha yang wajar dilaksanakan ialah dengan menawarkan geran-geran penyelidikan khusus dalam pengkajian bidang al-Quran yang kajiannya tertumpu kepada pengintegrasian antara kajian bidang profesional dan bidang al-Quran. Dengan itu, UNITEN mampu menjadi pengkalan dan induk kepada kajian ilmiah yang dikemukakan kepada masyarakat awam melalui pelbagai saluran dan inisiatif. Antara bidang kajian yang boleh difokuskan adalah inovasi pengajian al-Quran, kajian bidang al-Quran secara bersepadu, pengajian al-Quran berasaskan teknologi dan sebagainya. Selain itu juga, bagi merealisasikan hala tuju aspek penyelidikan ini, kolaborasi penyelidikan antara UNITEN khususnya Huffaz Profesional dengan pihak luar perlu diperluaskan sama ada dengan institusi dalam mahupun luar negara.

d. Sumbangan kepada Masyarakat

Tidak hanya pengukuhan ilmu berteraskan al-Quran di dalam kampus sahaja, UNITEN melalui Huffaz Profesional ini akan mengorak langkah memperluas pengajian hafazan al-Quran kepada masyarakat secara lebih meluas. Antaranya melalui kelas-kelas pengajian al-Quran yang juga boleh dilaksanakan berasaskan teknologi. Selain itu, penganjuran seminar dan persidangan berdasarkan dengan kajian yang telah dilaksanakan juga sebagai satu sumbangan besar kepada masyarakat agar

hasil dan dapatan kajian dapat memberi manfaat yang lebih meluas. Antara program yang sesuai dianjurkan untuk masyarakat awam seperti seminar, wacana, forum, ceramah melalui jalinan hubungan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Penganjuran program-program ini tidaklah hanya tertumpu di masjid atau surau sahaja, namun perlu meneroka ruang yang lebih luas antaranya badan-badan korporat mahupun badan bukan kerajaan (NGO).

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dapat disimpulkan bahawa perkembangan dan pencapaian program Huffaz Profesional UNITEN berada di landasan yang tepat ke arah mencapai hala tuju yang telah dijelaskan. Pemerksaan program melalui pemantapan pengurusan program, inovasi digital PdP tahfiz, pemerksaan pembangunan kurikulum, pemerksaan sumbangan pelajar tahfiz kepada masyarakat dan pemerksaan tenaga pengajar tahfiz dilihat sebagai satu strategi yang praktikal dan mampu mencorak khususnya dunia pendidikan tahfiz di Malaysia dan global. Kerjasama dan penglibatan semua pihak yang berkepentingan adalah diharapkan bagi merealisasikan hala tuju yang disasarkan.

RUJUKAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746455/sasaran-125000-golongan-huffaz-profesional-tahun-2050>. (Disiar pada 24 Ogos 2021).

Abdullah Hussen, Amaluddin Arshad & Siti Salma Mohamad Shokri. 2022. Huffaz sebagai Aset Modal Insan: Pelaksanaan Strategi di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Jurnal 'Ulwan*, ISSN: 2504-8511; E-ISSN: 2600-7843, Jilid 7 (Bil. 2) 2022: 66-77.

Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd. Faiz Abd. Shakor. 2020. *Dasar Pemerksaan Insitusi Tahfiz di Malaysia*. The 3rd International Conference of Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Cetakan Pertama, JAKIM.

Kod Amalan Akreditasi Program. 2010. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA). Selangor.

- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Nor Hafizi Yusof. 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Vol 15 No 1 (2017). UNISZA. <https://doi.org/10.37231/jimk.2017.15.1.220>
- Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2019. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Ahmad. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. 2017. *Matlamat dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*. Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid, Mohd Taufik Abu Hasan, Abdul Aziz Mat Isa. 2021. *Peranan Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Tahfiz*. E-proceeding 1st International e-Conference Of Ulul Albab (e-ICUA) . Pusat Ulul Albab UPSI. 218-224.
- Yaacob Yusoff. (2017). *Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Rashidah Abd Razak 2020, *Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor*. *Islāmiyyāt 42 Isu Khas*, 101 – 106
- Muhammad Zulhimi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh. (2020). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)*, *Jurnal al-Hikmah 2020*, 13.
- Fatin Izati Mohd Taher. (2021). *Pendidikan Digital Era RI 4.0 dalam Pendidikan Islam*. International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference 6th APRIL 2021
- Zawiyah M Yusof & Nur Hidayati Mohammad. 2014. *Rangka Kerja Pengurusan Rekod Elektronik Pelajar Kolej Vokasional Di Malaysia*. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik Vol. 3 No. 2*, December 2014: 27 – 46 e-ISSN: 2289-2192

**KONSEP PEMAKANAN PINTAR HOLISTIK DALAM AL-QURAN:
SOROTAN MENURUT PANDANGAN IBNU SINA**

Ainoor Mahfuzah Binti Ahmad

Haslina binti Abdullah@Mohamed

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang konsep pemakanan pintar dalam al-Quran dari aspek bahan makanan, ciri dan impak pemakanan yang dikombinasikan bersama konsep pemakanan Ibnu Sina di dalam Kitab Qanun Fi at-Tib. Perkataan pintar merujuk kepada sumber rujukan keilmuan utama konsep tersebut iaitu al-Quran yang merupakan pintu hikmah, kebijaksanaan dan panduan manusia. Kajian ini dilakukan memandangkan, dewasa ini antara faktor utama tahap kesihatan manusia di dunia terjejas adalah disebabkan pengambilan pemakanan yang tidak bertepatan dari sudut nutrisi dan juga disiplin pemakanan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan mengariskan konsep pemakanan pintar dan juga menyeluruh yang disarankan al-Quran dan teori saintifik dari ilmuan Islam hebat Ibnu Sina. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif berasaskan kepustakaan yang melibatkan pengumpulan data serta penganalisan data utama iaitu al-Quran dan Kitab Qanun Fi at-Tib sebagai sumber premier. Manakala sumber sekunder merupakan karya dan artikel yang membincangkan konsep pemakanan dari Kitab Qanun Fi At-Tib karangan Ibnu Sina. Kajian ini akhirnya akan mewujudkan garis panduan holistik konsep makanan pintar menurut al-Quran dan Ibnu Sina.

Kata kunci: *Pemakanan Pintar, Pemakanan Holistik, Pemakanan al-Quran*

PENGENALAN

Islam menitikberatkan pembangunan masyarakat yang holistik sebagaimana ketinggian agama itu sendiri yang bersifat sempurna dan syumul. Kesempurnaan pembinaan jati diri manusia menurut kaca mata Islam bukan pada kesihatan jasmani sahaja, bahkan keutamaan dilihat dari aspek kesihatan rohani yang menggabungkan jasad, roh dan akal membentuk tahap kesediaan (*readiness*) terhadap kehidupan dan kepelbagaian potensi ke arah kemajuan serta kemuliaan (Mohd Nasir Masroom,2013). Pepatah arab ada menyebut “*al-‘aqlu al-salim fi jismi al-salim*” bermaksud akal yang sihat terdapat pada fizikal yang sihat menunjukkan kesepaduan dua unsur utama fizikal dan spiritual dalam pembangunan modal insan holistik (Ibn Sina,1985; Wan Suhaimi Wan Abdullah,2013). Tidak dapat tidak, dalam usaha melahirkan manusia yang sihat jasmani dan rohani, aspek penjagaan pemakanan memainkan peranan yang utama. Malah Allah SWT menyatakan bahawa penjagaan pemakanan juga adalah salah satu cabang ibadah sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya.

[Surah al-Baqarah 2:172]

Hamka (1983) mentafsirkan ayat di atas sebagai dalil yang menunjukkan makanan sangat berpengaruh kepada kehidupan manusia yang turut disepakati Sayyid Qutb (2004) bahawa makanan mempengaruhi prestasi manusia dalam beribadah kepada Allah.

Latar Belakang Dan Permasalahan Kajian

Dunia semakin maju ke hadapan serentak revolusi industri 4.0 yang mencambahkan perlumbaan kepintaran teknologi dan perebutan peluang. Kajian ini diinspirasi daripada konsep kehidupan pintar yang semakin mendominasi corak perkembangan ketamadunan manusia. Kemanusiaan

dikenyangkan dengan elemen-elemen luaran kemudahan gaya hidup teknologi seperti telefon pintar (*Smart Phone*), rumah pintar (*Smart home*), kampus Pintar (*Smart Campus*) bahkan kepintaran buatan (*Artificial Intelligent*) yang dikhuatiri akan menyebabkan nilai kemanusiaan mati sebelum kematian manusia yang sebenar. Namun, elemen-elemen ini bersifat sementara dan fleksibel mengikut peredaran masa dan zaman tidak sebagaimana elemen dalaman jati diri manusia yang *thabat* bersifat tetap sejak kewujudan Nabi Adam a.s. hingga akhir zaman.

Lantaran kelajuan teknologi, persekitaran kehidupan turut bergerak pantas termasuk budaya pemakanan hingga tercipta lambakan makanan segera (*fast food*) mengambil tempat dalam jadual diet manusia (Lowerberg Todhunter, 1998). Sebagaimana kurangnya masa penyediaan makanan segera, maka sebegitulah kurangnya nilai nutrisi makanan tersebut (Che Wan Jasimah, 2009). Hal ini mengheret dunia kepada taraf kesihatan manusia yang merundum akibat penjagaan pemakanan yang semakin diabaikan. Malah, Malaysia telah menjadi negara paling obes di Asia Tenggara (Majalah Sains, 2018). Rentetan itu, kajian ini ingin mengenengahkan salah satu pemerksaan elemen dalaman utama manusia iaitu konsep pemakanan pintar anjuran Islam yang termaktub di dalam al-Quran lebih 1400 tahun yang lalu. Ilmu sains al-Quran seperti ini perlu diterjemahkan untuk manfaat kehidupan manusia. Ibnu Sina adalah tokoh ilmuan Islam yang mempelopori pemikiran saintifik tauhidik dengan menghubungkan titik temu antara kajian saintifik ilmu sains (*aqli*) dengan ilmu wahyu (*naqli*) turut membahaskan teori sains pemakanan kesihatan.

Selain itu, dewasa ini masyarakat dihadang dengan pelbagai versi konsep dan jadual diet pemakanan yang dikatakan membantu penurunan berat badan tanpa mengabaikan tahap kesihatan. Permasalahannya, bukan semua konsep diet pemakanan ini bersesuaian dan bertepatan dengan disiplin ilmu kesihatan dan juga kepatuhan terhadap saranan pemakanan di dalam al-Quran. Islam melihat aspek ini dari sudut keutamaan faktor pengambilan pemakanan dengan membahagikan kepada tiga iaitu hukum wajib ketika bertujuan untuk mengelakkan kemudaratan pada diri, sunat ketika menemani tetamu yang makan bersendirian dan sanggup berlapar apabila bertandang atau bertamu ke rumah orang dan harus hukumnya apabila tiada tujuan-tujuan tersebut (Al-Razi, 1985).

Pemakanan kesihatan yang dimaksudkan merangkumi semua aspek bermula dari bahan makanan, cara makan dan impak pemakanan sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran dan al-hadis. Kenapa pemakanan penting? Pepatah Inggeris ada menyebut '*We Are What We Eat*' bermaksud kita adalah apa yang kita makan. Makanan yang dimakan akan menjadi darah dan mempengaruhi tindakbalas otak serta seluruh anggota badan (Benton & Parker, 2008; Rodriguez, 2009; Mohd Amiruddin Kamarulzaidi et. al, 2011; Noorsyarzielah, 2013; The Franklin Institute, 2014). Malah, Allah SWT meletakkan makan dan pemakanan sebagai skop penting di dalam al-Quran dengan menyebut ayat berkaitan pemakanan sebanyak 41 kali (*The Information Retrieval Special Interest Group*, 2011) dan meletakkan salah satu nama surah al-Quran dengan nama *al-Maidah* bermaksud hidangan.

Objektif Kajian

- 1.1 Mengenalpasti **bahan dan impak makanan** yang disebut di dalam **al-Quran**.
- 1.2 Mengenalpasti **konsep pemakanan kesihatan** dalam **kajian Ibnu Sina**.
- 1.3 Mendefinisikan **konsep makanan pintar holistik** berdasarkan al-Quran dan kajian Ibnu Sina.

Kajian Literatur

Kajian Literatur membincangkan kajian-kajian yang telah dilaksana berhampiran dengan tajuk kajian ini namun dengan konteks dan perspektif berbeza. Pengkaji membahagikan sub-tajuk ini kepada empat sub-tema dari tajuk iaitu konsep pemakanan kesihatan, konsep kehidupan pintar, holistik dan al-Quran serta manifestasi kajian Ibnu Sina. Jurang penyelidikan dikupas bagi setiap sub-tema beserta bantuan interpretasi rajah.


Konsep Pemakanan Kesihatan

Pemakanan memberi impak kepada tumbesaran manusia dengan memenuhi keperluan perubahan fisiologi, aktiviti, keperluan nutrien, pencegahan penyakit, faktor sosio ekonomi, psikologi, sosial dan juga budaya yang mempengaruhi pemilihan dan pengambilan makanan (Pelan Pemakanan Kanak-Kanak, 2018). Menurut Mohd. Anuar Ramli (2016), budaya makan dan konsep pemakanan

adalah bersifat relatif. Aspek keilmuan, budaya, agama, cara hidup, perkembangan sains dan juga dasar negara membentuk cara atau konsep pemakanan individu.

Status kesihatan individu berkait rapat dengan tabiat pemakanan seharian. Kajian yang dilaksanakan Lim Ching Ju et. al (2010) membuktikan sinergi antara kesihatan dan corak pemakanan penting sehinggakan seseorang yang berpenyakit disebabkan kegagalan pengambilan pemakanan disarankan menjalani sesi kaunseling pemakanan bagi membantu pesakit membina dan memelihara tabiat pemakanan yang sihat.

Roshaimizam Suhaimi (2009), dalam konteks pemakanan kesihatan, al-Quran dan Rasulullah SAW menganjurkan kehidupan dengan mengamalkan pemakanan yang sihat serta melarang sesuatu yang boleh membawa kebinasaan kepada tubuh badan seperti pengambilan arak, dadah, rokok dan lain-lain lagi. Manakala makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, madu, susu unta, air zam-zam pula digalakkan untuk pemakanan yang berkhasiat.



Rajah 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan makanan dan corak amalan pengambilan makanan (Che Wan Jasimah, 2009)

Che Wan Jasimah (2009) menyenaraikan faktor yang mempengaruhi pengambilan makanan manusia yang memberi gambaran kepada pengkaji bahawa konsep pemakanan manusia boleh diubah dan ditambahbaik bertitik tolak daripada pengaruh faktor cara hidup, persekitaran dan corak pemikiran. Dapatan kajian tersebut memberikan ruang kepada pengkaji untuk mencetus satu aliran pemakanan yang berlandaskan al-Quran dan teori saintifik Ibnu Sina sebagai landasan konsep pemakanan kesihatan yang holistik.

Konsep Kehidupan Pintar

Islam agama penuh hikmah yang tetap dalam perkara usul atau asas, namun tidak menolak kemajuan dunia dengan nilai fleksibel (*murunah*) terhadap perkara-perkara *furu'* yang banyak melibatkan perkembangan semasa dan perubahan dimensi kehidupan manusia (al-Qaradawi, 2000). Hikmah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) membawa maksud kebijaksanaan dari Allah atau kecerdikan. Al-Quran sebagai sumber hikmah menyebut lafaz hikmah sebanyak 18 kali dalam memartabatkan nilai kepintaran dan kebijaksanaan (Ahmad Nurrohim, 2019).

Nilai kepintaran yang disebutkan di dalam al-Quran turut diterjemahkan dalam kajian ini dengan adaptasi istilah pintar dari konsep pengurusan "*SMART*" dicipta oleh Peter F. Drucker (1955). Sejak itu, matlamat *SMART* menjadi popular dalam kalangan pengurus perniagaan, pendidik dan lain-lain. Manakala di Malaysia, konsep *SMART* telah dipelopori dalam pelbagai inisiatif pembangunan negara sebagai contoh *Smart City*, *Smart Campus*, *Smart Community* dan sebagainya dengan tujuan sebagai salah satu pendekatan menyelesaikan isu urbanisasi dan meningkatkan kualiti hidup (Nor Sallehi, 2018).

PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DI MALAYSIA				
KUALA LUMPUR	PUTRAJAYA	ISKANDAR MALAYSIA	SELANGOR	CYBERJAYA
 <p>Greater Kuala Lumpur, Malaysia: Launchpad to Southeast Asia</p>	 <p>A Smart Putrajaya Initiative by MCMC</p>	 <p>SMART CITY</p>	 <p>SMART SELANGOR</p>	 <p>CYBERJAYA SMART LOW CARBON CITY</p>
<ol style="list-style-type: none"> 1. EPP 1: World's firms 2. EPP 2: Talent 3. EPP 3: HSR system 4. EPP 4: Integrated MRT 5. EPP 5: Revitalising River 6. EPP 6: Greening KL / KV 7. EPP 7: Iconic places attractions 8. EPP 8: Comprehensive pedestrian network 9. EPP 9: Solid waste management 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Smart Transportation & Mobility 2. Smart Home & Environment 3. Smart Governance 4. Smart Infrastructure & Utilities 5. Smart Safety & Security 6. Smart Economy 7. Smart Community 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Smart Economy 2. Smart Governance 3. Smart Environment 4. Smart Mobility 5. Smart People 6. Smart Living 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Smart Governance 2. Smart Digital Infra 3. Smart Mobility 4. Smart Waste 5. Smart Healthcare 6. Smart Education 7. Smart Water Smart 8. Energy & Utility 9. Smart Food & Agro 10. Smart Safety & Security 11. Smart Building 12. Smart Disaster 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dua Belas (12) inisiatif Smart Selangor 2. Penyertaan & penglibatan komuniti 3. Menyokong empat (4) elemen di dalam Low Carbon City Framework & Assessment System (LCCF).

Rajah 2: Plan Pembangunan Bandar Pintar Malaysia 2018-2025
(Kertas Kerja Plan Malaysia Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Kementerian Wilayah Persekutuan, 2018)

Merujuk kepada Rajah 2, perancangan pembangunan negara pintar Malaysia mencakupi semua aspek utama kehidupan masyarakat namun kajian ini memberi perhatian khusus kepada keperluan perincian terhadap aspek pemakanan pintar (*Smart Nutrition*) yang melengkapai penjagaan kesihatan pintar (*Smart Healthcare*) dan makanan pintar (*Smart Food*).

Pembudayaan konsep pemakanan pintar kepada masyarakat dilihat pengkaji sebagai salah satu pemangkin kejayaan pelan pembangunan ini. Pengkaji memformulasikan konsep pemakanan pintar daripada transkrip sumber hikmah dan kebijaksanaan yang paling sempurna iaitu al-Quran dan digabungkan dengan kajian tokoh ilmuan hebat dunia sains, Ibnu Sina.

Holistik dan Al-Quran

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) mendefinisikan holistik sebagai sesuatu yang bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar

menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja. Dari perspektif istilah Bahasa Melayu dalam Kamus Dewan pula menyatakan penggunaan terapi penyembuhan holistik bermaksud terapi tidak invasif yang digunakan untuk merangsang penyembuhan individu secara keseluruhan dengan menyatukan badan, minda dan kerohanian. Ini bertepatan dengan cara hidup anjuran al-Quran yang sentiasa relevan mengatur keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat, jasmani dan rohani. Manakala, menurut Lee (1997) konsep holisme berasal dari perkataan Yunani “*holon*” bermaksud melihat alam semesta terdiri daripada unsur yang bersepadu secara keseluruhan dan tidak dapat dipisahkan antaranya. Paradigma holistik muncul sebagai gerakan intelektual yang cergas dan koheren dengan kesempurnaan pembangunan manusia bermula tahun 1980-an (Sirous Mahmoudi, 2012).


Di dalam al-Quran proses merealisasikan tuntutan Ilahi untuk melahirkan umat terbaik dan adil (*Ummatan Wasatan*) menggunakan pendekatan bersepadu melibatkan akal (*‘aqliyyah*), ruh (*ruhiyyah*), emosi (*‘atifiyyah*), jasmani (*jasmaniyyah*), sosial (*ijtimaa`iyyah*) dan peradaban (*hadhariyyah*) yang menuju pembinaan peradaban holistik berteraskan ilmu wahyu yang menjanjikan kejayaan dunia akhirat untuk seluruh manusia (Mohd Kamal Hassan, 2016; Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018). Bahkan, Allah SWT menyeru manusia mengamalkan Islam secara holistik (menyeluruh) sebagaimana dalam firman-Nya Surah al-Baqarah, ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.”

[Surah al-Baqarah 2:208]

Konsep holistik yang dianjurkan ayat ini menurut Ibnu Kathir adalah bersifat menyeluruh dengan mentaati perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.



Rajah 3: Adaptasi Ciri-ciri Holistik Dalam Al-Quran

(Mohd Kamal Hassan, 2016 ; Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018)

Ciri holistik yang dinyatakan dalam Rajah 3 menggambarkan maksud keseluruhan yang disebut di dalam al-Quran. Hal ini disokong oleh Imam Al-Ghazali yang membincangkan mengenai insan holistik dan komprehensif merupakan insan yang berjaya secara bersepadu dalam dua aspek penting kehidupan manusia iaitu pembangunan spiritual dan pembangunan jasmani. Kedua-dua komponen penting ini tidak boleh terpisah kerana ia melibatkan aspek pembangunan insan yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain bagi melahirkan seorang insan yang bersifat sempurna atau kamil (Muhammad Zulazizi Mohd Naw, 2018).

Manifestasi Kajian Ibnu Sina

Mengapa perkataan manifestasi digunakan? Berdasarkan Kamus Dewan (2017) manifestasi bermaksud perbuatan atau ucapan atau tulisan yang memperlihatkan (menjadikan nyata) sesuatu; perbuatan melahirkan, menjelaskan, atau menyatakan sesuatu. Penggunaan perkataan ini menjelaskan hasrat pengkaji untuk menterjemahkan konsep pemakanan kesihatan menurut kajian dan karya saintis hebat Islam, Ibnu Sina untuk diamalkan dan mudah dipraktikkan oleh umat Islam.

Ibnu Sina digelar “*al-Shaikh al-Ra'is*” dan “*Hujjat al-Haqq*” merupakan saintis yang mempelopori pelbagai bidang sains, ahli falsafah muslim yang mementingkan persoalan falsafah kehidupan manusia juga menitikberatkan pembangunan insan, terutama dalam konteks melahirkan individu dan seterusnya masyarakat yang berkualiti (Seyyed Hossein Nasr, 1964 ; Wan Suhaimi,

2013 ; Syah Reza, 2014). Antara karya termasyhur Ibnu Sina hingga kini ialah *Canon of Medicine* (*al-Qanun fi al-tibb*) yang merupakan karya terhebat perubatan Islam sehingga mampu mempengaruhi dunia keilmuan Barat. Naskah itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan dijadikan silibus pengajaran di universiti-universiti Barat dan Eropah. Selain itu, *Kitab al-Shifa'* hasil nukilan beliau juga mengandungi aspek pemikiran beliau dalam lapangan falsafah, ilmu logik, matematik dan sains alam.

Satu aspek pemikiran Ibnu Sina tentang perubatan ialah beliau amat menekankan kepentingan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. perkara penting yang telah dikemukakan Ibn Sina adalah kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan keseimbangan (*mizaan*) sebagai jalan terbaik bagi langkah penjagaan kesihatan (Roshaimizam, 2009).



Rajah 3: Adaptasi Konsep Pemikiran Ibnu Sina Tentang Perubatan dan Kesihatan
(Roshaimizam,2009)

Konsep pemakanan kesihatan dalam Islam diterjemahkan oleh Rajah 3 menerusi langkah penjagaan dan pencegahan kesihatan. Kajian ini menelusuri pendekatan konsep pemakanan kesihatan dari perspektif kajian Ibnu Sina dan diperkukuhkan dengan dalil dari al-Quran.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen dalam metodologi pengumpulan data (Muhammed Suffian, 2014 ; Jamielatun Nur Raihan Jamani, 2017).

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang asli sedia ada yang merupakan sumber primer. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Sumber primer bagi kajian ini adalah al-Quran manakala sumber sekunder adalah *Kitab al-Qanun Fit Tibb* karangan Ibnu Sina. Manakala sumber sekunder merupakan karya dan artikel yang membincangkan konsep pemakanan dari Kitab Qanun Fi At-Tib karangan Ibnu Sina.

Fungsi pengumpulan data adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji untuk proses analisis dokumen dan analisis isi. (Mohd Shaffie,1991). Data kualitatif terbahagi kepada tiga jenis iaitu pertama, melalui pemerhatian yang merupakan huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Kedua melalui temu bual langsung bagi mendapatkan maklumat langsung berdasarkan pernyataan seseorang tentang pengalaman, keyakinan, dan pemikiran melalui temu bual mendalam. Manakala ketiga, melalui penulisan iaitu petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan dokumentasi kes sejarah (Patton, 1990). Penyelidikan ini memfokuskan kajian terhadap dokumen utama kajian iaitu al-Quran dan Kitab *Qanun Fi at-Tib* oleh Ibnu Sina dalam membahaskan konsep pemakanan pintar holistik. Sehubungan itu, Kamarul Azmi Jasmi (2018) menyifatkan nota lapangan atau diari catatan pengkaji juga merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja di lapangan yang dijalankan dalam kajian ini.

Hasil Jangkaan

Kajian ini diharap dapat mewujudkan garis panduan konsep pemakanan pintar holistik berdasarkan al-Quran dan Ibnu Sina. Konsep yang bersepadu terhasil dari dua disiplin ilmu iaitu ilmu ‘naqli (wahyu) dan ilmu ‘aqli (kebijaksanaan akal manusia) sebagaimana sinopsis kajian dalam rajah di bawah:

PERMASALAHAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	SKOP KAJIAN	SUMBER KAJIAN	METOD KAJIAN	HASIL KAJIAN
1. Budaya pemakanan masyarakat menjejaskan tahap kesihatan 2. Keraguan konsep diet pemakanan yang pelbagai dalam norma masyarakat.	1. Mengkaji konsep pemakanan pintar menurut al-Quran dan Ibnu Sina 1. Menghasilkan garis panduan konsep pemakanan pintar menurut al-Quran dan Ibnu Sina	1. Bahan makanan 2. Ciri/Tatacara Makan 3. Impak pemakanan	PREMIER : 1. Al-Quran 2. Kitab Qanun Fi at-Tib karangan Ibnu Sina SEKUNDER : Karya dan artikel yang membincangkan konsep pemakanan dari Kitab Qanun Fi At-Tib karangan Ibnu Sina	KUALITATIF 1. Kajian Kepustakaan 2. Analisis Dokumen	Garis panduan holistik konsep makanan pintar menurut al-Quran dan Ibnu Sina.

Rajah 4: Sinopsis cadangan kerangka kajian ini

RUJUKAN

- Ahmad Nurrohim & Ihsan Nursidik. 2019. *Hikmah Dalam Al-Qur'an: Studi Tematik Terhadap Tafsir Al-Mizān*. Profetika, Jurnal Studi Islam. Vol. 20. No. 2. Hlm. 179-189
- Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad Ibn 'Umar. 1985. *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. 16 jilid. Beirut : Dar al-Fikr
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Fatawa Mu`asirah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Benton, D. & Parker, P.Y. (2008). *Breakfast, Blood Glucose and Cognition*. American Society for Clinical Nutrition. University of Mississippi: Thesis
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. 2009. *Budaya Pemakanan Masyarakat Malaysia Dari Perspektif Agama, Polisi, Sains Dan Teknologi Dengan Rujukan Khusus Kepada Pengaruh Islam Dalam Penghasilan Makanan*. Jabatan Pengajian Sains Dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya. Disertasi.
- Jamielatun Nur Raihan Jamani & Fadlan Mohd Othman. 2017. Kajian Takhrij Hadith Pascasiswazah di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal al-Turath*. Vol. 2, No. 2. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka. 1983. *Tafsir Al-Azhar*. Hlm : 313. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibn Sina, 'Kitab al-Siyasah', ed. L. Malouf, dalam L. Cheikho et. al. 1985. Maqalat Falsafiyah li Mashahir Falasifah al-'Arab Muslimin wa Nasara, Kaherah: Dar al-'Arab li al-Bustani, Cetakan ketiga.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2018. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diambil dari <https://www.researchgate.net/publication/293097563>

- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2017. Diambil dari laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP <https://prpm.dbp.gov.my>
- Lee, K. D. (1997). *Toward a philosophical frame work for Holism in education*. Dissertation, USA: University of Arizona.
- Lim Ching Ju, Suzana Shahar, Hanis Mastura Yahya, Teh Sin Ching, Nor Shazwani Mohd Nor, Lim Hwa Chuo, Mohd Fauzee Mohd Zaki, Dahlia Salehuddin & Norliza Mukhsan. 2010. *Tahap Pengetahuan Pemakanan dan Kesedaran Kesihatan di Kalangan Pesakit Diabetes Mellitus di Klinik Kesihatan, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia*. Sains Malaysiana. 39(3) Hlm. 505–511
- Lowerberg Todhunter, Wilson. 1998. *Food and Man*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Majalah Sains. 2018. Restoran Makanan Segera Patutkah Dibuka Lebih Banyak Cawangan? Diambil dari <https://www.majalahsains.com/restoran-makanan-segera-patutkah-dibuka-lebih-banyak-cawangan/>
- Mohd. Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2016. *Budaya Makanan Dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam*. Diambil dari <https://www.researchgate.net/publication/301215159>
- Mohd. Kamal Hassan. 2016. *Pendidikan Islam Syumul Sebagai Penyelamat Umat dan Peradaban Manusia Masa Kini*. Kertas dibentang oleh Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan Penasihat GaPIM, pada perasmian GaPIM, pada 6 Rabi` al-Akhir 1437/16 Januari 2016)
- Mohd Nasir Masroom. 2013. Hakikat Kejadian Manusia Dan Kaitannya Dengan Kesihatan Jiwa. 3rd International Conference on Islamic Education 2013. Kajang: Assosiation of Islamic Education Scholars.
- Mohd Shaffie. 1991. *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. 2018. *Sosiologi Islam Pemangkin Pembangunan Insan Holistik*. Diambil dari <https://www.researchgate.net/publication/329443349>
- Muhammed Suffian Abd Aziz. 2014. *Aplikasi Takhrij dalam Latihan Ilmiah Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Pada Tahun 2010*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Amiruddin Kamarulzaidi, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Mohamad Khairul Azali Sahak & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2011). *The Islamic and Science Perspective on The Positive Effects of Honey on Cognitive Functions*. International Conference on Traditional Medicine. (29-30 November 2011). Hlm. 385-397

- Nasr, Seyyed Hossein. 1964. *Three Muslim sages: Avicenna, Suhrawardi, Ibn 'Arabi*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Noorsyarzielah Binti Saleh. 2013. *Kesedaran Terhadap Amalan Pemakanan Seimbang Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau, Melaka: Satu Tinjauan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis
- Nor Sallehi Kassim. 2018. *Kertas Kerja Ke Arah Pembangunan Bandar Pintar Malaysia*. Plan Pembangunan Bandar Pintar Malaysia Malaysia Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Peter F. Drucker. 1955. (Reviewed 2014) *Setting SMART Objectives Checklist 231*. Chartered Management Institute Management House, Cottingham Road, Corby, United Kingdom.
- Plan Pemakanan Kanak-Kanak. 2018. *Pemakanan Kanak-Kanak*. Diambil dari https://www.academia.edu/36882088/Pemakanan_Kanak-kanak_Plan_Pemakanan_Kanak-kanak
- Roshaimizam Suhaimi & Jasni Sulong. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina. *Esteem Academic Journal* Vol. 5, No. 2, 201-213, 2009
- Rodriguez, D. 2009. *Get a memory boost from food*, Diambil dari <http://www.everydayhealth.com/healthy-living/food-and-your-memory>. Aspx
- Roshaimizam Suhaimi. 2009. *Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibnu Sina*. Esteem Academic Journal. Vol.5. No.2. Hlm. 201-213
- Sayyid Qutb. 2004. *Tafsir fi Zhilalil Quran*. Jilid I. Hlm : 278. Jakarta: Gema Insani.
- Sirous Mahmoudi, Ebrahim Jafari, Hasan Ali Nasrabadi, Mohmmmd Javad Liaghatdar. 2012. *Holistic Education: An Approach for 21 Century*. International Education Studies Vol.5. No.3.
- Syah Reza. 2014. Konsep Nafs Menurut Ibnu Sina. *Jurnal Kalimah*. Vol. 12. No. 2. September 2014
- The Franklin Institute. (2014). *The free radical – an oxidant waiting to happen*. Diambil dari <http://www.fi.edu/learn/brain/micro.html#freeradical>.
- The Information Retrieval Special Interest Group of Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM. 2011. *Ayat Berkaitan Pemakanan Dalam Al-Quran*. Diakses dari <https://sigir.uitm.edu.my/svsi/dapatQH3.php?akar=Q089019&mula=0&pmula=1>
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2013. *Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab al-Siyash*. Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilization (CASIS). UTM KL.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2018. *Bayan Linnas Siri Ke-136 Mafhum Wasatiyyah Dan Ummatan Wasatan*. Laman Web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diambil dari <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2449-bayan-linnas-siri-mafhum-wasatiyyah-dan-ummatan-wasatan>

EPROSIDING INTERNATIONAL CONFERENCE ON PROFESSIONAL HUFFAZ 2023

eISBN 978-629-97894-0-6



9 786299 789406

E-PROSIDING

قَسِيْدَةٌ عَنْ حَفَازِ قُرْآنٍ وَفَلْسِيفِيُونِ قُرْآنِيَّةٍ اِنْشَاءً اَبْنَاءَ اَبْنَاءِ

PERSIDANGAN HUFFAZ PROFESIONAL PERINGKAT ANTARABANGSA

" Sustainability of Professional Huffaz Towards IR 5.0 "